

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA:	
- Memperkenalkan Akta-akta	(Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	(Halaman 2)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 16)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Pindaan) 2003	(Halaman 18)
USUL-USUL:	
Usul Bagi Meminda Susunan Aturan Urusan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 14(2)	(Halaman 18)
Usul Menangguhkan Mesyuarat di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3)	(Halaman 74)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
SPR - Tumpuan Tugas	
- Tuan Tuan Fong Kui Luar negeri (Bukit Bintang)	(Halaman 74)
Memperkasa Pendidikan Agama	
- Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)	(Halaman 78)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- " Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- " Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- " Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
- " Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- " Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Muhamad bin Abdullah, P.J.N., D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- " Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- " Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
- " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- " Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- " Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- " Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- " Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- ” Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- ” Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- “ Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

Yang	Berhormat	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
	"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
	"	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
	"	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
	"	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
	"	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
	"	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
	"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
	"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
	"	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
	"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
	"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
	"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
	"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
	"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
	"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
	"	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
	"	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
	"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
	"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
	"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
	"	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
	"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
	"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
	"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
	"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
	"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
	"	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
	"	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
	"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
	"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
	"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
	"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
	"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
	"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)

Yang Berhormat	Tuan Liew Teck Chan (Gaya)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)

Yang Berhormat	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
"	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
"	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
"	Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
"	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
"	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
"	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
"	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
"	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
"	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
"	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
"	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
"	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
"	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
"	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
"	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
"	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
"	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Tan Sri Dato' Dr. Ting Chew Peh, P.S.M., D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.S.M., J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tan Sri Hajah Zaleha binti Ismail, P.S.M., S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

“ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)

“ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia

“ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.

“ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Syed Azuddin bin Syed Othman
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Sherliza Maya binti Talkah
Chong Lai Peng

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif

JURUBAHASA SERENTAK

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Mazidah binti Mohamed
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

BENTARA MESYUARAT

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Isnin, 16 Jun 2003

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 2003;
2. Akta Kanun Tanah Negara (Pengesahan) 2003;
3. Akta Penjara (Pindaan) 2003;
4. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2003;
5. Akta Perbekalan Tambahan (2002) 2003;
6. Akta Pemberi Pinjam Wang (Pindaan) 2003;
7. Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 2003; dan
8. Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2003.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membaca perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

Perutusan daripada Dewan Negara kepada Dewan Rakyat

"Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. DR.1/2003 Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 2003;
2. DR.2/2003 Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pengesahan) 2003;
3. DR.3/2003 Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) 2003;

- | | | |
|----|-----------|---|
| 4. | DR.5/2003 | Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2003; |
| 5. | DR.7/2003 | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2002) 2003; |
| 6. | DR.9/2003 | Rang Undang-undang Pemberi Pinjam Wang (Pindaan) 2003; |
| 7. | DR.8/2003 | Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 2003; dan |
| 8. | DR.6/2003 | Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2003. |

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan jumlah dana di dalam Tabung Yayasan Kebajikan Negara dan berapakah jumlah sumbangan yang telah dikeluarkan dari tabung itu kepada mereka yang memerlukan.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah dana dalam Tabung Yayasan Kebajikan Negara adalah sebanyak RM50 juta pada tanggal 31 Disember 2002. Semenjak penubuhan Yayasan Kebajikan Negara pada tahun 1982 hingga tahun 2002, sebanyak 20,000 ribu kes telah dapat dibantu yang mana sejumlah RM68 juta telah dikeluarkan untuk membantu seluruh rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan sama ada untuk bantuan perubatan, pendidikan, bencana alam dan bantuan untuk orang kurang upaya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah pun memberikan jawapan.

Saya amat berterima kasih di atas maklum balas yang diterima tetapi Yang Berhormat, realitinya kalau kita buka surat khabar dan kalau kita..., Ahli Parlimen ini selalu didatangi oleh ramai daripada rakyat yang memerlukan bantuan ini. Ada yang hendak belah dada, yang hendak ganti *liver* dan yang hendak ganti buah pinggang.

Jadi, untuk mempercepatkan proses ini, boleh tidak Yang Berhormat, kami ini semua Ahli Parlimen ini termasuk yang Pembangkang boleh memberi bantuan untuk menggariskan kepada kita apa kriterianya, siapakah orang yang perlu dibantu dan saya fikir segala tabung yang ada ini boleh dilunaskan dengan secepat mungkin dan akhirnya akan memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman: Yang Berhormat, terima kasih. Saya ingin memberitahu Yang Berhormat bahawa sebagai latar belakang, sebenarnya dari tahun 1982 hingga tahun 2002 itu, kita telah membuat sumbangan kepada 20,000 fail tetapi kalau ikut kes, tidak semestinya 20,000 fail itu merupakan kes-kes kerana liputan masalah-masalah ataupun jenis bantuan yang kita berikan adalah seperti yang telah saya katakan iaitu bantuan perubatan yang meliputi penyakit buah pinggang, sakit jantung, lain-lain penyakit dan juga mesin *dialysis*, bantuan kebajikan dan macam-macam jenis.

Jadi, konsep yaysan ini adalah untuk memberi bantuan tambahan kepada sistem pemberian perkhidmatan yang sedia ada. Contohnya kalau macam kita ada bencana alam, kita ada pegawai-pegawai kebajikan di peringkat semua negeri sampai ke peringkat daerah yang akan memberi perkhidmatan bantuan segera secara automatik yang memang ada.

Cuma, kalau sistem itu agak terkandas, mungkin ada sedikit kelemahan-kelemahan tetapi dari segi yayasan, kita memberi bantuan dalam bentuk ihsan bagi kes-kes macam yang memerlukan bantuan segera. Contoh, kalau ada macam bencana alam, kebakaran dan sebagainya.

Jadi, kita beri ihsan, tidak semestinya kita beri bantuan untuk seluruh bagi menggantikan kerugian, contohnya. Jadi, menjawab pertanyaan Yang Berhormat tadi, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat hendak minta bantuan atau ada anak-anak buah yang mengalami masalah itu, kriteria yang kita perlukan adalah supaya pemohon mesti warga Malaysia dan juga bukan kakitangan kerajaan. *That is part of the criteria.*

Pemohon mestilah mendapatkan rawatan di hospital kerajaan yang akan dipertimbangkan rawatan dan akan dipertimbangkan rawatan di luar negara sekiranya mendapat sokongan dari sektor pakar dari hospital kerajaan, saya pun pernah menyatakan perkara ini. Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat ingin tahu lebih lanjut, boleh *directlah* dengan saya, sebab kita *menghandle* permohonan sebanyak *200 on the average, daily* ya, Ahli Yang Berhormat. Jadi itulah, kalau hendak tanya lanjut lagi, silalah, tetapi yang layak hanyalah yang telah saya beritahu tadi ini. Terima kasih.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah beliau sedar satu banjir kilat raksasa yang telah pun melanda Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan pinggirnya di mana beribu-ribu orang awam termasuk pekedai, pemilik rumah, khasnya pemilik kereta, beratus-ratus kenderaan mereka tenggelam dalam air dan mengalami kerugian yang begitu besar dan memandangkan kegagalan menangani atau mengatasi masalah banjir ini adalah di pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kerajaan Persekutuan, dan memandangkan pihak DBKL tidak bersetuju untuk memberikan apa jua pampasan atau bayaran sagu hati kepada mangsa-mangsa banjir, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa tabung ini akan memberikan bantuan wang kepada mereka yang telah mengalami kerugian dan apakah cara permohonannya.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, pertamanya tabung ini tidak bertujuan untuk memberi pampasan kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam keadaan bencana, kecuali jika diperlukan kerana Jabatan Kebajikan Masyarakat ada bersedia di peringkat kawasan-kawasan, daerah-daerah termasuk di Kuala Lumpur baru-baru ini, di mana Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi bantuan makanan kepada lebih 2,000 orang setiap hari dalam keadaan yang memang terkandas dan sebagainya. 2,000 orang setiap hari sehingga satu masa yang kita dapat laporan daripada

Tuan Tan Kok Wai: Pemilik kenderaan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman: Ya, pemilik kenderaan itu

Tuan Yang di-Pertua: Hah, hah, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman: Pemilik kenderaan itu, pegawai kita membuat siasatan dan semakan, membuat kajian kes dan selepas itu baru boleh dipertimbangkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, jadi ia tidak ada kena mengena dengan yayasan.

Seperti yang telah saya katakan

Tuan Tan Kok Wai: Ini termasuk dalam kes bencana alam.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman: Ya, ini bencana alam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Cheras, tolong, beri peluang dia menjawab.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman: Ya, ini bencana alamlah, di bawah kita punya Jabatan Kebajikan Masyarakat tetapi di bawah bencana alam ini, kita sedang pun memberi bantuan melalui bantuan harian, bantuan segera yang sudah kita *survey*, tetapi kes-kes seperti Ahli Yang Berhormat cakap itu, sedang kita buat kajian, jika difikirkan perlu

dan layak baru boleh kita pertimbangkan untuk memberi bantuan tetapi bukan daripada tabung ini ya. Terima kasih.

2. **Datuk Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) cadangan projek-projek industri pelancongan untuk Sibu di bawah Kajian Separuh Penggal dalam Rancangan Malaysia Ke-8; dan
- (b) kesan SARS terhadap industri pelancongan dan langkah-langkah yang diambil bagi memperbaikinya.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak mencadangkan projek baru infrastruktur pelancongan di Sibu, Sarawak di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan. Ini adalah kerana pihak Kementerian Kewangan dan kerajaan juga telah menetapkan bahawa di bawah Kajian Separuh Penggal (KSP) hanya peningkatan projek-projek sedia ada sahaja akan dipertimbangkan iaitu bertujuan untuk memberi nilai tambah kepada projek-projek berkenaan dari segi tarikan dan keselesaan kepada pelancong-pelancong.

Namun demikian, kita masih sedang berunding dengan Unit Perancangan Ekonomi Negara dan Kementerian Kewangan mengenai beberapa projek lain yang sangat mendesak.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan kepada perkara (b) daripada Ahli Yang Berhormat bagi Sibu ini bersama-sama dengan pertanyaan-pertanyaan berikut yang mana adalah hampir serupa, kerana mereka ingin tahu kesan pencerobohan ke atas Iraq dan wabak SARS terhadap industri pelancongan negara, iaitu:-

- (a) Soalan No. 35 pada 16 Jun 2003 dari Ahli Yang Berhormat bagi Serian;
- (b) Soalan No. 14 pada 17 Jun 2003 dari Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah;
- (c) Soalan No. 65 pada 17 Jun 2003 dari Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan;
- (d) Soalan No. 74 pada 17 Jun 2003 dari Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar;
- (e) Soalan No. 2 pada 18 Jun 2003 dari Ahli Yang Berhormat bagi Atau;
- (f) Soalan No. 26 pada 19 Jun 2003 dari Ahli Yang Berhormat bagi Temerloh;
- (g) Soalan No. 60 pada 23 Jun 2003 dari Ahli Yang Berhormat bagi Sandakan;
- (h) Soalan No. 21 pada 24 Jun 2003 dari Ahli Yang Berhormat bagi Larut;
- (i) Soalan No. 43 pada 24 Jun 2003 dari Ahli Yang Berhormat bagi Bachok;
- (j) Soalan No. 56 pada 24 Jun 2003 dari Ahli Yang Berhormat bagi Selangau;
- (k) Soalan No. 26 pada 26 Jun 2003 dari Ahli Yang Berhormat bagi Tebrau; dan akhir sekali,

- (l) Soalan No. 42 pada 26 Jun 2003 dari Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Nerus.

Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati bahawa kesan pencerobohan ke atas Iraq tidak mempunyai kesan yang ketara ke atas industri pelancongan Malaysia. Ini adalah disebabkan bahawa:

- (a) Musim percutian pelancong-pelancong Timur Tengah jatuh hanya pada pertengahan bulan Jun sehingga bulan September manakala peperangan Iraq telah berlaku pada pertengahan bulan Mac hingga April 2003.
- (b) Pasaran pelancong utama Malaysia masih bertumpu kepada rantau Asia Pasifik dan pasaran Timur Tengah hanya menyumbang sebanyak 1% sahaja kepada jumlah keseluruhan ketibaan Malaysia.

Oleh itu industri pelancongan Malaysia adalah lebih terjejas dengan teruknya oleh wabak SARS memandangkan negara-negara yang dijangkiti SARS adalah berada di rantau Asia Pasifik. Statistik ketibaan telah menunjukkan kejatuhan mulai bulan Mac yang mencatatkan penurunan sebanyak 35.6% dan seterusnya 58.6% pada bulan April dan pada bulan Mei pula masih merosot, sungguhpun saya tidak mempunyai angka yang terakhir, tetapi sudah tentu lebih daripada 40%.

Kemerosotan ketibaan juga disebabkan pekelling pembekuan serta syarat-syarat ketat yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan Kementerian Kesihatan kita sendiri untuk rakyat beberapa negara yang dijangkiti oleh wabak SARS.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan melalui Tourism Malaysia telah dan sedang mengambil langkah-langkah seperti berikut untuk mengatasi masalah ini serta memulihkan keyakinan terhadap Malaysia kita:-

- (a) Bekerjasama dengan Penerbangan Malaysia (MAS) di dalam mengadakan pakej pelancongan istimewa untuk pasaran domestik dan antarabangsa. Contohnya untuk pasaran domestik, satu pakej yang dikenali sebagai "*Malaysian Getaway*" telah dilancarkan baru-baru ini dengan menawarkan harga yang amat menarik sekali. Manakala untuk pasaran antarabangsa pula, satu pakej yang dikenali sebagai "*Malaysia Showcase*" yang menawarkan para pelancong asing dengan penginapan percuma selama 4 hari/3 malam juga telah dilancarkan.
- (b) Meneruskan program *Mega Fam* yang dilaksanakan semenjak tahun 2000. Pada tahun 2002, Tourism Malaysia telah menjemput dan meraikan seramai 5,220 orang ejen, iaitu *the decision makers* dan media antarabangsa sama ada dari media cetak, elektronik dan stesen televisyen antarabangsa.
- (c) Meneruskan misi-misi galakan ke luar negara yang memberi pulangan segera dari segi jumlah kedatangan pelancong ke Malaysia.
- (d) Menggalakkan aktiviti MICE (Meeting, Incentive, Convention and Exhibition) kerana ia memberi pulangan yang lebih lumayan dan publisiti mengenai Malaysia yang meluas seperti penganjuran XIII NAM di Kuala Lumpur pada 20-25 Februari 2003.
- (e) Tourism Malaysia juga memainkan peranan yang aktif di dalam kerjasama serantau dengan negara-negara ASEAN dan dengan negara China, Korea dan Jepun. Malaysia memainkan peranan yang penting di dalam ASEAN Joint Marketing Task Force dan ASEAN NTO's Meeting untuk menjalin kerjasama serantau dan seterusnya berusaha bersama-sama di dalam mempromosikan Malaysia.

- (f) Tourism Malaysia akan meneruskan kempen pengiklanan di media cetak dan elektronik di pasaran-pasaran berpotensi, serantau dan antarabangsa.
- (g) Mempergiatkan kempen pelancongan domestik melalui kempen "Cuti-Cuti Malaysia" dengan mengambil kira untuk memperkenalkan produk-produk pelancongan yang baru.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat bagi Marang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengemukakan soalan tambahan. SARS merupakan ancaman jangka pendek di sana, termasuk perkara-perkara yang perlu difikirkan iaitulah ancaman jangka panjang pemusnahan semula jadi koral dan seumpamanya. Sejauh manakah penyelarasan dilakukan oleh Kementerian Yang Berhormat dengan Jabatan Alam Sekitar dalam memelihara koral, memelihara alam sekitar kerana terdapat perkara-perkara yang menunjukkan seolah-olah tidak ada penyelarasan dan terdapat keizinan dan keputusan yang tidak mengambil kira pandangan kerajaan negeri.

Projek-projek yang dilaksanakan memusnahkan koral yang dikatakan mendapat kebenaran daripada Jabatan Alam Sekitar ataupun kementerian Yang Berhormat tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pejabat tanah, daripada kerajaan negeri, maka berlakulah pemusnahan-pemusnahan. Saya menerima pengaduan daripada Pertubuhan Alam Sekitar. Sebagai contoh, yang berlaku di Pulau Redang, Terengganu, terdapat projek-projek yang memusnahkan koral ini kerana mereka mendapat keizinan daripada Jabatan Alam Sekitar ataupun Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada kerajaan negeri. Sejauh mana penyelarasan ini dilaksanakan dengan tepat dan betul. Terima kasih.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sukacita dinyatakan bahawa semua projek yang dibina itu harus mendapat kebenaran dahulu, dan prosesnya mestilah melalui Majlis-majlis Perbandaran dan juga Majlis-majlis Daerah. Jadi, saya harap juga supaya Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran di Terengganu akan sepanjang masa memantau projek-projek ini. Misalnya, projek di Pulau Redang itu telah didedahkan tentang pembinaan jeti dan sebagainya, yang tidak mendapat kelulusan oleh akhbar. Kita pun tidak tahu tetapi orang yang berdekatan iaitu Majlis Daerah dan juga Majlis Perbandaran, dialah yang kena memantau. Yang kita duduk di Kuala Lumpur macam mana hendak memantau.

Jadi, soalan ini sepatutnya Yang Amat Berhormat menunjukan kepada Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran di Terengganu yang diketuai dan dipengerusikan oleh ahli-ahli parti PAS. [Tepuk] Ha, inilah yang sepatutnya, Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi, tidak betullah untuk mengatakan projek Pulau Redang itu diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ataupun Jabatan Alam Sekitar. Malah kita pun terkejut macam mana benda ini boleh dilaksanakan. Jadi, tanggungjawabnya, kesalahannya adalah terletak kepada Majlis-majlis Daerah dan Majlis-majlis Perbandaran. Banyak lagi dibina segala *chalet* yang tidak ada kelulusan ... sepanjang masa dok berjalan. Saya minta kerjasama Yang Amat Berhormat supaya Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah lebih aktif untuk memantau keadaan di pulau-pulau itu. [Tepuk]

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, SARS telah pun tamat insya-Allah dan kesan kepada pelancongan negara kita insya-Allah akan pulih. SARS yang dikatakan kebarangkalian daripada khinzir tetapi yang paling malangnya dan sangat memalukan, parti PAS melalui *Harakah*, telah membayangkan SARS daripada khinzir, SAR daripada Mahathir, satu penghinaan kepada Perdana Menteri dalam keluarannya yang baru-baru ini. Satu kebiadaban

Beberapa Ahli: Biadap, kurang ajar.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: dan ini boleh mengkhianati negara ya. Saya berharap orang-orang PAS biarlah rasional sedikit, biar beretika, biar Islamik sedikit, jangan memaparkan perkara-perkara yang menjijikkan dan menaruh kebencian rakyat. *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Apa itu PAS? Nama sahaja Islam.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Dia tuduh S A R daripada Mahazir – M-a-h-a-z-i-r. Dia menuduh, satu tuduhan yang begini berat, yang tidak boleh diterima oleh seluruh rakyat Malaysia. *[Disampuk]* Saya minta sedikit komen Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Apakah agaknya penjelasan bagi menghadapi orang-orang yang tidak beretika di dalam PAS, lidah rasmi PAS. *[Disampuk]* Apakah ini satu parti yang menerapkan Islam? Ini bukan Islamic, ini lebih daripada iblis – menghina pemimpin yang telah berjasa kepada negara dan seluruh dunia. Saya membela Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, jangan dihina. Hina Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad bermakna menghina seluruh rakyat Malaysia dan seluruh rakyat di dunia ini, terima kasih. *[Ahli-ahli Barisan Nasional bersorak]*

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memanglah Allah S.W.T. selalu, sedang mengikuti tentang apa yang dicakap benar dan cakap bohong dan sebagainya. Maka itulah sebabnya selama ini, sudah 46 tahun kita merdeka, sungguhpun dia fitnah macam-macam tetapi tidak boleh, tidak pernah menang *[Tepuk]* dan insya-Allah mereka tidak akan menang sampai bila-bilalah. Itulah hukuman Allah S.W.T. *[Sorak]*

3. **Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan bagaimana dan sejauh mana Kerajaan memastikan program IT yang diterapkan di semua peringkat masyarakat di negara ini tidak membawa kesan buruk sama ada jangka pendek mahupun jangka panjang terutama di kalangan remaja.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan menggalakkan penggunaan teknologi maklumat atau, dengan izin, *information technology*, di kalangan rakyat sebagai usaha, dengan izin, *enabler*, bagi mempercepatkan pembangunan ekonomi negara terutama ke arah ekonomi yang berasaskan pengetahuan ataupun *knowledge-based economy*.

Kerajaan menggunakan dua pendekatan utama untuk memastikan program IT diterapkan secara berkesan dan berfaedah kepada rakyat. Pendekatan pertama ialah melalui perundangan, di mana beberapa undang-undang cyber seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Jenayah Komputer 1997 dan sebagainya, telah dikuatkuasakan untuk memastikan kepentingan semua pihak terpelihara. Walau bagaimanapun, kerajaan sedar bahawa pendekatan undang-undang sahaja tidak mencukupi untuk memastikan orang ramai menggunakan teknologi IT secara bijak.

Program pendidikan dan kesedaran juga dilaksanakan supaya masyarakat dapat mengambil faedah sepenuhnya kepada ICT. Sebagai contoh, kementerian telah dan akan melaksanakan program penggunaan Internet secara positif supaya golongan sasaran seperti ibu bapa, penuntut dan golongan remaja diberi pendidikan dan kesedaran mengenai penggunaan Internet secara positif dan berfaedah. Kementerian dengan pihak industri juga telah dan akan mengadakan program Kem Perisian Kanak-kanak Siber atau *Cyberkids*, untuk mendidik murid-murid sekolah mengenai penggunaan Internet dengan bijak. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan, apakah undang-undang yang akan dibentang dan dipindahkan di

dalam Dewan ini untuk menangani masalah jenayah dan banyak perkara seperti 'spam', yang kian menjadi-jadi bukan sahaja di negara ini bahkan di seluruh dunia. Apakah undang-undang yang akan dibentangkan di sini ataupun dipindakan di sini untuk menangani masalah-masalah yang timbul sekarang dan seterusnya apakah kejayaan untuk mengadakan *Broadband* di negara ini. Setakat manakah kita berjaya untuk menggunakan ICT *Broadband* di negara ini dan juga bilangan pengguna Internet setakat ini? Adakah tercapai dua juta atau tiga juta walaupun berbilion sudah digunakan dan usaha serta program digunakan untuk negara ini. Jika kita bandingkan dengan Singapura atau Hong Kong apakah peringkat kita berbanding dengan negara-negara seumpama ini.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, undang-undang yang sedia ada seperti yang saya katakan ialah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan juga Akta Jenayah Komputer 1997, ada memperuntukkan di mana penyalahgunaan supaya *spam* dan *DOS* atau (*denial of service*) - dengan izin - ada diperuntukkan denda RM50,000 ataupun penjara setahun atau kedua-duanya sekali. Jika disabit kesalahan di bawah akta-akta atau peruntukan yang digunakan, boleh diperkuatkuasakan.

Selain daripada Undang-undang Siber ini, memang ada undang-undang penjenayah atau undang-undang yang sedia ada yang lain dapat memainkan peranan supaya kita dapat merendahkan atau menghapuskan penyalahgunaan atau *abuse* internet itu.

Setakat ini dari segi *Broadband* kita boleh menerima laluan atau *speed* 384 *mega bytes per second* sebagai satu jalur *Broadband* itu oleh kerana melalui syarikat-syarikat komunikasi seperti Telekom dan lain-lain syarikat seperti Jaring dan sebagainya telah memberi tawaran yang begitu menarik iaitu RM88 sebulan di mana ramai orang dapat menggunakannya melalui internet tanpa hadnya.

Memang sekarang ada satu situasi di mana permintaan adalah lebih daripada bekalan atau *supply*. *The demand exceeds supply*. Sebab itu nampaknya ada satu *trend* di mana penggunaan melalui *Streamyx* atau *Broadband* amatlah digalakkan dalam keadaan ini. Boleh dikatakan bahawa pengguna atau pelanggan internet kalau mengikut *subscribers* pada akhir tahun 2002, bilangan ialah lebih kurang 2.6 juta pelanggan atau *subscribers* tetapi kalau kita ambil pandangan di mana setiap pelanggan mungkin ada pengguna-pengguna atau *users* mungkin ada tiga atau empat kali ganda, jadi boleh dikatakan lebih daripada 8 juta pengguna internet terdapat di negara ini.

Tetapi kalau dibandingkan dengan negara-negara lain seperti Singapura atau Korea, memang ini tidak ada bandingan, tetapi boleh dikatakan setakat ini menggalakkan. Sekian, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita percaya bahawa program IT ini telah memberi pendidikan ICT dalam menghadapi era globalisasi masa kini. Soalan tambahan: Apakah langkah-langkah drastik yang telah diambil oleh kerajaan dan Kementerian ini untuk memasitkan bahawa pendidikan ICT atau IT ini dapat disebar di seluruh peringkat, lebih-lebih lagi di peringkat luar bandar? Sebab pada dewasa ini fakta telah memperlihatkan cuma masyarakat di bandar sahaja yang menerima lebih banyak *input* daripada pendidikan IT ini jika dibandingkan di luar bandar. Dengan ini, jurang digital akan dapat disaksamakan di antara kedua-dua bandar dan juga di luar bandar, langkah-langkah drastik yang telah diambil oleh kerajaan. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar bahawa jurang digital kalau tidak ditangani akan membawa masalah-masalah yang tidak diingini. Oleh sebab itu kerajaan melalui projek-projek seperti perkhidmatan sejagat dan sebagainya, akan membawa kemudahan-kemudahan IT ke luar bandar bukan sahaja di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia tetapi juga melalui kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan lain-lain Kementerian. Dan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan baru-baru ini telah diluluskan RM1 bilion di mana lebih daripada 2,300 buah sekolah atau klinik atau agensi atau pusat-pusat luar bandar akan diberi perkhidmatan internet dan juga perkhidmatan komputer. Dan melalui projek-projek seperti ini di mana kebanyakannya adalah di luar bandar dan khususnya di Sabah dan Sarawak, kita dapat mengurangkan jurang digital di kalangan rakyat. Sekian, terima kasih.

4. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri menyatakan sejauh manakah kejayaan pihak Kementerian dalam menarik kemasukan para pelabur asing ke negara ini semenjak 5 tahun yang lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman yang perlu dijawab pada 24 Jun 2003 kerana kedua-dua soalan ini berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, iaitu dari tahun 1998 hingga tahun 2002, sebanyak 4,094 projek perkilangan telah diluluskan dengan nilai pelaburan berjumlah RM120.6 bilion.

Dari jumlah ini, RM75.6 bilion atau 62.7% adalah pelaburan asing. Sumber utama pelaburan asing bagi tempoh 1998 hingga tahun 2002 adalah seperti berikut:

Negara	Bilangan Projek	Nilai Pelaburan (RM)
Amerika Syarikat	206	25.2 bilion
Jepun	622	9.7 bilion
Jerman	97	9.6 bilion
Singapura	722	6.9 bilion
Belanda	58	4.3 bilion

Bagi tempoh Januari hingga April tahun ini, sebanyak 350 projek perkilangan telah diluluskan dengan nilai pelaburan berjumlah RM5.9 bilion. Dari jumlah ini, RM2.5 bilion atau 40.7% adalah pelaburan asing. Sumber utama pelaburan asing bagi tempoh ini adalah seperti berikut:

Negara	Bilangan Projek	Nilai Pelaburan (RM)
Jepun	57	1.1 bilion
Singapura	47	236 juta
Taiwan	28	223.5 juta
Amerika Syarikat Hong Kong	11	200.1 juta
	58	93.9 juta

Kejayaan Malaysia menarik pelaburan asing bukan sahaja dilihat melalui bilangan projek dan nilai pelaburan tetapi juga dari segi kualiti projek pelaburan yang diterima. Dalam beberapa tahun yang lepas, Malaysia telah berjaya menarik pelaburan berkualiti yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dan berteknologi tinggi, berintensifkan modal dan pengetahuan serta mempunyai rantaian industri yang meluas.

Antara projek-projek yang berkualiti adalah seperti *Plutonic Opto*, *Electronic Wireless Technology* - dengan izin - dan *Biotechnology* yang memberi impak yang *significant* ke atas pertumbuhan ekonomi negara khususnya dari segi pendidikan dan

pembangunan, reka bentuk produk, pembangunan teknologi, peningkatan eksport dan pewujudan peluang-peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memasitkan Malaysia terus berjaya menarik pelaburan asing yang berkualiti serta menggalakkan syarikat-syarikat sedia ada mengembangkan operasi mereka di Malaysia, kerajaan sentiasa berusaha untuk menarik minat pelabur asing secara berterusan datang dan melabur di Malaysia. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) mewujudkan iklim pelaburan yang *conducive* serta melaksanakan dasar pelaburan yang liberal dan terus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing;
- (ii) memperkenalkan insentif-insentif baru serta memperbaiki insentif-insentif sedia ada;
- (iii) mempertingkatkan kecekapan sistem penyiapan perkhidmatan kerajaan di semua peringkat;
- (iv) mengambil langkah-langkah mengurangkan kos menjalankan perniagaan;
- (v) menganjurkan misi penggalakan perdagangan dan pelaburan ke destinasi-destinasi utama seperti di Amerika Syarikat, Jepun, China, Taiwan, Korea dan negara-negara Eropah;
- (vi) menganjurkan misi projek spesifik untuk menarik syarikat-syarikat asing yang memiliki teknologi yang sesuai untuk menempatkan operasi di Malaysia; dan
- (vii) menganjurkan seminar pelaburan tempatan dan seminar/kursus serta mengadakan sesi dialog dan penerangan dengan sektor swasta.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri ada menyatakan rasa kesal mereka, bahkan seluruh rakyat kecuali pembangkang di atas kempen memfitnah, memburukkan nama negara kita ini, seolah-olah untuk menyekat kehadiran pelabur-pelabur di samping masalah SARS yang berlaku. Jadi, saya ingin bertanya kesannya daripada kempen-kempen yang memburukkan negara kita ini di mata pelabur asing yang disokong kuat oleh parti pembangkang yang tidak habis-habis untuk memburukkan kerajaan. Selain kesan tersebut, sama ada pelabur-pelabur juga menyatakan rungutan mereka untuk mendapatkan tanah-tanah bagi tujuan mendirikan industri mereka terutamanya di negeri-negeri yang diterajui oleh PAS, selain rancangan kerajaan untuk melebarkan lagi pelaburan di kawasan-kawasan ataupun negeri-negeri yang sedang ketinggalan. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha pihak tertentu termasuk pembangkang untuk memburukkan imej dan nama Malaysia supaya pelabur-pelabur asing tidak melabur di Malaysia ini tidak berjaya. Apa yang kita dapati ialah pelabur-pelabur asing dan pihak swasta, mereka tahu hal sebenarnya di Malaysia dan bagaimana Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang begitu telus dan sentiasa memberi kepentingan terhadap masalah yang dihadapi oleh mereka dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional memang yang kondusif dan meyakinkan untuk mereka terus melabur di Malaysia.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Mana-mana majalah ekonomi, kalau sesiapa yang peka, akan mengatakan dua sektor yang akan menguasai ekonomi dunia pada masa hadapan. Yang pertama, ialah bio-teknologi. Yang kedua ialah ICT. Daripada angka-angka yang dibilang, yang diberitahu oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, menampakkan bahawa pelaburan asing dalam bio-teknologi *almost* tidak kedengaran. Sedangkan inilah sektor yang paling besar yang menghasilkan ekonomi pada masa hadapan.

Yang kedua, walaupun kerajaan telah berbelanja lebih daripada RM20 bilion untuk memajukan jalur Multimedia Super Corridor, tetapi pelaburan yang dibawa masuk oleh pelabur asing itu juga seolah-olah tidak kedengaran. Kenapakah kegagalan ini boleh berlaku? Di samping saya hendak membetulkan kenyataan Yang Berhormat bagi Larut yang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan dan Kerajaan Negeri Terengganu tidak beri tanah, sedangkan pelaburan itu paling besar pada tahun 2002 berada di Terengganu, RM5 bilion daripada syarikat Jerman. *[Tepuk] [Dewan gamat seketika]* Macam mana kita tidak beri *cooperate* dengan pelaburan ini? Paling besar dalam Malaysia. *[Beberapa Ahli Pembangkang membuat bising]* So, minta jawab yang bio-teknologi dan ICT. Kenapa gagal kita tarik pelabur luar tentang hal ini? Sekian, minta penjelasan.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama mengatakan tidak ada pelaburan dalam bidang bio-teknologi dan MSC yang berkualiti adalah tidak benar. Kalau kita lihat senarai-senarai projek yang diluluskan pada tahun lepas dan tahun ini, ada projek-projek bio-teknologi. Jadi, jangan buat tuduhan yang tidak berasas. Yang kedua, tentang pelaburan yang telah memilih untuk melabur di Terengganu pada tahun lepas, adalah salah satu yang terbesar pada tahun lepas, itu memang benar. Tetapi, jangan terlalu cepat ambil kredit. Sebenarnya, ini menunjukkan satu fakta yang menafikan tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh pihak pembangkang, bahawa Kerajaan Pusat sentiasa menyuruh pelabur asing jangan melabur di Terengganu, langsung tidak benar, ini satu fakta.

Sebenarnya apa yang berlaku ialah oleh sebab Kerajaan Pusat sedar bahawa iklim pelaburan di Terengganu dan Kelantan kurang baik, maka dan atas usaha Kerajaan Pusat telah berusaha dan membantu barulah kita dapat pelaburan tersebut. Jadi, tidak ada kredit kepada kerajaan kepada parti pembangkang. Terima kasih.

5. **Tan Sri Dato' Dr. Ting Chew Peh [Gopeng]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) sama ada pihak kementerian menggalakkan sekolah-sekolah bantuan modal ditukarkan menjadi sekolah-sekolah bantuan penuh; dan
- (b) apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi sebelum sesebuah sekolah bantuan modal ditukarkan menjadi sekolah bantuan penuh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd Khir]: Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan kebangsaan di peringkat rendah terdiri daripada Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SKJC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang telah pun wujud sejak sebelum merdeka lagi. Ketiga-tiga jenis sekolah tersebut adalah tergolong di bawah kategori sekolah kerajaan, sekolah bantuan penuh dan sekolah bantuan kerajaan, sekolah bantuan modal. Buat masa ini, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk meningkatkan prasarana kurikulum dan pengajaran dan pembelajaran di SK serta memperkasakan di samping meneruskan bantuan kepada sekolah bantuan kerajaan. Oleh kerana kedudukan kewangan kerajaan agak terhad, maka tumpuan kerajaan adalah untuk memperkasakan sekolah kebangsaan.

Untuk menjadikan semua sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan, adalah melibatkan kos yang tinggi dan buat masa ini, keperluan yang disebutkan tadi adalah lebih mendesak. Walau bagaimanapun, kerajaan menyediakan semua kemudahan seperti yang diberikan kepada sekolah kerajaan. Ini termasuk Guru Terlatih Bantuan Geran (PCG) dan lain-lain. Malah, kerajaan menyalurkan bantuan modal untuk membaik pulih dan mengubahsuai bangunan, mengganti perabot dan peralatan, menambah bilik darjah dan makmal yang baru. Buat masa ini, tidak ada syarat yang ditetapkan untuk penukaran status sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan dan ianya dipertimbangkan mengikut kes demi kes berasaskan kemampuan kerajaan.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin tahu, ataupun bolehkah Yang Berhormat beritahu dalam Dewan yang mulia, berapa peratus daripada SKJC dan SKJT yang merupakan sekolah

bantuan modal dan cara kementerian memberikan peruntukan kepada sekolah bantuan modal dan bantuan penuh. Jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi, yang mengatakan bahawa sekolah bantuan modal juga adalah dalam aliran perdana pendidikan negara kita ataupun sekolah kerajaan. Jadi, setujukah Yang Berhormat dengan saya iaitu, sudah sampai masanya kementerian harus mempertimbangkan supaya bantuan yang diberikan kepada sekolah bantuan modal itu haruslah sama dengan bantuan penuh. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kluang. Saya percaya Yang Berhormat sudah maklum. Tadi, telah saya sebutkan dalam sistem persekolahan kita ada beberapa kategori sekolah, tetapi semuanya ini mendapat bantuan kerajaan. Di sini, perlu juga saya jelaskan bahawa perbezaan antara bantuan penuh dan bantuan modal. Kalau secara umumnya, kalau kita dapat menyatakan di sini ialah, ia tidak begitu jauh bezanya. Cuma, sekolah bantuan penuh tadi ataupun sekolah kerajaan yang kita sebutkan adalah dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan termasuk bangunan, termasuk tanah dan sebagainya.

Jadi bagi sekolah bantuan modal tadi, ia mempunyai *board of governors* nya dengan izin dan juga segala-galanya itu ditentukan dan diberikan bantuan oleh pihak kerajaan. Kita tidak menganaktirikan yakni bantuan penuh, sepenuhnya kita beri. Ini sekolah bantuan modal, kita beri separuh, tidak juga. Jadi harus Yang Berhormat dapat ingatkan. Umpamanya bantuan modal yang kita baik pulih, ini saya bagi contoh sahaja. Pada 2001, sebanyak 123 buah sekolah telah kita membelanjakan RM23 juta, pada 2002 sebanyak 306 buah sekolah kita telah membelanjakan RM15 juta dan begitu juga pada 2003 yang lalu, 75 buah sekolah yang mana kita telah membelanjakan RM10 juta.

Jadi dalam hal ini, janganlah kita bangkitkan lagi persoalan bahawa kita membezakan sekolah ini malah sekolah bantuan modal juga telah saya sebutkan tadi, gurunya guru terlatih, guru yang dilatih oleh pihak kerajaan dan segala makmal, alatan dan sebagainya, semuanya itu diberikan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa kerana masalah ekonomi, jadi sekolah-sekolah bantuan penuh atau sekolah kebangsaan memang diberi keutamaan. Jadi memang ada perbezaannya, tidak boleh kata tidak ada beza. Kalau tidak ada beza, mengapa adanya dua kategori sekolah bantuan modal dan sekolah bantuan penuh. Oleh itu memang ada perbezaannya tetapi daripada segi undang-undang Perlembagaan, tidak boleh dibezakan sekolah kepada dua kategori - bantuan modal dan bantuan penuh. Lagipun dalam era sekarang bahawa pengetahuan begitu penting. Jadi semua sekolah adalah penting.

Pihak MCA selalu mengatakan bahawa "*Walau bagaimana miskin pun, tidak boleh miskin pendidikan*" [*Beberapa Ahli Menyampuk*] itulah kerana pendidikan begitu penting, ia adalah asas untuk menentukan sama ada negara ini akan maju pada masa hadapan. Dan saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini berapa jumlah sekolah bantuan modal yang sekarang di dalam keadaan yang begitu uzur dan perlu dibina semula tetapi oleh kerana kekurangan kewangan, ia tidak dapat dibina semula. Mungkin di kawasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sendiri ada beberapa buah. Jadi bagaimana kita boleh...

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, pertanyaannya ya...

Puan Chong Eng:dalam negara yang dikatakan begitu maju ada wang untuk *business* tetapi tidak ada wang untuk membina sekolah. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya rasa Yang Berhormat agak terkeliru. Kadangkala Yang Berhormat..., maaf saya cakaplah, kalau dalam bahasa Inggeris secara kasarnya, *you speak with a double tongue*.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sekali begini, sekali begitu. Umpamanya saya ambil contoh, apabila kita pindah sekolah Damansara itu ke satu tempat yang lebih selesa daripada ini, pihak Yang Berhormat juga mengatakan ini tidak adil, kenapa perlu pindah dan

sebagainya, padahal kita sudah pindah tapak dan dipersetujui sebulat suara untuk berpindah tetapi pihak Yang Berhormat bikin kacau...

Seorang Ahli: Ha, itu dia.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Jadi sebab itu saya katakan.... [*Tepuk*] Cakap tidak serupa bikin. Dalam Dewan bercakap - kitalah membela sekolah jenis kebangsaan Cina, kitalah itu, kitalah ini dan tidak harus ada perbezaan tetapi apabila kita buat benda yang elok, pihak Yang Berhormat tidak memberi....

Tuan Tan Kok Wai: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Cheras!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:Sokongan.

Tuan Tan Kok Wai: [*Bangun*] [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Cheras, Cheras....Cheras! Hmmm...

[*Beberapa Ahli bercakap tanpa pembesar suara*] [*Dewan gamat*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup!

Puan Chong Eng: [*Bangun*] [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Tan Kok Wai: [*Bangun*] [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Puan Fong Po Kuan: [*Bangun*] [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

[*Dewan gamat*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, saya perlu *Standing Order*, ya. Saya bercakap tidak perlu gangguan di sini. Apa gangguan ini....

Tuan Tan Kok Wai: Sekolah jadikan satu, ini masalahnya.

Tuan Yang di-Pertua: Cheras, Cheras!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ini saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua. Saya sedang bercakap, di sana ganggu!

Beberapa Ahli: [*Bangun*][*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Jangan ganggu saya bercakap!

Tuan Yang di-Pertua: Duduklah!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Biar saya habiskan dahulu!

Beberapa Ahli: [*Beberapa Ahli bercakap tanpa pembesar suara*] [*Dewan riuh*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua,...

Seorang Ahli: Duduklah, duduk!

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukup, cukup! Cukuplah!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya beri satu contoh...

Tuan Tan Kok Wai: [*Bangun*] [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Cheras, Cheras, sila duduk Cheras!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:.....Dan berikan peluang saya habiskan.

Puan Fong Po Kuan: [*Bangun*] [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*] [*Dewan gamat*]

Seorang Ahli: Batu Gajah, cukup! Sudah kena satu kali.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya sambung jawapan saya?

Beberapa Ahli: Boleh, boleh!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua,.....

Seorang Ahli: Teruskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:...Tadi saya baru beri satu contoh sudah melompat. Kalau saya beri lagi banyak contoh, saya rasa semuanya melambung! *[Dewan gamat dengan ketawa]* Ini pasti marah.

Tuan Yang di-Pertua, inilah perangai-perangai yang kita panggil perangai DAP *[Disampuk]* Saya telah katakan tadi kita tidak ada perbezaan antara sekolah bantuan penuh dan bantuan modal.

Apa yang saya sebut tadi daripada segi keutamaan pembangunan sekolah-sekolah, kita beri keutamaan kepada sekolah kebangsaan. Kalau sekolah bantuan modal ini kita perlukan perpindahan tapak, bangunan dan sebagainya, ia memerlukan kos yang tinggi. Itu penjelasan saya tetapi daripada segi segala kemudahan, saya juga telah pun nyatakan kita tidak ada bezakan antara sekolah kerajaan dan sekolah bantuan modal. Itu sahaja. Saya rasa DAP ini tidak fahamlah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kerk Kim Hock.

Tuan Kerk Kim Hock: Nampaknya dia ada niat hendak membunuh soalan saya. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang keenam.

6. **Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah laporan polis yang telah diterima berkaitan dengan dakwaan Ketua Pemuda MCA bahawa wujudnya politik kongsi gelap di dalam parti itu dan apakah hasil siasatan polis.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bahawa tuduhan hendak bunuh soalan ini tidak timbul...

Seorang Ahli: Dirinya sendirilah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:....Kecuali yang menyoal itu mati *[Dewan gamat dengan ketawa]* *[Tepuk]* Dan kita semua dalam Dewan ini berdoa kawan-kawan semua, semua hidup dan buat soalan dengan baik.

Seorang Ahli: Doa mati macam itu.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya, ya.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tidak, tidak. Kalau orang itu mati, soalnya tidak bangkitlah *[Disampuk]*. Kalau tidak mati, ada lagi!

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka bersama-sama soalan yang timbul dari Yang Berhormat bagi Tanjong pada hari ini juga iaitu soalan nombor 38; kemudian Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan Yang Berhormat bagi Bagan pada 25 Jun kerana persoalan-persoalan ini hampir sama dan dengan tujuan dan niat yang sama *[Dewan gamat dengan ketawa]*

Saya percaya kalau tidak salah saya, wakil-wakil ini adalah semua daripada DAP [Disampuk] Dan bertanya mengenai MCA.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan oleh Ketua Pemuda MCA yang mendakwa wujudnya kongsi gelap di dalam parti, pihak polis telah mengambil tindakan untuk menyasiat dakwaan tersebut. Pihak polis telah menjalankan siasatan melalui temubual dan risikan ke atas saksi-saksi yang dikenal pasti yang telah dibuat dan tuduhan yang mengatakan bahawa surat-surat layang berkaitan dengan perkara ini, sehingga kini termasuk tiga laporan yang dibuat ke Balai Polis Bukit Mertajam, yang dibuat di Balai Polis Klang dan yang dibuat di Balai Polis Jalan Travers adalah bersangkutan dengan tuduhan ini dan surat layang yang berkenaan.

Setakat ini pihak polis akan meneruskan siasatan-siasatan terhadap individu-individu yang berkaitan. Dan tiada bukti yang menunjukkan bahawa adanya individu dan parti politik yang terlibat ataupun mengamalkan budaya politik kongsi gelap. Terima kasih.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, dahulu MCA kata DAP tidak payah tanya sebab pasukan B akan bantai. Sekarang kita kena tanya. Tuan Yang di-Pertua, ada desas-desus yang mengatakan bahawa pemuda MCA dalam dakwaannya telah mengatakan seorang menteri MCA memang terlibat dan baru-baru ini seorang menteri MCA juga telah membuat laporan polis menyangkalkan bahawa surat layang yang berkaitan namanya tidak betul dan beliau juga berkata saya tidak pernah bercampur gaul dengan pemimpin kongsi gelap tetapi terdapat dua laman web di internet, satu, yang dikatakan saya difahamkan diuruskan oleh pasukan team B, www.mynewfocus.com memaparkan gambar di mana menteri itu bergambar dengan pemimpin yang namanya telah di dalam surat layang itu.

Jadi lagi satu surat layang itu juga, Tuan Yang di-Pertua, dipaparkan laman web okopitiam, www.okopitiam.com kalau saya tidak silap. Jadi saya hendak tanya, adakah polis telah mengadakan satu siasatan yang menyeluruh dengan mengambil maklumat daripada laman web internet ini dan kalau semua orang boleh tahu Tuan Yang di-Pertua sekarang saya difahamkan 8 juta rakyat menggunakan perkhidmatan internet. Kalau 8 juta orang boleh nampak ada gambar, ada buat siasatan, ada panggil, ada tanya menteri itu tidak?

Ini semua jelas dalam laman web. Saya minta supaya satu siasatan yang menyeluruh diadakan.

Dato' Zainal Abidin bin Zain: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat yang bertanya saya telah mengatakan bahawa terdapat senarai individu yang dianggap boleh menjadi saksi dan memberi keterangan ini dan oleh sebab pengenalan orang-orang yang berkenaan ramai, pihak polis telah membuat penyiasatan ini.

Saya juga telah menerangkan sehingga tahap ini daripada penyiasatan yang telah dibuat termasuk individu yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi kita juga menyasiat, PDRM telah membuat siasatan dan sehingga ini tidak ada bukti yang mengatakan bahawa budaya ataupun politik gangsterism ataupun kongsi gelap ada terbukti diamalkan di dalam parti politik yang berkenaan termasuk individu yang telah menerima surat layang ini dan individu berkenaan juga telah membuat laporan polis iaitu di Jalan Travers.

Saya harap Yang Berhormat boleh menerima pengakuan ini dan kita tidak berhenti kalau Yang Berhormat juga ada lagi saksi ataupun Yang Berhormat mengatakan ada bukti ini. Insyallah saya akan meminta PDRM datang menyasiat sendiri, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat, cukup. Yang Berhormat Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad.

Beberapa Ahli: [Bangun] [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Cukup. Yang Berhormat, cukuplah perkara ini.

7. **Datuk Ruhani bin Haji Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan sama ada Majlis Amanah Rakyat (MARA) membantu usahawan muda bumiputera di bidang ICT dan berapakah jumlah pinjaman yang telah diberikan sejak tahun 2000.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang Dipertua, Majlis Amanah Rakyat (MARA) sentiasa peka kepada perkembangan perniagaan semasa termasuk perniagaan dalam bidang ICT. Bagi membantu meningkatkan usahawan bumiputera terlibat dalam bidang ICT pihak MARA telah mengadakan latihan kepada graduan-graduan universiti yang ingin menceburi bidang perniagaan ICT melalui program latihan *technopreneur*

Seramai 1,425 usahawan telah mengikuti latihan keusahawanan dalam bidang ICT semenjak dari tahun 2000 hingga 2002. Di samping latihan, MARA juga telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM4,416,000.00 kepada 167 usahawan ICT bermula dari tahun 2000 hingga Mei 2003. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan bergantung kepada keperluan usahawan. Bagaimanapun had bagi permulaan pinjaman adalah di antara RM10,000 hingga RM 1 juta. Kuala Terengganu hendak tanya?

Tuan Mohd Apani bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat menteri, sekarang ICT telah mula dipalu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sejak awal 1990 tetapi yang menyedihkan jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh MARA setakat ini untuk membantu usahawan hanya setakat RM4 juta lebih, RM4 juta lebih dengan saiz ICT not even 1% of the business ICT. Bagaimana planning MARA sekarang ini untuk memastikan bahawa pinjaman itu jangan hanya kata orang melekat di celah gigi sahaja pinjaman, biar ada makna sedikit. Saya hendak tanya MARA setakat mana, berapa orang yang kita boleh banggakan dengan bantuan MARA dan ICT? Berapa orang dan apa syarikat-syarikat tersebut. Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pinjaman ini kita beri bergantung kepada orang yang minta. Kalau saya ada pinjaman RM100 juta, kalau yang minta cuma RM4 juta, RM4 jutalah saya kasi, saya belum gila lagi pergi rata-rata minta pada orang. *[Ketawa]* Ia bergantung pada permintaan, jadi itulah.

Berkenaan dengan syarikat-syarikat, insya-Allah saya boleh beritahu sebab saya tidak ada details mengenainya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya mengucapkan tahniah kepada MARA, cuma saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat menteri adakah MARA akan mempertimbangkan supaya siling pinjaman itu supaya kita tetapkan kepada yang lebih tinggi supaya membawa manfaat yang lebih besar kepada pembangunan techno-preneur dia bawah MARA. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua setakat ini seperti mana saya sebut sebentar tadi iaitu silingnya ialah RM1 juta. Insya-Allah kalau sekiranya ada syarikat-syarikat bumiputera yang memerlukan pinjaman yang lebih daripada RM1 juta sudah tentu kita akan pertimbangkan.

[Masa bagi Pertanyaan Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KEBANKRAPAN (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kebankrapan tahun 1967 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim] dibaca kali pertama, akan di baca kali kedua pada Mesyuarat sekarang.

**RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAAAN PERSEKUTUAN
(PINDAAN) 2003**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]; dibaca kali pertama; akan di baca kali kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG ARKIB NEGARA 2003

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pewujudan, pemerolehan, jagaan, pemeliharaan, penggunaan dan pengurusan arkib awam dan rekod awam dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan; dibaca kali pertama, akan di baca kali kedua pada Mesyuarat kali ini.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Peraturan Mesyuarat yang ke berapa?

Tuan Fong Kui Lun: Di bawah usul 18(1) tentang banjir yang melanda Kuala Lumpur yang sangat mustahak.

Puan Chong Eng: Ya, ya

Tuan Fong Kui Lun: Ada orang

Tuan Yang di-Pertua: Ini mesti tidak termasuk dalam peraturan mesyuarat, Yang Berhormat. Itu keputusan saya. Apabila keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Fong Kui Lun: Tetapi sama isu yang dibangkitkan dua tahun lalu yang diterima oleh Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bersangkutan di bawah peraturan mesyuarat 18 Yang Berhormat. Cuba baca baik-baik.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Cheras, Yang Berhormat tidak ada *local-standi* orang kata, tidak ada hak dalam perkara ini, yang bawa perkara itu ialah daripada Bukit Bintang.

Tuan Tan Kok Wai: Peraturan mesyuarat, ramai penduduk di kawasan saya pun ada mangsa kebakaran. *[Disampuk]* Oh, bukan kebakaran – banjir, banjir *[Ketawa]* Minta maaf. Tuan Yang Di-Pertua. Beribu-ribu rakyat menghadapi kerugian, kesengsaraan, nyawa terkorban. Ini satu perkara yang tidak harus disegerakan, saya tidak faham Tuan Yang Di-Pertua. Setiap tahun berlakunya banjir raksasa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Sila duduk. Perkara itu jika dia tidak puas hati boleh buat rayuan mengikut Peraturan Mesyuarat 43. Ya, sila, sila.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya di bawah Peraturan Mesyuarat 14 (1) (f) yang mengatakan, 'Rayuan-rayuan'. Yang ini boleh dipakai untuk maksud ini atau tidak? Untuk apa tujuannya kalau perkara 14 (1) (f), mengatakan, 'Rayuan-

rayuan', petisyen, kalau esok hari ia boleh dipakai atau tidak? Untuk apa rayuan sahaja, dia kata 'Rayuan-rayuan'.

Tuan Yang di-Pertua: Mengenai perkara ini bersangkut dengan keputusan yang dibuatkan oleh Tuan Yang di-Pertua dan jika sekiranya sesiapa tidak puas hati maka dia boleh membuat rayuan melalui usul di bawah Peraturan Mesyuarat 43 itu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Timbalan Menteri.

USUL

USUL BAGI MEMINDA SUSUNAN ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 14(2)

11.37 pagi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 14(2), saya memohon supaya Rang Undang-undang Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 2003 didahulukan untuk bacaan kali kedua pada hari ini dan urusan berkenaan Rang Undang-undang Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003 diexpunged daripada Aturan Mesyuarat hari ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul seperti yang dibawa tadi untuk diputuskan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.38 pagi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 [Akta 493] untuk mengadakan peraturan bagi peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Silakan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 [Akta 493] iaitu akta yang sedang dikuatkuasakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini perlu dibuat bagi menangani aktiviti-aktiviti hiburan dan juga pusat-pusat hiburan yang beroperasi di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kerana ianya didapati kurang berkesan dari segi penguatkuasaannya.

Dalam akta yang berkuat kuasa sekarang, Datuk Bandar Kuala Lumpur mempunyai kuasa untuk mengawal dan melesenkan aktiviti-aktiviti hiburan dan juga pusat-pusat hiburan. Walau bagaimanapun, setelah beberapa tahun menguat kuasa akta tersebut, disedari bahawa wujud beberapa kelemahan yang memerlukan pindaan supaya dapat diselaraskan dengan keperluan semasa.

Walaupun akta yang sedia ada telah memperuntukkan kuasa-kuasa kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, tetapi ia masih tidak mencukupi bagi memastikan tindakan yang diambil oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur benar-benar berkesan dan dapat mengawal aktiviti-aktiviti hiburan dan pusat-pusat hiburan ini.

Oleh itu, beberapa pindaan perlu dibuat bagi memastikan keberkesanan tindakan penguatkuasaan ini. Beberapa pindaan telah dibuat pada Akta 493 untuk memberi kuasa kepada Datuk Bandar ketika menjalankan tugasnya seperti kuasa menetapkan tarikh kuat kuasa akta, hak pindah milik lesen, kuasa memasuki tempat hiburan tanpa waran atau notis, kuasa untuk melupus barang disita dan juga kuasa mengkompaun kesalahan di bawah seksyen tertentu Akta seperti mana yang terkandung di dalam Fasal-fasal 1, 3, 7, 8 dan 11.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, beberapa peruntukan berkaitan dengan denda juga telah dipinda bagi menaikkan kadar amaun denda dan hukuman penjara bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen-seksyen tertentu seperti mana yang dinyatakan dalam Fasal-fasal 2, 4, 5 dan 12.

Sementara itu, Fasal 6 pula memperuntukkan bahawa menjadi kesalahan sekiranya menjual minuman keras yang memabukkan kepada orang yang berumur di bawah 21 tahun dan Fasal 10 pula memperuntukkan bahawa sebarang pendakwaan hanya boleh dimulakan dengan keizinan pendakwa raya.

Memandangkan Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 [Akta 493] yang sedia ada adalah kurang berkesan dalam menangani masalah-masalah yang timbul ekoran daripada aktiviti-aktiviti hiburan yang dijalankan. Adalah diharapkan dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan di atas, masalah gejala sosial yang semakin berleluasa ekoran daripada aktiviti hiburan yang tidak ada had oleh pengusaha-pengusaha tempat hiburan akan dapat diatasi dengan adanya pelaksanaan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zain]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, yang perempuan, Sepang. Sila. Ahli Yang Berhormat bagi Sepang, sila. *[Ketawa]*

11.41 pagi.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, yang perempuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 2003.

Pindaan Akta Hiburan 2003 ini merupakan satu tindakan yang wajar dilakukan oleh pihak kerajaan. Memang tidak disangkal lagi kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional sentiasa berusaha memantau dan mengawal kegiatan yang tidak bermoral daripada bermaharajalela dalam masyarakat khususnya di pusat-pusat hiburan di Kuala Lumpur.

Sememangnya pusat-pusat hiburan seperti disko, pub, pusat karaoke, pusat *video games* dan sebagainya ini perlu dipantau kerana di sinilah wujudnya pelbagai masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah, penggunaan pil ecstasy, perdagangan seks seperti pelacuran, penggunaan alkohol, pengedaran VCD lucah dan sebagainya.

Diharapkan dengan pindaan ini, kita dapat menangani gejala sosial yang selama ini menyebabkan para belia dan remaja kita terpesong dari landasan budaya dan agama yang menegaskan nilai-nilai yang murni.

Dalam hal ini, saya menyokong tindakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo yang bertindak turun padang dalam membasmi kegiatan yang tidak bermoral terutama di pusat-pusat hiburan di negeri Selangor yang berjumlah 700 buah menerusi Ops Kelawar. Beliau bersama-sama Yang di-Pertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, RELA dan Polis Negeri sanggup bersengkang mata dari malam sampai ke dingin pagi untuk memburu kupu-kupu malam ini.

Malah keselamatan mereka juga terancam akibat diekori oleh TONTO yang tidak senang hati kegiatan mereka diselongkar. Saya berharap dalam memantau gejala sosial yang tidak bermoral ini, kerjasama daripada semua pihak amat diperlukan bagi membersihkan ibu negara dan masyarakat kita daripada kepincangan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya menyokong perkataan "Tiada hiburan boleh diadakan" dalam Seksyen 4 Fasal 2 dengan "Tiada seorang pun boleh mengadakan hiburan". Ayat ini dapat menjelaskan kepada kita dengan lebih jelas bahawa setiap individu tidak dibenarkan mengadakan hiburan melainkan mempunyai lesen dan kebenaran daripada pihak yang berkuasa.

Saya juga bersetuju yang mana kadar denda dinaikkan sehingga mencecah tidak lebih daripada RM50,000 berbanding dengan melebihi RM20,000 sebelum ini. Denda ini bagi memastikan tiada individu yang berani membuka pusat hiburan dengan sewenang-wenangnya sehingga menimbulkan masalah penguatkuasaan.

Akta ini dipinda dengan kemasukan Seksyen baru 14A, kenyataan "larangan mengenai penjualan minuman keras yang memabukkan kepada orang yang berumur di bawah 21 tahun". Seksyen ini wajar dimasukkan kerana ia memberi gambaran tentang bahaya penggunaan alkohol terhadap kesihatan serta larangan keras agama Islam terhadap minuman alkohol atau arak ini.

Saya difahamkan mengikut laporan harian *Metro* 26 April 2000 bahawa ada juga pengusaha cybercafe yang mewajibkan pelanggan yang berminat untuk menggunakan Internet membeli sekurang-kurangnya satu minuman keras agar pelanggannya duduk lebih lama menggunakan perkhidmatan di situ dan ini menyebabkan mereka mendapat keuntungan yang besar.

Sasaran pengusaha ini ialah seperti remaja, pelajar sekolah dan para pelajar daripada IPTA. Harga *beer* yang tinggi menjangkau RM4 dan RM5 segelas tentunya membawa pembaziran. Dalam mengawal penjualan arak secara berleluasa dan menyelamatkan generasi muda daripada kebinasaan, kita wajar meminda akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dinafikan bahawa alkohol merupakan punca berlakunya pelbagai kemungkaran dan maksiat. Al-Quran dalam surah Al-Baqarah ayat 219 ada menyatakan tentang pengharaman arak dan judi ini dengan jelas.

Usaha untuk menyekat penjualan arak kepada remaja ini seharusnya diambil tindakan segera. Oleh yang demikian, saya juga ingin mencadangkan agar alkohol ini juga tidak dijual kepada orang Islam. Malah saya juga berharap agar individu Islam tidak terlibat atau melibatkan diri sebagai pekerja yang terlibat dalam jual beli minuman alkohol serta penyediaan alkohol di pusat-pusat hiburan ini.

Kita dapati terdapat remaja Melayu yang beragama Islam terlibat dalam penyediaan dan penjualan minuman alkohol di pusat-pusat hiburan dan keadaan ini amat mencemarkan maruah dan kesucian agama kita. Sebenarnya penggunaan alkohol mendatangkan lebih banyak keburukan daripada kebaikan. Pengambilan alkohol secara berpanjangan boleh mengakibatkan komplikasi fizikal, kejiwaan dan sosial.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila, penjelasan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Sahabat saya Ahli Yang Berhormat bagi Sepang ini cukup prihatin terhadap pindaan rang undang-undang ini dan melontarkan beberapa pandangan yang bersesuaian dengan agama.

Saya ingin pendapat Yang Berhormat mengenai perkara ini. Dari segi perundangan, dari segi pindaan yang dilakukan, memang baik. Dari segi penggazetan juga baik. Yang jadi masalah dalam negara kita ialah dari segi penguatkuasaan. Masalah yang berlaku ialah kuatkuasa tidak dapat dilaksanakan kerana ada beberapa orang yang tidak amanah dalam melaksanakan penguatkuasaan ini.

Umpamanya, dalam soal arak jelas dalam al-Quran disebut, "*innamal khamri wal maisir*", disebut jelas itu semuanya perbuatan syaitan. Dan saya fikir kalau mahu ditambah luaskan soal ini, adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju, arak tidak dijual di mana-mana pusat hiburan?

Yang kedua, dari segi penguatkuasaan, sesuatu pusat hiburan itu biasanya ditutup pada waktu tertentu, mungkin dalam akta ini dikatakan ditutup pada waktu pukul 1.00 pagi atau 2.00 pagi. Soalnya, pengusaha-pengusaha pusat hiburan ini akan menutup pada pukul 1.00 atau 2.00 pagi untuk tempoh setengah jam, lampu padam, selepas daripada itu dia buka balik hingga pukul 4.00 pagi. Jadi apakah kaedah yang patut digunakan untuk menentukan hal ini?

Saya bersetuju Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor buat penguatkuasaan bersama orang lain, tetapi berapa lama dia larat buat macam itu? Dan apakah langkah-langkah yang harus dilakukan oleh penguat kuasa untuk menentukan bahawa undang-undang ini diikuti dan kita sebagai orang Islam menentukan supaya arak ini langsung tidak ada di tempat-tempat yang berkenaan?

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Saya menyokong penuh cadangan Ahli Yang Berhormat, sememangnya itu menjadi hasrat kita, apa yang diharapkan oleh kerajaan untuk mengurangkan masalah sosial ini daripada berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, penagih alkohol sebenarnya akan menghadapi masalah kesihatan, *syrosis* hati, *anaemia*, *hypoglycemia*, kekurangan gula di dalam darah dan ketandusan vitamin.

Kerosakan saraf boleh menyebabkan pelbagai jenis penyakit seperti *syndrome vermikei*, *kharsocoff* dan kerosakan sel-sel otak yang seterusnya membawa kepada komplikasi *psychiatry*. Peminum boleh mengalami halusinasi pendengaran, *amnesia*, *perennial depression* dan kecenderungan membunuh diri. Peminum alkohol kronik yang sedang hamil boleh menyebabkan kandungannya mempunyai ciri-ciri kecacatan seperti kekurangan berat badan dan pembentukan fizikal yang tidak sempurna.

Jelasnya golongan belia yang merupakan harapan keluarga dan negara ini perlu dipantau agar tidak terjebak dengan gejala yang tidak sihat dan memusnahkan masa depan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 7 yang bertujuan untuk meminda Seksyen 16 Akta 493 dengan menomborkan semula seksyen ini sebagai subseksyen (1) untuk memberikan lebih kuasa yang luas kepada Datuk Bandar, pegawai polis atau orang yang diberi kuasa untuk memasuki ke sesuatu tempat hiburan amatlah disokong. Terdapat tambahan selepas subseksyen (1) iaitu Dato Bandar, polis atau yang berkuasa, boleh masuk ke tempat hiburan dengan memecahkan mana-mana pintu atau tingkap dalam tempat-tempat hiburan dan mana-mana bahagian dalam tempat hiburan.

Ini bagi memudahkan proses pemantauan dibuat secara lebih efektif dan ini relevan sekali memandangkan Dato Bandar seharusnya diberi kuasa yang luas untuk menyiasat perkara yang berlaku di pusat-pusat hiburan yang berada di bawah kawalannya. Ini memandangkan kita dapati bahawa terdapat banyak penyelewengan yang berlaku di pusat-pusat hiburan seperti pusat permainan video, yang mana terdapat aktiviti sampingan seperti kegiatan pelacuran, aktiviti bohsia, homoseksual berlaku.

Ini turut berlaku di kawasan saya di Salak Tinggi, yang mana sebuah pusat permainan video dijadikan sarang pelacuran. Oleh yang demikian, bagi memantau masalah ini, wajar sekali Dato Bandar dan pegawai polis diberi kuasa yang lebih untuk memantau keadaan. Saya sebenarnya bimbang dengan laporan Pertubuhan Buruh Antarabangsa yang mendakwa dalam laporannya yang setebal 300 muka surat menyatakan bahawa kira-kira 147,000 pelacur telah terbabit dalam industri seks di Malaysia.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia terutama di kawasan-kawasan yang maju seperti Wilayah Persekutuan dan Selangor, menghadapi masalah kebanjiran para pelacur asing yang menyalahgunakan pas lawatan sosial mereka untuk tujuan tersebut. Di Selangor sahaja, kita dapati bahawa warga asing seperti Indonesia, seramai 668 orang telah ditahan kerana terbabit dalam aktiviti pelacuran. Di Kuala Lumpur pula, kita dapati sebanyak 402 orang pelacur Indonesia ditahan.

Oleh yang demikian, kita perlulah memberi kuasa yang lebih kepada pihak penguatkuasaan terbabit bagi memantau gejala yang tidak sihat ini daripada merebak kerana kita dapati bahawa mereka bertindak secara tersembunyi akibat desakan kewangan. Tidak salah untuk kita menyerbu ke premis-premis hiburan yang kita khuatir terbabit dengan gejala yang tidak sihat seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan agar tempat-tempat hiburan seperti disko, pub, tempat karaoke, pusat permainan snooker, pusat permainan *video-games* dan sebagainya ini dibina jauh daripada kawasan masjid atau tempat-tempat ibadat bagi menghormati sensitiviti masyarakat yang beragama Islam khususnya. Berdasarkan laporan dan pemerhatian saya, didapati bahawa sesetengah tempat di Kuala Lumpur seperti di Bangsar, kita dapati banyak premis-premis hiburan dibina di kawasan masjid. Terdapat kritikan daripada masyarakat Islam yang tidak selesa apabila terdapat 28 premis pusat hiburan yang menjual minuman keras sehingga menjatuhkan imej agama Islam.

Didapati bahawa ada anak-anak muda Melayu yang beragama Islam yang selamba sahaja memegang tin-tin arak. Keadaan ini menunjukkan situasi yang tidak sesuai bagi menghormati rumah ibadat. Oleh yang demikian, kita berharap agar pusat-pusat hiburan ini tidak mengganggu konsentrasi umat Islam dan tidak dibiarkan berdekatan dengan kawasan masjid dan tempat ibadat.

Pindaan Seksyen 25 juga seharusnya disokong kerana kita tidak seharusnya menghalang tugas yang telah dipertanggungjawabkan oleh pihak berkuasa menjalankan kewajipan yang telah ditetapkan dalam undang-undang. Dengan ini wajar sekali denda dikenakan kepada pihak yang menghalang pihak berkuasa ditingkatkan dengan tidak kurang daripada RM2,000 tetapi tidak melebihi daripada RM10,000.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Yang Berhormat bagi Bukit Bintang pula. Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, ya.

11.56 pagi

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berpendapat Rang Undang-undang yang dibentangkan untuk meminda Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 bernama Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 2003 adalah perlu dan bertepatan masa.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang adalah bertujuan untuk memperkuat tindakan pihak penguat kuasa DBKL dan undang-undang boleh dilihat bahawa peruntukan-peruntukan sedia ada sememangnya lemah. Kelab-kelab hiburan di Kuala Lumpur yang tumbuh dan bergiat subur sejak akhir-akhir ini adalah atas permintaan golongan muda dan rakyat yang memerlukan hiburan selepas waktu bekerja untuk mereka bersantai dan kelegaan kepenatan bekerja sebelum mereka pulang ke rumah.

Kelab-kelab hiburan yang ada di Kuala Lumpur adalah juga untuk memenuhi permintaan pelancong asing. Akan tetapi sejak akhir-akhir ini, tujuan telah berubah dan

semakin mencabar iaitu apabila ia terdedah kepada berbagai unsur negatif yang mempengaruhi pengunjung-pengunjung. Seperti kita maklum, kelab hiburan ada berbagai jenis beroperasi di Kuala Lumpur seperti kelab disko yang sering menjadi tempat kunjungan golongan remaja, orang muda yang melibatkan minum, menagih dadah seperti pil *ecstasy* dan pil kuda, juga melibatkan kegiatan kongsi gelap dan seks rambang. Kelab jenis pub melibatkan kegiatan minuman keras. Kemudian jenis karaoke boleh dianggap kelab yang menjalankan kegiatan sihat. Kelab malam pula melibatkan ramai wanita menjadi GRO dan kegiatan persundalan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu kita boleh dapati pusat hiburan internet café dan *private mess*, sungguhpun kelab hiburan ini adalah kegiatan yang sah di sisi undang-undang selama mana pengusaha mendapatkan kebenaran DBKL. Terdapat juga kelab yang beroperasi secara haram. Ini berlaku kerana tindakan penguatkuasaan di pihak DBKL sendiri agak lemah dan kurang tegas. Inilah sebab banyak kelab hiburan sungguhpun ada permit atau lesen sangat lemah dari segi aspek keselamatan. Kekurangan kemudahan menjadi sarang kegiatan pelacuran dan melibatkan wanita asing dan tempatan.

Dan kegiatan mengedar dan menagih najis dadah tidak kurang pula kelab yang menyediakan kaki pukul dan *gangsters* yang sering berkelahi dan bergaduh dengan pengunjung-pengunjung. Untuk mengelakkan ini, langkah terakhir DBKL ialah bercadang untuk memasang CCTV di dalam dan di luar kelab hiburan. Langkah ini ada baik dan tidak baiknya. Pertama, ia adalah satu langkah mengikat kegiatan tidak sihat berlaku dalam kelab. Para pengunjung dapat didisiplinkan dan sebaliknya kesan buruk ialah para pengunjung akan melarikan diri dan mengunjungi ke kelab lain dan prestasi business kelab barangkali akan merosot. Mereka rasa sudah tidak ada *privacy* lagi dalam kelab hiburan. Tidak dinafikan bahawa ia adalah langkah berkesan untuk mencegah pengunjung bawah umur 21 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya sangat berharap supaya kelab tidak dibenarkan beroperasi sampai jauh malam melebihi jam 1.00 pagi bila kelab ini beroperasi di kawasan perumahan kerana ia menimbulkan gangguan kepada penduduk-penduduk yang sedang tidur dan berehat. Akan tetapi di kawasan zon hiburan seperti di kawasan Bukit Bintang, kelab malam boleh dibenarkan beroperasi sampai pukul 3.00 pagi.

Adalah wajar langkah-langkah mengehadkan masa beroperasi itu diketatkan supaya pihak penguat kuasa mematuhi arahan lesen yang dikeluarkan, yang mana jika lesen dibenarkan hingga jam 1.00 pagi itu kalau ini berlaku di kawasan perumahan, ini akan mengakibatkan ramai penduduk-penduduk diganggu untuk berehat. Para pengunjung adalah terdiri daripada mereka yang bekerja pada waktu siang hari, dan jika berlaku ketidacukupan waktu rehat dan tidur, ia akan menjejaskan produktiviti mereka dan memberikan kesan kepada ekonomi.

Dato' Kamaruddin bin Jaffar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Tumpat hendak meminta penjelasan.

Tuan Fong Kui Lun: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Apa pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang kalau dalam kes kelab-kelab ataupun tempat-tempat hiburan dibenarkan hingga pukul 1.00, 2.00 pagi atau pukul 3.00 pagi kerana alasan-alasan tertentu tetapi apabila diadakan majlis-majlis, ceramah-ceramah, penerangan-penerangan dihadkan dengan amat ketat dan dikenakan serangan oleh pihak berkuasa seperti polis dan sebagainya kerana melebihi jam pukul 12.00 tengah malam. Apakah perbezaan ini dilakukan oleh pihak kerajaan.

Seorang Ahli: Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading, senyum, hendak membuktikankah apa?

Beberapa Ahli: [Menyampuk] [Dewan riuh] [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jawab dahululah.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat. Memang saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat [*Disorak*] [*Tepuk*] Sebab ceramah dihadkan hingga pukul 12.00 tengah malam walaupun ini satu langkah yang diambil oleh pihak polis tetapi patutlah diberi lebih masa untuk parti pembangkang [*Dewan riuh*] Untuk memperluaskan propaganda kepada rakyat Malaysia dan juga tidak dinafikan bahawa banyak tempat di Kuala Lumpur seperti di kawasan saya khususnya Bukit Bintang, kelab hiburan dibenarkan sampai pukul 3.00 pagi.

Tuan Yang di-Pertua, negara memerlukan rakyat yang sihat dan cukup waktu rehat bagi membolehkan mereka bekerja dan membangunkan negara tetapi jika kita mempunyai rakyat yang sentiasa mementingkan hiburan maka ini sedikit sebanyak akan menjejaskan kehidupan berkeluarga dan negara. Setelah siang hari penat bekerja dan mereka pulang ke setiap hari, berapa jam tidur yang mereka dapat sama ada mereka akan bangun awal dan dalam keadaan yang mengantuk pergi bekerja ataupun mereka lewat datang ke pejabat.

Kerajaan kena mengambil berat, apakah peranan kelab hiburan sebenarnya dalam konteks masyarakat Kuala Lumpur sekarang. Memang tidak dinafikan bahawa hiburan itu penting tetapi janganlah sampai menjejaskan prestasi kerja [*Tepuk*] Oleh itu kerana ini amat penting, pemantauan kerap dan tegas perlu dibuat ke atas kelab-kelab hiburan.

Selain pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, malah pihak polis sendiri, kemalangan malam yang melibatkan kecederaan dan kehilangan nyawa oleh pemandu-pemandu mabuk di bawah pengaruh alkohol yang tinggi sebenarnya berpunca dari kelab hiburan. Mereka tidak minum di kaki lima atau warung atau gerai [*Tepuk*] Mereka minum di kelab hiburan. Oleh itu adalah penting pemeriksaan polis ke atas pengunjung yang minum minuman keras berlebihan perlu dilakukan untuk mengelakkan nyawa orang ramai terdedah kepada bahaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memuji Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor kerana melancarkan Operasi Kelawar bagi membanteras pusat hiburan haram di Selangor yang akan menjangka menutup 300 pusat hiburan haram yang menawarkan perkhidmatan pelacuran oleh 3,000 pekerja asing sehingga Jun.

Bagaimanakah pula Wilayah Persekutuan? Mengapa tidak dibuat tangkapan dan serbuan sebagaimana yang dibuat oleh negeri Selangor. Mengapakah serbuan yang dibuat tidak menjadi, sedangkan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pernah menyatakan kebosanan beliau tentang masalah pusat hiburan di Wilayah Persekutuan

Bila seorang menteri sudah membayangkan kebosanan, ini menunjukkan masalah yang berlaku di pusat hiburan Kuala Lumpur agak serius sehingga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau DBKL terpaksa memperkenalkan CCTV. DBKL hendaklah menyiasat mana-mana pegawai dan staf DKKL yang menjadi pengintip atau *spy* kelab hiburan yang menyebabkan setiap operasi mudah dihidu oleh pengusaha-pengusaha kelab terlebih dahulu.

Langkah menaikkan hukuman denda atau penjara tidak memadai atau mencukupi jika tindakan penguatkuasaan sangat lemah dan tidak berkesan. Apabila penguat kuasa lemah, apapun hukuman tidak akan menjadikan pengusaha-pengusaha kelab berasa takut atau bimbang dengan penguat kuasa DBKL kerana mereka boleh dipermainkan.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, kita jangan lupa bukan sahaja penguat kuasa membuat hal tetapi kadang kala operasi serbuan ke atas pusat hiburan seperti serbuan di Kelab Hiburan di Waykas di Jalan Imbi, Kuala Lumpur pada 21 Mac 2003 pihak berkuasa telah menangkap sekumpulan wanita dalam beroperasi bersama polis dan JAWI. Seramai 13 wanita telah ditangkap dan salah seorang wanita bernama Maslinda Ishak teringin membuang air kecil sewaktu dibawa di dalam trak telah meminta kebenaran Pegawai Penguatkuasa untuk membuang air kecil tetapi tidak dibenarkan turun ke bawah.

Sebaliknya ia disuruh membuang air kecil dalam trak polis itu. Beliau terpaksa membuang air kecil setelah kawan-kawannya mengepung dan melindungi beliau. Malang-

nya rakan-rakannya telah ditolak dan pegawai penguat kuasa berkenaan telah mengambil gambar beliau dalam keadaan yang sungguh mengaibkan. Perbuatan pegawai yang mengambil kesempatan menyalahgunakan kuasa. Beliau perlu diambil tindakan kerana bersaksikan ramai perempuan dan pegawai itu lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, mangsa tersebut telah membuat aduan di Balai Polis Cheras pada 27 Mac lalu kerana ketika kejadian berlaku, beliau dan rakan wanita berada dalam trak itu di tepi Kelab Hiburan di Taman Maluri, Cheras. Inilah satu contoh kekasaran yang dilakukan oleh pegawai kerajaan seperti polis atau penguat kuasa bila mengadakan serbuan dan tangkapan seperti mana kekasaran ke atas pekerja profesional IT dari India di Palm Court, Brickfields di kawasan saya.

Operasi serbuan di kondominium, di Palm Court itu mengakibatkan ramai pakar-pakar IT telah pulang ke India. Inilah satu yang tidak diinginkan oleh penduduk-penduduk dan juga kerajaan sebab ramai pakar IT sudah pulang ke India disebabkan kekasaran yang dilakukan oleh pegawai polis. Saya berharap perkara ini tidak akan berlaku atau berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang untuk meminda Akta Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tahun 1992 dan berharap ia tidak menjadikan laluan mudah untuk bertindak keras terhadap kelab hiburan dan orang ramai. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi kepada Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bersama-sama untuk menyokong Akta Hiburan Wilayah Persekutuan 1992. Hiburan,! Semua orang suka hiburan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Manusia lazimnya memang memerlukan hiburan. Tidak kira siapalah. Dalam Dewan ini semua sekali termasuklah sahabat-sahabat orang PAS, termasuk Tuan Yang di-Pertua.

Hiburan di Kuala Lumpur ini, selalunya dibuat pada malam hari dan selalulah warga kota memang hendakkan hiburan di waktu malam. Dia tidak akan buat dan tidak berapa minat di waktu siang. Ramai orang membuat perbandingan. Malam di Bangkok, [*Ketawa*], malam di Manila, malam di Haadyai, malam di Jakarta, malam di Kuala Lumpur, mereka membuat perbandingan. Memang tidak dapat dinafikan, pusat-pusat hiburan ini akan memulakan atau di sinilah kebanyakan punca penyakit-penyakit masyarakat, tidak dapat dinafikan. Pusat-pusat hiburan ini, disko, itu nama-nama yang terkenal di waktu malam, disko, karaoke, pusat dangdut, snooker. Saya tidak tahu, rumah urut masuk dalam hiburan ataupun macam mana? Tidak tahu. Pusat-pusat ini ada dia punya pelanggan.

Kadang-kadang, pelanggan yang umur lebih daripada remaja ini lebih dahsyat dia punya nafsu, kemahuan. Saya ada tengok, umur 60 lebih, dia berdangdut, astaghfirullahalazim, mengalahkan orang muda. Saya tidak tahulah, sama ada di rumah dia tidak dapat layanankah atau sebagainya, tidak tahu macam mana agaknya. Ini, kadang-kadang yalah, kahwin umur sama, umur masa 22 sama, okeylah. Kalau sampai umur 60, yang sebelah itu, alahai. Kalau umur 60 digesel oleh budak umur 28 tahun dengan segala ketegangan dan apa semua sekali, dia punya keghairahan itu dan menyebabkan kemaksiatan.

Saya rasa undang-undang ini pun masih belum begitu ketat. Sepatutnya difikirkan lagi. Kalau kita tahu bahawa pusat-pusat hiburan ini punca segala kemaksiatan, penyakit sosial bermula di sini, sepatutnya kita memberikan kawalan yang lebih kepada pusat-pusat sepertimana Yang Berhormat bagi Bukit Bintang cerita, Yang Berhormat bagi Sepang cerita, soal masa. Ini sampai pukul 4.00 pagi, pukul 5.00 pagi ini, hiburan apa itu? Hiburan apa? Ini bukan hiburan lagi. Sudah pergi ke lain. Penguatkuasaan, ini menjadi masalah kita sekarang ini. Undang-undang ada tetapi penguatkuasaan macam Yang Berhormat bagi Bagan Datok cerita tadilah.

Soal itu, yang kadang-kadang, undang-undang yang cantik, yang molek, satu undang-undang yang boleh mengawal masyarakat tetapi oleh sebab penguatkuasaan dengan segala karehannya, dengan segala alasannya, menyebabkan undang-undang yang cantik, undang-undang yang molek, undang-undang yang boleh mengawal tidak dapat mengatasi perkara-perkara yang tidak diingini. Ini terpulanglah bagaimana Datuk Bandar Kuala Lumpur, kalau Kuala Lumpurlah. Begitu juga di bandar-bandar besar yang lain. Johor Bahru umpamanya, ada Datuk Bandar juga. Bagaimana penguatkuasaan?

Apa larangan yang sepatutnya kepada orang Islam? Macam arak. Di sini cuma disebut, tidak ada jualan arak. Soal bagi saya ialah kena jelaskan dengan terang, tidak boleh diedarkan, dijual dan bagaimana kepada semua orang Islam. Orang Islam memang dilarang tidak boleh. Jadi satu kesalahan menjual arak kepada orang Islam. Itu hendak kena jelas, supaya terhidarlah orang-orang Islam daripada terjebak. Maklumlah Tuan Yang di-Pertua, perempuan itu kata "minum bang". Mula-mula dia kata "minum bang, minum bang". Dalam minum bang, minum bang, 'bang' sekali dia. *[Ketawa]*. Ini, kadang-kadang berlaku.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, soal kuat kuasa ini, arak ini dan begitu juga agaknya bolehkah tidak dikenakan gadis-gadis Islam agaknya disekat?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat kagum dengan apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading setakat ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading, dalam pindaan ini, disebutkan dan digunakan istilah minuman keras yang memabukkan. Sebagaimana Yang Berhormat maklum, ini adalah satu istilah yang agak ganjil kerana tafsiran minuman keras itu adalah sudah tentu melibatkan memabukkan. Tetapi, nampaknya di sini dibezakan iaitu minuman keras yang tidak memabukkan dengan minuman keras yang memabukkan. Adakah dari sudut pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading, tidak perlu digunakan istilah-istilah ini, mungkin terus gunakan minuman alkohol ataupun sebagainya, sebab istilah minuman keras itu pun dari sudut bahasa, mungkin perlu kita pinda kerana minuman itu sudah tentu sebagaimana Yang Berhormat mengalami, tidak mengeraskan, tetapi melembikkan sedikit minuman keras itu. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya. Minuman keras atau arak, ia memang mesti memabukkan. Jadi, pada sayalah minuman keras cukuplah macam Yang Berhormat bagi Tumpat kata itu, yalah ada kebenarannya. Arak itu haramlah. Semua orang Islam tahulah arak itu apa. Dia memang kadang-kadang minum dia tidak mabuk pasal dia sudah selalu minum. Tetapi istilah memabukkan itu tetap ada walaupun dia sudah tidak mabuk. Arak ialah benda yang memabukkan. Itu dalam kata jamak, dia yang besarlah, dalam kata yang umum. Jadi, alkohol dan sebagainya. Jadi, saya setuju. Ini bermakna, cakap arak, makna orang Islam jangan loyar buruklah. Arak, araklah, haa begitu. *[Ketawa]* Macam khinzir, khinzir kita tidak boleh hendak ubah-ubahkan.

Jadi, saya berharaplah biar ketegasan. Balik semula kepada penguatkuasaan. Penguatkuasaan harus dilakukan dan macam mana Yang Berhormat bagi Sepang kata tadi, tempat-tempat kediaman, bukan sahaja di tepi-tepi masjid, di tepi-tepi surau, tempat kediaman pun. Kediaman manusia yang bertamadun, yang beragama, yang beradab, kadang-kadang kita malu dengan anak dara kita, keluar daripada pusat karaoke ini, budak-budak 'betina' yang skirtnya itu sudah kata orang sejengkal bawah pinggang. Eh, berdebar kita tengok! Berdebarlah tetapi malu kita. Yalah, hendak diapakan yang itu modal dia. Modal dia ialah bentuk badan dan sebagainya dan tarikan untuk mencari pelanggan dia. Jadi, pusat-pusat kediaman.

Pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa perbandaran atau pihak berkuasa bandar raya harus menentukan lesen yang hendak diberikan itu, tengok alam sekitar dia. Tengok alam sekitar dia supaya tidak mengganggu-gugat keharmonian adab dan juga keagamaan masyarakat yang berkenaan yang tercemar dengan pusat-pusat ini. Berapa senlah bandar raya untung ini? Berapa sen pusat bandar raya untung kalau dibandingkan dengan kejatuhan moral? Berapa sen yang kita hendak pungut ini dan berapa orang yang kita hendak puaskan nafsunya berbanding dengan seluruh masyarakat yang ada di

kawasan-kawasan yang berkenaan yang dicemari oleh pusat-pusat seperti ini, harus jaga maruah penduduk-penduduk tempatan.

Jadi, pusat-pusat tertentu macam katalah Bukit Bintang, lantaklah Bukit Bintang dengan kawasan komersialnya untuk antarabangsa, itu agaknya munasabahlah kerana tempat itu diberi lesen tetapi dengan kawalan-kawalan yang tertentu supaya maruah.....

Timbalan Yang di-Pertua- [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Parit.

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Sri Gading. Sebagaimana yang dinyatakan tadi bahawa pihak pembangkang juga perlu kepada hiburan. Sebenarnya, kami tidak perlu kepada hiburan. Jadi kami tidak perlu kepada hiburan. Baru-baru ini di Ipoh, sungguh heboh di Bandaraya Ipoh tidak kira tua, tidak kira muda, lelaki, perempuan, semuanya pergi. Di situ berlaku maksiat, berbagai-bagai maksiat berlaku. Apabila berlaku maksiat, para-para ustaz, para ahli ulama dipersalahkan. Mana logiknya? Ya, apabila berlaku maksiat, ulama-ulama dipersalahkan, ustaz-ustaz dipersalahkan, sedangkan ulama sampai sudah berbuih mulut menyatakan jangan diadakan hiburan yang keterlaluan, melampaui batas. Akhirnya inilah yang jadinya. Minta penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Parit sahabat saya. Anta jangan menidakkan pula, mana anta tidak suka hiburan, anta bukan manusia kalau tidak hendak hiburan, cuma hiburan yang dibolehkan atau hiburan yang tidak....

Seorang Ahli: Dibolehkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:Yang tidak dibolehkan.

Seorang Ahli: Memang betul.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu ana rasa pun, anta suka hiburan, sebab kalau anta tidak ada hiburan, anta boleh jadi mati berdiri pasal manusia memang memerlukan hiburan, cuma yang dibolehkan ataupun...

Seorang Ahli: Tidak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak. Itu, itu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batang Lupar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya belum habis jawab ini, tetapi Yang Berhormat, tahniah kepada Batang Lupar kerana mendapat gelaran P.J.M. – Panglima Jasa Negara daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini. Jadi kita ucapkan tahniahlah di peringkat Dewan ini. Sila Datuk, saya bagi penghormatan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya Datuk, hendak tanyalah berbangkit daripada persoalan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Parit tadi. Sebab saya ingat kalau hendak berbincang itu, bukakan sedikit minda, bukakan sedikit ilmu kerana dalam konteks undang-undang ini, hiburan maknanya panjang. Makna undang-undang, satu sahaja saya baca – lakonan, opera, pantomim, lakonan antarabangsa, persembahan muzik, nyanyian, tarian, gimnastik, pertunjukan mempertahankan diri seperti mana main kuntau, silat, semuanya termasuk akrobat, pertandingan kecantikan, tablo, pertunjukan peragaan dan banyak lagi. Jadi beribu-ribu macam selagi ada yang boleh dikatakan pertunjukan itu hiburan dalam konteks undang-undang ini.

Jadi, kita di sini berbincang persoalan hiburan yang dalam konteks negatif. Jadi persoalan Parit tadi memang kurang tepat Datuk, kerana tidak faham apa yang kita sedang bincang, jadi Datuk itu faham. Jadi pandangan itu saya harap Datuk boleh beri penjelasan kepada saya macam mana Yang Berhormat bagi Parit tadi hanya pandang yang negatif sahaja, tidak pernah pun pandang yang positif.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, kita punya pentafsiran macam mana, macam kuntau Yang Berhormatkan? Setengah orang

kata itu sukan, bukan hiburan, jadi tafsirannya itu macam mana. Jadi saya hendak memendekkan ceritanya Datuk, panjang-panjang pun, balik-balik tang tu jugalah. Cuma soal kawalan, soal muslihat umum, soal muslihat masyarakat, soal orang-orang Islam, soal-soal yang berkaitan dengan maruah, soal-soal yang berkaitan dengan tingkah laku harus diambil kira.

Pihak bandar raya, pihak bandaran, jangan cerita tentang keuntungan ringgit dan sen sahaja. Tolong semak, tolong kaji yang ada kaitan dengan faedah dan kepentingan umum, kepentingan masyarakat, supaya masyarakat terjamin dengan apa sahaja undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk memberikan kebahagiaan dan kebaikan kepada rakyat. Terima kasih Datuk dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Gelang Patah.

12.24 tgh.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya amat bersetuju dengan cadangan untuk meminda Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992. Seperti mana yang kita sedia maklum, berikutan dengan peningkatan taraf hidup penduduk-penduduk di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur, ramai pemuda-pemudi telah mempunyai kemampuan dari segi kewangan untuk mengunjungi tempat-tempat hiburan.

Mengunjungi tempat-tempat hiburan dengan sendirinya bukanlah satu perbuatan yang tidak bermoral atau kesalahan jenayah. Namun tempat-tempat hiburan sering menjadikan sarang masalah pengambilan pil-pil khayal, penyalahgunaan dadah dan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral. Sebahagian daripada mereka yang terlibat adalah golongan muda. Aktiviti pelacuran di tempat-tempat hiburan juga semakin serius. Di samping itu, kita juga kerap membaca berita tentang pergaduhan di tempat-tempat hiburan yang melibatkan pemuda-pemudi, yang telah mengambil minuman keras yang berlebihan.

Selagi berbagai-bagai gejala sosial negatif yang melibatkan generasi muda masih belum dapat dihapuskan dengan sepenuhnya di tempat-tempat hiburan, adalah lebih baik pemuda-pemudi kita kurang berkunjung ke tempat-tempat hiburan. Saya berharap pindaan undang-undang kali ini akan membawa kesan menjadikan tempat-tempat hiburan kurang menarik kepada pemuda-pemudi berumur di bawah 21 tahun. Ini akan membantu mengurangkan keterlibatan pemuda-pemudi dengan gejala-gejala sosial negatif yang selalunya berlaku di tempat-tempat hiburan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti faham bahawa ramai daripada pemuda-pemudi yang mengunjungi tempat-tempat hiburan masih menuntut di kolej atau universiti. Mereka mempunyai masa depan yang cerah dan negara menaruh harapan yang tinggi terhadap mereka. Mereka mungkin bukan kaki botol tetapi *atmosphere* dan persekitaran tempat-tempat hiburan selalunya mendorong mereka untuk mencuba mengambil minuman keras.

Apabila mereka menjadi kurang siuman, mereka akan mudah terpengaruh untuk mencuba pil-pil khayal seperti pil-pil ecstasy atau dadah yang lain kononnya untuk mengalami sensasi yang berlainan. Ada di antara mereka mungkin dapat melarikan diri daripada kancas maksiat sebelum terlambat. Namun pasti ada yang tidak begitu bertuah, masa depan mereka ini akan terjejas dan harapan negara terhadap mereka turut dihampakan. Oleh yang demikian, saya menyokong penuh cadangan untuk melarang penjualan dan pembekalan minuman keras yang memabukkan kepada pemuda-pemudi berumur di bawah 21 tahun yang berkunjung ke tempat-tempat hiburan.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen baru 14A(1) memperuntukkan bahawa: "Tiada seorang pun yang kepadanya suatu lesen telah diberikan berkenaan dengan suatu tempat hiburan boleh membekalkan atau menjual atau membenarkan dibekalkan atau dijual atau membiarkan pembekalan atau penjualan minuman keras yang memabukkan di tempat hiburan itu kepada mana-mana orang yang berumur di bawah dua puluh satu tahun". Sekali baca subseksyen baru ini nampaknya meletakkan tanggungjawab yang berat kepada pemegang lesen tempat hiburan untuk memastikan bahawa tiada aktiviti penjualan atau pembekalan minuman keras memabukkan kepada pengunjung yang berumur di bawah 21

tahun. Walau bagaimanapun, masalah mungkin timbul ketika penguatkuasaan dan pendakwaan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang berumur di bawah 21 tahun ingin membeli minuman keras yang memabukkan pengoperasi boleh menasihati pengunjung tersebut mendapatkan seorang kawan yang lebih tua untuk membeli atau memesan minuman keras setelah minuman keras diserahkan kepada pengunjung yang lebih tua itu, minuman tersebut dapat diberikan olehnya kepada pengunjung yang berumur di bawah 21 tahun tadi untuk diminum.

Dalam keadaan sebegini adalah amat sukar untuk membuktikan bahawa pengoperasi tempat hiburan tersebut telah menjual atau membiarkan minuman keras dibekalkan kepada seseorang yang berumur di bawah 21 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, ketika pihak penguat kuasa memeriksa tempat hiburan tersebut sekiranya minuman keras itu belum diminum, pengoperasi boleh mengatakan bahawa dia hanya menjual minuman keras itu kepada orang yang melebihi 21 tahun sebaliknya jikalau minuman keras itu telah habis diminum bagaimana pihak pendakwa dapat membuktikan bahawa minuman keras telah dibekalkan orang di bawah umur 21 tahun. Bahan bukti itu telah masuk ke dalam perut peminum dan tidak lama kemudian akan dilepaskan dalam bentuk air kecil.

Pengoperasi juga mungkin mempertikaikan bahawa pengunjung yang berumur kurang daripada 21 tahun tadi sebenarnya telah minum minuman keras di tempat lain sebelum memasuki tempat hiburannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat menjangkakan bahawa ramai pengoperasi akan berikhtiar membantu pengunjung tempat hiburan masing-masing yang berumur di bawah 21 tahun menikmati minuman keras yang memabukkan walaupun minuman keras tersebut akan dibekalkan secara tidak langsung. Kelemahan undang-undang ini akan menjadikan usaha pindaan kali ini bagaikan mencurahkan garam ke dalam laut iaitu melakukan satu kerja yang sia-sia.

Oleh yang demikian saya ingin mencadangkan supaya satu peruntukan baru turut dimasukkan dalam pindaan kali ini iaitu memperuntukkan bahawa barang siapa pengunjung di sesuatu tempat hiburan yang berumur di bawah 21 tahun yang apabila diperiksa didapati darahnya mengandungi alkohol akan dianggap sebagai telah membeli atau mendapatkan bekalan minuman keras daripada pengoperasi tempat hiburan tersebut, melainkan pengoperasi tersebut dapat membuktikan sebaliknya.

Saya percaya hanya cara ini dapat memastikan para pengoperasi tempat hiburan memandang serius larangan menjual dan membekalkan minuman keras yang memabukkan kepada pengunjung ke tempat hiburannya yang berumur kurang daripada 21 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kali ini juga memperkenalkan peruntukan baru yang membolehkan Dato Bandar, pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor dan orang-orang diberi kuasa untuk memasuki mana-mana tempat hiburan untuk tujuan membuat penyiasatan dan pemeriksaan. Mengambil iktibar daripada pengalaman penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negara dan Hal Ehwal Pengguna ketika membanteras kegiatan penjualan VCD cetak rompak, saya ingin menyarankan supaya sebarang pemeriksaan mengejut ke atas tempat-tempat hiburan mesti dirancang dengan teliti demi keselamatan kakitangan kerajaan yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa tempat-tempat hiburan di Kuala Lumpur telah turut menyumbang kepada pembangunan industri pelancongan. Pemeriksaan mengejut ke atas tempat-tempat hiburan sedikit sebanyak akan mengganggu para pelawat asing yang turut berada di sana. Walau bagaimanapun saya berharap pihak kerajaan akan dapat berpegang teguh kepada pendiriannya berhubung isu ini.

Saya percaya lambat laun para pelawat asing akan dapat memahami dan seterusnya menyokong usaha kerajaan dalam melarang penjualan minuman keras di tempat-tempat hiburan kepada individu yang kurang daripada 21 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya menggubal undang-undang atau peraturan-peraturan yang sesuai bagi mengawal harga minuman tanpa alkohol di tempat-tempat hiburan. Kita selalu dapat perhatikan di banyak tempat hiburan, harga minuman tanpa alkohol seperti mineral water dijual dengan harga yang lebih tinggi daripada minuman keras. Ini mempunyai kesan mendesak pengunjung yang ingin menjimatkan belanja mengambil minuman keras walaupun mereka sebenarnya mereka lebih suka minuman tanpa alkohol.

Oleh yang demikian saya berpendapat kerajaan perlu campur tangan dalam soal ini bagi membantu mengurangkan pengambilan minuman keras bukan sahaja di kalangan pemuda pemudi tetapi juga di kalangan semua pengunjung tempat hiburan secara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya turut mengambil kesempatan ini mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya mengadakan kemudahan-kemudahan sukan dan riadah yang lebih banyak untuk kegunaan orang awam. Kemudahan-kemudahan sukan ini harus turut dibuka pada waktu malam dan dikenakan caj penggunaan yang munasabah.

Pada pendapat saya, kolam renang dan kemudahan gimnasium yang pada masa sekarang merupakan keistimewaan para penduduk kondominium juga harus disediakan dengan lebih banyak oleh kerajaan untuk orang awam. Mudah-mudahan dengan wujudnya lebih banyak kemudahan sukan untuk orang awam di lokasi yang betul, pemuda-pemudi akan memilih untuk menghabiskan masa lapang dengan cara yang lebih sihat yang berfaedah dan ini akan dapat mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat jelata yang berbilang kaum di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dapati pihak polis telah melaksanakan aktiviti membanteras lima ancaman sosial yang serius di negara kita ini iaitu:

- (i) ingin membanteras dadah dan pil-pil ecstasy;

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan Chang See Ten: Tidak ada, sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab ucapan dasar ini memang luar dari Akta Pindaan yang sedang kita bangkitkan.

Tuan Chang See Ten: Peringkat akhirlah, cuma saya hendak tutup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya cuma hendak ingatkan-lah. Dari segi Peraturan Mesyuarat memang kita kena patuhi. Sila sambung.

Tuan Chang See Ten: Baru ini pihak polis dengan pihak kerajaan tempatan dan pejabat-pejabat kerajaan yang lain terlibat untuk tindakan bersepadu supaya kita dapat mengurangkan gejala sosial yang negatif kerana ini adalah lima jenis ancaman sosial yang serius.

- (i) masalah dadah, termasuk pil-pil ecstasy, penyalahgunaan dadah yang serius;
- (ii) masalah cetak rompak dan VCD lucah;
- (iii) masalah aktiviti pelacuran;
- (iv) pusat-pusat *video-games*, jenis perjudian; dan
- (v) pusat hiburan haram.

Saya dapat baca daripada surat khabar Cina bahawa di Negeri Selangor, 78% daripada jumlah aktiviti pusat hiburan awam di Negeri Selangor adalah tanpa lesen.

Oleh yang demikian, memang kita sokong pihak Kerajaan Negeri Selangor dan pihak Kerajaan Pusat dengan kerjasama daripada pihak polis untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti membanteras gejala sosial yang negatif yang saya sebutkan tadi. Ia dimulakan pada 5 Jun. Mengikut maklumat daripada pihak polis ia akan dilanjutkan selama 3 bulan, hingga bulan September.

Saya harap polis akan ambil tindakan untuk membanteras lima jenis ancaman sosial ini hingga bulan September. Kita harap operasi ini, untuk membanteras lima jenis ancaman sosial ini, mesti diteruskan dengan cara konsisten supaya kita benar-benar dapat menghapuskan atau mengurangkan gejala sosial yang negatif ini.

Kalau negara kita ini berjaya mempertingkatkan pembangunan kebendaan tetapi kita gagal dalam pembangunan rohani dan jasmani, kita tidak akan dapat menjadi sebuah negara yang moden pada tahun 2020, kerana ia akan menjejaskan salah satu matlamat wawasan 2020 untuk mendatangkan kesinambungan dalam pembangunan kebendaan dan pembangunan rohani dan jasmani.

Oleh yang demikian, tindakan yang dijalankan oleh pihak kerajaan melalui pihak polis dan jabatan-jabatan yang berkenaan supaya kita benar-benar dapat *delivery system* yang sempurna, yang mana kita akan dapat hidup dalam satu suasana kehidupan yang berkualiti. Ini adalah suatu perkara yang saya ingin ambil pandangan, supaya tindakan membanteras itu dapat diteruskan selama-lamanya.

Kita dapati pada tahun 2000, bulan Oktober, lepas Jemaah Kabinet memberikan arahan tutup semua pusat *video-games* jenis perjudian, dalam dua, tiga minggu tutup, tetapi beberapa bulan sahaja dia kembali. Mengapa? Kerana, tindakan operasi penguatkuasaan tidak konsisten. Ini tentu melibatkan gejala sosial negatif iaitu rasuah. Sebab itu, kita harap kali ini benar-benar dapat mencapai matlamat yang kita idam-idamkan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak lupa mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan kerana telah mengambil langkah yang positif untuk mengurangkan pengambilan minuman keras di kalangan pemuda-pemudi. Saya percaya tentu terdapat pihak-pihak tertentu yang kurang senang dengan pindaan undang-undang kali ini.

Walau bagaimanapun, saya berpendapat usaha ke arah itu mesti diteruskan dan dilipatgandakan sebagai langkah menjauhkan pemuda-pemudi daripada aktiviti yang kurang sihat dan tidak berfaedah. Pada masa-masa akan datang, saya berharap larangan penjualan minuman keras kepada pemuda-pemudi yang berumur di bawah 21 tahun dapat diperluaskan ke seluruh negara dan di semua tempat penjualan minuman keras dan bukannya hanya dihadkan kepada tempat-tempat hiburan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

12.46 tgh.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut membahaskan suatu Akta meminda Akta Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1992.

Tuan Yang di-Pertua, sering kali bila sesuatu pindaan ini hendak dibuat, berkaitan dengan Akta Hiburan, selalu dikaitkan bahawa pindaan ini ialah untuk mengawal kegiatan aktiviti hiburan dan juga pusat hiburan. Seperti mana yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi bahawa gejala sosial ini banyak lahir dan wujud daripada aktiviti-aktiviti hiburan dan juga pusat-pusat hiburan yang tidak terkawal.

Bagi saya, soal pengawalan terhadap aktiviti hiburan dan pusat hiburan ini bukan sahaja kepada sama ada mereka itu ada permit, ada lesen ataupun tidak, tetapi pengawalan yang gagal diwujudkan sehingga melahirkan pelbagai keadaan yang mencetuskan gejala sosial di kalangan masyarakat kita, khususnya muda-mudi. Ini adalah disebabkan negara kita sendiri tidak mempunyai satu dasar hiburan yang jelas untuk dijadikan satu garis panduan oleh pusat-pusat hiburan yang terdapat dalam negara kita dan juga kegiatan-kegiatan hiburan dalam negara kita.

Ini menyebabkan kalau kita lihat pusat-pusat hiburan umpamanya, persoalan yang harus kita lihat di sini ialah punca gejala sosial wujud daripada pusat hiburan. Itu ialah

kerana pengisian yang terdapat dalam pusat-pusat hiburan itu macam tidak ada satu garis panduan, apa benda atau pengisian yang sepatutnya diisi untuk disesuaikan dengan sesuatu yang kita kehendaki. Sebab itu sesuatu yang kita kehendaki mestilah lahir daripada dasar hiburan. Dasar itu ialah apa yang kita kehendaki dalam membentuk budaya masyarakat yang berasaskan kepada budaya tinggi masyarakat di dalam negara kita ini.

Akhirnya, kita lihat bahawa yang menyebabkan pusat-pusat hiburan ini bebas untuk buat apa sahaja dan menjadikan masyarakat kita, menjadikan hiburan dan budaya kita itu sendiri, piawainya ialah daripada Barat. Piawainya bukan daripada apa yang kita kehendaki, yang berasaskan kepada budaya Timur, budaya Malaysia, yang selalu kita sering laungkan.

Oleh sebab itulah lahirnya, wujudnya pelbagai gejala sosial yang terdapat dalam negara kita ini. Sebab itu bagi saya, saya minta supaya Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ini untuk menggubal kembali dan memperbaharui kembali dari masa ke semasa, dasar hiburan supaya ia menjadi satu garis panduan untuk semua dalam kegiatan aktiviti hiburan, mahu pun operasi pusat-pusat hiburan ini, supaya memenuhi kehendak-kehendak dasar hiburan itu sendiri.

Dasar hiburan itu seperti yang saya sebutkan tadi mestilah yang tidak berasaskan, yang tidak menjadikan Barat sebagai piawai. Sehingga hari ini kadang-kadang kita lihat bahawa, kalau kita tidak ikut Barat, kita rasa kita ini macam ketinggalan. Kalau kita tidak ikut budaya Barat, *style* budaya hiburan Barat, kita sudah menjadi masyarakat yang ketinggalan.

Akhirnya, menjadikan kita terikut-ikut dengan budaya Barat, budaya yang luar, yang liar, yang dibawa masuk ke dalam negara kita. Inilah juga yang terdapat dalam pusat-pusat hiburan, dalam kegiatan-kegiatan hiburan, aktiviti-aktiviti hiburan yang berlaku dalam negara kita. Saya tunjuk contoh kegiatan ataupun aktiviti-aktiviti hiburan yang terbuka, yang bukan dalam pusat-pusat hiburan, yang terbuka, umpamanya, konsert-konsert dan sebagainya. Sehingga kita lihat bahawa tidak ada satu dasar dan kawalan yang boleh membawa proses pemurnian, pembentukan keperibadian kepada masyarakat kita. Hingga hari ini, kita lihat bahawa lahir masyarakat-masyarakat yang terikut-ikut dengan *style* ataupun gaya hidup yang dipaparkan melalui orang-orang penting di dalam kegiatan-kegiatan aktiviti hiburan.

Umpamanya artis, katalah seorang artis yang mempamerkan pakaian-pakaian yang tidak sesuai dengan kehidupan budaya masyarakat Malaysia khususnya di kalangan anak-anak muda.

Saya kadang-kadang kesal juga walaupun saya turut memperjuangkan soal hendak membanteras cetak rompak ini, kerana kita kasihan kepada artis. Tetapi kadang-kadang artis sendiri, khususnya artis wanita sebahagiannya bukan kesemuanya tidak menyedari perkara-perkara yang seperti ini bahawa mereka telah menampilkan budaya-budaya yang tidak begitu baik, yang tidak begitu sopan, menampilkan pakaian-pakaian *style*, gaya hidupnya yang tidak menyumbang kepada pembinaan gaya hidup masyarakat Malaysia.

Umpamanya contoh malam anugerah hiburan, kadang-kadang kita tengok artis-artis perempuan memakai pakaian-pakaian yang tidak begitu selesa tetapi dalam masa yang sama mereka menjerit bahawa ini cetak rompak tolonglah kami, tetapi mereka sendiri merompak budaya luar, mencetak rompak, mempergiatkan budaya daripada luar ke dalam kehidupan masyarakat kita. Sebab itu bagi saya bahawa harus dilihat bahawa soal dasar hiburan ini yang menyentuh semua hal bahawa perlu digubal untuk menjadi garis panduan kepada kegiatan-kegiatan hiburan dan juga pusat-pusat hiburan yang terdapat di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa pengisian-pengisian hiburan ini juga perlu kita lihat bahawa apa yang kita perlukan dalam pusat hiburan, apakah yang sepatutnya dijadikan panduan kepada pusat-pusat hiburan ini. Sebab itu mesti ada garis panduan yang jelas kepada pusat-pusat hiburan dan kalau pusat hiburan ini tidak mengikuti garis panduan ini maka tindakan yang tegas harus diambil, bukan tindakan yang tegas hanya diambil kepada orang yang umpamanya kalau di dalam pusat hiburan itu ada kegiatan menjual pil ecstasy.

Kita hanya menangkap kadang-kadang setengahnya orang yang menjual pil ecstasy dalam pusat hiburan tetapi pusat hiburan itu sendiri tidak diambil tindakan, pengusahanya jarang sangat diambil tindakan, sebab itu saya katakan bahawa satu tindakan yang tegas terhadap pengusaha pusat hiburan itu perlu diambil tindakan supaya dia lebih bertanggungjawab dalam pengoperasian pusat hiburan untuk dipastikan selain daripada penguat kuasa Dewan Bandaraya ataupun pihak berkuasa tempatan, dia sendiri harus diberikan tanggungjawab untuk mengawal dan memastikan bahawa tidak ada sebarang kegiatan yang tidak baik berlaku dalam pusat hubirannya.

Jadi, ini barulah kita melahirkan masyarakat yang lebih peka, yang lebih bertanggungjawab terhadap soal budaya, soal masalah gejala-gejala sosial yang wujud dalam negara kita yang tidak menguntungkan kehidupan masyarakat yang terbanyak dalam negara kita ini.

Kemudian saya juga ingin menyentuh soal arak yang disebut dalam seksyen baru 14 A (1) ini iaitu budak yang di bawah umur 21 tahun tidak boleh minum. Seolah-olahnya selepas umur 21 tahun 'hang nak mabuk tunggang langgang' pun tidak mengapa, hang nak mabuk tunggang langgang, terlondoh seluar semua tidak mengapa, jadi seolah-olahnya kita menetapkan di dalam persepsi kita tidak bolehnya umur di bawah 21 tahun. Apakah arak ini walaupun dalam Islam mengizinkan mana-mana agama yang mengizinkan penganutnya minum arak, dia boleh izinkan tetapi dalam satu konteks bahawa dalam ilmu perubatan moden, pakar-pakar perubatan moden mengatakan bahawa arak sejenis minuman alkohol yang tidak baik kepada kesihatan manusia.

Apakah kita mengizinkan bahawa hanya orang yang berumur atas 21 tahun sahaja boleh minum. Di bawah umur 21 tahun tidak boleh bagi mereka, tidak sihat bagi mereka. Apakah selepas daripada umur 21 tahun itu satu benda yang sihat untuk kehidupan masyarakat. Jadi bagi saya kita mesti memperbetulkan persepsi ini, sebab kita tidak mahu, tidak boleh melahirkan seperti mana dalam masyarakat kita sekarang ini di Malaysia, ada 200 ribu penagih tegar, penagih arak, penagih alkohol yang tegar dalam negara kita. Daripada 200 ribu ini lahirnya pelbagai masalah gejala sosial, jenayah, rompakan, memandu kereta secara yang tidak terkawal dan sebagainya. Ini akan melahirkan pelbagai masalah dan akhirnya kita terpaksa menampung satu perbelanjaan yang besar untuk menyelesaikan dan mengatasi masalah-masalah yang seperti ini.

Soal arak ini juga saya mengambil kesempatan untuk menyebut bahawa timbul satu trend dalam masyarakat kita ini yang tidak dikawal oleh Kementerian Dalam Negeri yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri sendiri, selaku Menteri Dalam Negeri. Apabila akhbar-akhbar bahasa Inggeris, *Straits Times*, *Star*, *Sun* dan ada juga surat khabar yang lain yang membenarkan membuat pengiklanan-pengiklanan jenama-jenama arak sama ada *Tiger Beer*, dua jenis yang saya sempat kumpul ialah *Tiger Beer* dan juga *Carlsberg*. Ini adalah pengiklanan-pengiklanan yang dibuat secara terbuka yang seolah-olah kita memberikan galakan untuk orang meminum arak. Bagaimana kita hendak mengawal supaya hanya yang minum itu berumur 21 tahun ke atas yang di bawah umur 21 tahun itu kita kawal sedang yang membaca ini juga ialah di bawah umur 21 tahun.

Ada setengah-setengah pihak yang ada kaitan dengan syarikat minuman arak ini siapa yang dapat mengumpul iklan ini dalam jumlah-jumlah yang tertentu bila mereka pergi ke tempat-tempat hiburan ataupun ke mana-mana tempat yang ada kaitan, link dengan syarikat arak ini mereka akan diberikan segelas percuma, kalau mereka boleh mengumpul ini. Ini saya katakan bahawa satu suasana yang tidak sihat yang menggalakkan kepada pembudayaan masyarakat Malaysia, *life style*, gaya hidup masyarakat Malaysia ini ialah masyarakat yang sentiasa yang hendak minum dengan minuman keras. Kalau tidak minum tidak ada *style*, tidak moden, kalau setakat kopi 'O' ini tidak *glamor*.

Ini seolah-olah kita membentuk, saya hendak menyebut kepada Tuan Yang di-Pertua pada hari ini. Saya amat kesal kepada pihak Kementerian Dalam Negeri apabila Dewan Pemuda PAS, Timbalan saya sendiri pergi ke Kementerian Dalam Negeri untuk mengemukakan satu memorandum bantahan terhadap pengiklanan-pengiklanan jenama arak di dalam akhbar *Star*, *Straits Times* dan sebagainya. Menteri Dalam Negeri tidak ada kalau tidak silap saya seorang Setiausaha Sulit Kanan Yang Amat Berhormat Menteri

Dalam Negeri datang menerima memorandum ini, dia kata ini dalam bahasa Inggeris, orang Melayu tidak membaca. Adakah orang Melayu tidak tahu membaca orang putih, tidak tahu membaca Inggeris? Kita 'dok' galak supaya orang Melayu boleh bercakap Inggeris, ini dak, orang Melayu tidak membaca, seolah-olahnya bila orang Melayu tidak membaca ini, orang Melayu tidak faham dan dia tidak terpengaruh.

Kemudian disebut pula ini apa pun iman, kalau iman kuat tidak mengapa, iklan macam mana pun tidak mengapa, kalau begitu tutup balai polis tidak payah undang-undang dalam negara kita, cukup iman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada ucapan lain yang berkaitan dengan pindaan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya hendak menyebut tentang soal arak yang berkaitan dengan pindaan ini. Apabila iklan ini dibuat, ini lah yang menggalakkan dan menyebabkan masyarakat yang hadir dalam pusat-pusat hiburan ini akan terlibat dalam meminum arak. Macam mana kawalan untuk memastikan bahawa yang minum itu hanya yang berumur di atas 21 tahun, bila masa, setiap masa yang pihak penguat kuasa akan berada di situ untuk memastikan bahawa yang hanya masuk ke situ, yang minum di situ hanya yang berumur bawah 21 tahun. Ini menunjukkan bahawa keinginan untuk budak di bawah umur 21 tahun untuk minum kerana apa, kerana ada iklan, kalau dia kumpul di setengah-setengah akhbar, kalau dikumpulkan dalam jumlah tertentu maka boleh dapat ditukar dengan segelas arak [*Menunjukkan surat khabar*].

Baik yang saya hendak sebut di sini Tuan Yang di-Pertua, ialah kerana ini menimbulkan gejala sosial budaya yang lahir daripada pusat hiburan, yang lahir daripada minuman keras, minuman arak ini dan sebagainya. Yang dipaparkan di dalam iklan ini bagi saya bukan sekadar jenama arak yang pada sudut agamanya sudah *clear* haramnya tetapi yang ditonjolkan, yang dibawa ialah satu suntikan pembudayaan baru dalam masyarakat kita, gaya hidup, budaya yang hendak disuntik dalam masyarakat kita, dengan slogan-slogan yang hendak memberikan gambaran kepada masyarakat Malaysia supaya ada pandangan yang positif terhadap arak, slogan openers'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir memang ada tempat, masa untuk Yang Berhormat mengemukakan pandangan itu, tetapi sekarang kita membincangkan akta pindaan. Maka....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Betul, inilah yang menyebabkan Tuan Yang di-Pertua, bila masyarakat membaca iklan seperti ini..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:...saya memaklumkan Yang Berhormat terkeluar daripada pindaan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya kembali kepada tajuk. Bila orang membaca iklan-iklan seperti ini, dia mengatakan aku pun hendak *style* baru lah aku nampak keterbukaan, bila minum arak di pusat hiburan. Bila aku minum ini baru ada *style*, umpamanya disebut *friendship*, ini ukhawah persaudaraan, persahabatan, mesti kita pergi ke *nightclub*, mesti pergi ke pusat-pusat hiburan, kita minum arak baru nampak kita keterbukaan. *Join a world of friends, "Bottoms up"*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa yang dikemukakan itu adakah Yang Berhormat mengharapkan satu jawapan akan diberikan oleh kerajaan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya hendak sebut dan kaitkan di sini bahawa dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab dalam hubungan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak akan dapat peluang untuk memberi jawapan ke atas..

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kementerian Dalam Negeri saya tahu. Saya hendak memberikan jawapan untuk memperjelaskan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:.....pandangan Yang Berhormat. Beralih kepada masalah yang berkaitan dengan pindaan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa tidak wajar untuk kita membuatkan satu kegiatan dalam pusat hiburan yang membenarkan secara bebas begitu luas tanpa ada satu kawalan dan penjualan minuman keras.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Minta penjelasan. Saya ingin tahu sama ada kerajaan PAS di negeri Terengganu dan Kelantan berhasrat untuk mengharamkan orang bukan Islam menjual dan meminum arak, adakah ini hasrat kerajaan dan sekiranya kerajaan atau parti PAS mendapat kuasa lebih besar adakah ini hasrat parti PAS juga akan menghapuskan semua iklan-iklan untuk menjual arak. Adakah ini hasrat dan tujuan parti PAS. Sekian terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini propaganda murahan MCA selama ini. Kita katakan bahawa untuk orang bukan Islam, dalam Islam mengizinkan kalau ada agama yang mengizinkan penganut yang minum arak itu hak dia, dalam kawalan-kawalan yang tertentu tetapi yang kita hendak sebut di sini ialah satu pembudayaan dalam masyarakat. Masyarakat bukan Islam sendiri saya percaya bahawa perlu menerima hakikat bahawa walaupun agama mereka mengizinkan mereka minum arak tetapi minuman ini tidak baik kepada kesihatan. Perdana Menteri bercakap soal kita hendak maju berdaya saing, berdaya maju berasaskan kepada ilmu, berasaskan kepada *knowledge*, tiba-tiba kita membenarkan orang secara bebas dengan budaya hidup

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:.. *live* dengan minum arak yang boleh merosakkan satu unsur pengembangan ilmu dalam masyarakat kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat habis ya?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Belum lagi, saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dalam hal itu habislah, saya hendak bahas lagi. Oh! masa, sambung petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh sambung petang.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat disambung semula. Saya pohon Yang Berhormat bagi Pokok Sena menyambung ucapan beliau.

2.30 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung perbahasan saya. Tadi saya berhenti tentang soal arak. Dalam pindaan ini, disebut di sini bahawa satu larangan supaya penjualan dan pembekalan arak ini tidak boleh dibuat kepada orang yang di bawah umur 21 tahun.

Saya seperti mana rakan-rakan yang lain juga bersependapat bahawa undang-undang ini harus diperjelaskan, khususnya supaya mesti ada di dalam undang-undang ini bahawa untuk orang Islam, ia tidak boleh dikira halal sama ada bawah 21 atau lepas 21. Dia mesti memperjelaskan supaya orang Islam tidak boleh, sama ada di bawah 21 ataupun

lebih daripada 21, ia adalah sesuatu yang mesti dilarang daripada pembekalan dan penjualan minuman keras ini sebab ini adalah sesuatu yang sudah jelas dari sudut hukumnya, orang Islam tidak boleh mengambil ataupun meminum minuman keras, arak ataupun alkohol ini.

Kepada orang yang bukan orang Islam ini, mungkin boleh diletakkan bahawa umur bawah 21 ini hanya untuk orang bukan Islam. Tetapi, walau bagaimanapun, saya tetap menegaskan bahawa alkohol atau minuman keras ini adalah sesuatu yang tidak baik kepada kesihatan manusia. Walaupun waktu dia minum itu dia tidak mabuk, dia minum sedikit tetapi lama-kelamaan minuman itu boleh merosakkan unsur akal, tempat mengembangkan ilmu dalam kehidupan masyarakat kita ini.

Jadi, ini sudah tentu akan membantutkan usaha untuk kita melahirkan masyarakat yang berdaya saing dan berdaya maju yang berasaskan kepada ilmu. Sebab itu saya minta supaya undang-undang ini harus lebih jelas untuk memberikan satu pengawalan yang benar-benar terkawal.

Kemudian soal istilah hiburan. Walaupun tidak terdapat di dalam pindaan ini tetapi di dalam Akta Ibu ini, ada. Oleh kerana kegiatan ataupun aktiviti hiburan atau pusat hiburan ini seperti yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi banyak melahirkan permasalahan gejala sosial dalam negara kita. Ia perlu kepada satu garis panduan seperti mana yang saya katakan dari segi, macam konsert umpamanya, bagaimana bentuk pakaian artis, bagaimana bentuk gelagat artis yang jangan sampai kepada ia menjadi berlebihan yang boleh membawa kepada mempengaruhi kehidupan masyarakat, khususnya remaja dan anak-anak muda yang ada dalam negara kita.

Hari ini kita lihat gelagat artis ini sudah keterlaluan, jauh daripada budaya Timur, jauh daripada budaya Islam, malah artis-artis di kalangan orang Islam sendiri yang berkelakuan yang tidak baik dan sumbang dengan pakaian yang cukup memalukan kita seperti mana yang saya sebutkan tadi. Tetapi dalam isu cetak rompak, mereka telah menjerit, "Tolonglah kami, tolonglah kami" tetapi mereka juga merompak cetak budaya luar yang dibawa ke dalam masyarakat yang boleh mempengaruhi masyarakat, anak-anak muda dan remaja kita dalam keadaan-keadaan yang tidak baik. Sebab itu perlu ada satu garis panduan yang lebih jelas dalam hal-hal yang seperti ini.

Kemudian ialah isu penguatkuasaan. Walaupun kita bersetuju bahawa pindaan ini adalah untuk memberikan kuasa kepada Datuk Bandar, pegawai polis yang tidak rendah daripada Inspektor untuk membuat penggeledahan, dia boleh rempuh masuk dengan apa cara sekalipun, yang dipersoalkan di sini ialah kebimbangan kita daripada apa yang berlaku dalam isu pembanteras cetak rompak sebelum ini yang dilakukan sama ada oleh pihak polis ataupun oleh pihak PBT.

Ini yang kita bimbang sebab saya percaya bahawa sebelum inipun sepatutnya pihak polis ataupun mana-mana pihak berkuasa sudah boleh mengambil tindakan dengan undang-undang yang ada sebelum ini tetapi nampaknya tindakan itu tidak berkesan. Mungkin disebabkan kerana tidak ada kesungguhan, komitmen daripada pihak-pihak berkuasa ini sama ada polis, PBT atau Dewan Bandaraya dan sebagainya untuk mengambil tindakan terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pihak empunya yang mengoperasikan pusat-pusat hiburan ataupun aktiviti-aktiviti dan kegiatan-kegiatan hiburan yang lain yang di bawah akta ini.

Pengalaman dalam isu pembanteras operasi banteras cetak rompak dan juga VCD lucah ini harus menjadi pengalaman. Kita bimbang dan takut nanti ada pembocoran rahsia terhadap operasi-operasi seperti yang berlaku dalam Majlis Perbandaran Ampang Jaya, seperti mana dakwaan, saya tidak tahu sama ada benar dia melakukan perkara tersebut tetapi dakwaan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa Pengarah Penguatkuasa itu terlibat dalam kegiatan menjual maklumat, membocorkan rahsia operasi-operasi yang sepatutnya dilakukan oleh pihak MPAJ.

Ini menunjukkan bahawa wujudnya mereka yang terlibat dalam penguatkuasaan ini untuk membanteras persoalan-persoalan pelanggaran undang-undang ini, membocorkan rahsia-rahsia yang akhirnya kita sukar untuk mencapai satu kejayaan yang sebenarnya.

Walaupun beliau telah dipecat daripada jawatannya atas alasan tidak mengisytiharkan kedudukan kewangan mufliisnya secara yang betul tetapi penggantungan awal Kudus ini digantung kerana ada dakwaan rasuah kepada dia dan pengumuman itu dibuat oleh Menteri Besar Selangor.

Yang peliknya, Menteri Besar Selangor yang disiasat oleh BPR, menggantung Pengarah Penguatkuasa MPAJ yang didakwa ada kes penyelewengan dan kes rasuah. Jadi, sama-sama ada kes rasuah. Kawan ini umum, kawan ini kena gantung. Yang dia, siapa hendak gantung, wallahualam. [Ketawa] Sebab itu saya cadang supaya dia gantung diri dia sendiri.

Saya bimbang dengan pengalaman yang berlaku ini sebab kalau kita lihat dari sudut operasi cetak rompak ini seperti yang diumumkan oleh Ketua Polis Negara, saya masih mempersoalkan sejauh mana kejayaannya. Walaupun disebut bahawa 1,000 premis sudah dibuat serbuan dengan ada penangkapan lebih daripada 1,000 orang ditangkap tetapi persoalannya di sini ialah apakah kita sudah berpuas hati dengan 1,000 orang ditangkap?

Saya hendak tanya, sepatutnya pihak kerajaan kena memperjelaskan sama ada mana-mana kementerian, daripada 1,000 orang yang ditangkap itu, berapa yang terlibat dalam menghasilkan VCD cetak rompak dan lucah, berapa yang terlibat dengan pengedar, berapa peruncit dan sebagainya, tidak disebut sebab kalau diikuti daripada tiga hari yang lalu, dalam laporan *Berita Harian*, pihak polis menyatakan bahawa ada 500 tangkapan dibuat, yang terbaru. Daripada 500 tangkapan, hanya 15 orang sahaja terlibat dalam VCD lucah dan cetak rompak.

Jadi, kalau Tan Sri Norian Mai menyebut 1,000 orang ditangkap sebelum itu, bermakna kalau 500:15, 1,000 baru 30 orang. [Ketawa] Adakah berbaloi dalam satu serbuan yang disebut oleh pihak polis, "Kami sudah intip", menghendap – istilah orang Kedah kata menghendap, bahasa moden ini kata intip. "Kami sudah intip (menghendap) dua minggu". Tiba-tiba serbu, tempat itu tidak ada orang. Macam mana serbu, tempat itu tidak ada orang?

Saya bimbang juga bahawa operasi tindakan di bawah DBKL ini, Datuk Bandar dan pihak polis ini juga, akan berlaku unsur-unsur yang seperti menjual maklumat, yang mendedahkan maklumat kepada pihak-pihak yang lain.

Jadi, oleh sebab itu, saya minta supaya satu penegasan untuk memastikan supaya operasi untuk membanteras mana-mana pihak pengusaha-pengusaha pusat-pusat hiburan khususnya yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang yang menyebabkan, melahirkan pelbagai gejala sosial dalam negara kita ini perlu dibuat secara yang lebih serius, yang bersungguh-sungguh dan pegawai-pegawai di peringkat penguatkuasaan ini mestilah diberikan suntikan pendidikan supaya mereka ini lebih mempunyai semangat patriotisme terhadap masa depan negara kita, anak bangsa nusantara ini supaya tidak hanya terpengaruh dengan sedikit imbuhan yang boleh diberi oleh mana-mana pihak, mana-mana pengusaha pusat hiburan, mana-mana penganjur aktiviti-aktiviti hiburan untuk menutup segala kelemahan dan kesalahan yang dilakukan oleh mereka agar jangan diambil tindakan oleh pihak kerajaan sama ada oleh pihak DBKL ataupun pihak polis.

Oleh sebab itu, unsur-unsur ini harus dilakukan dan contoh yang dilakukan oleh Thaksin di Thailand, saya rasa bahawa ini satu yang baik, dalam hendak membanteras dadah, dikenal pasti dahulu mana pegawai-pegawai tinggi polis, umpamanya yang terlibat dengan rasuah itu juga yang ditangkap, yang terlibat dengan rasuah, yang dirasuah oleh pihak pengedar-pengedar dadah.

Ini pun harus dilakukan, sebab saya percaya bahawa unsur-unsur ini masih ada dan bukan hanya kepada mereka, tetapi juga kepada orang-orang politik. Kerajaan mesti bertegas, kadang-kadang ada juga orang politik yang terlibat dalam budaya rasuah, yang menjadikan budaya itu juga turut diamalkan oleh pegawai-pegawai di peringkat penguatkuasaan, yang akhirnya kita tidak boleh membanteras gejala-gejala seperti ini dan membawa kepada keruntuhan yang lebih besar dalam masyarakat dan dalam negara kita, apatah lagi dalam hal-hal yang berkaitan dengan soal minuman keras yang saya katakan

tadi, maknanya kalau inilah yang dibiarkan berterusan akhirnya kita teruklah, kerajaan boleh haram al-Maunah, boleh haram al-Qaeda, takkan tidak boleh haram alkohol?

Takkan alkohol ini boleh dibiarkan berleluasa dalam masyarakat kita, walaupun diizinkan oleh agama lain untuk penganutnya minum arak, tetapi maknanya satu benda yang tidak baik, yang harus diberikan perhatian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

2.42 ptg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih dapat memberi peluang kepada saya untuk bercakap sedikit berhubung dengan pindaan rang undang-undang ini.

Saya sebagaimana rakan yang lain-lain juga menerima baik cadangan pindaan rang undang-undang ini kerana banyak pindaan yang disebut dalam rang undang-undang ini memperketatkan, memperbaiki lagi undang-undang yang asal, tetapi walau bagaimanapun, saya juga terasa ada kekurangan yang sepatutnya juga difikirkan sebelum pindaan ini dibawa ke Dewan yang mulia ini.

Sebagai pujian saya yang pertama kepada kementerian membawa rang undang-undang pindaan ini ialah soalan peningkatan hukuman, jadi di bawah semua pindaan ini telah meningkatkan hukuman, ada daripada RM10,000 ke RM20,000, ada yang daripada RM20,000 ke RM50,000 dan ini saya sambut baik, tetapi yang amat penting sekali dalam soalan hukuman ini ialah soal penguat kuasa. Jadi, walaupun undang-undang ini setelah membuat satu pindaan untuk menaikkan hukuman, tetapi kalau penguatkuasaan tidak dilaksanakan dengan sebaik mungkin, nescaya pindaan yang dilulus di Dewan yang mulia ini, menjadi satu *mockery* kepada sistem perundangan kita dan sistem keadilan kita.

Jadi, saya bermohon pihak kementerian agar membawa perkara ini kepada agensi-agensi penguat kuasa, supaya jangan *resting on their laurels*, dengan izin, dalam memperkenalkan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya perlu melihat, membawa ke Dewan ini, melihat bersama sebab setiap pindaan berlaku, kadang-kadang mereka yang terlibat dalam persoalan pindaan ini tidak mengetahui yang pindaan telah dilaksanakan ataupun diluluskan di Dewan. Jadi, ini banyak manusia nanti yang dibawa bersama, yang terlibat bersama dalam rang undang-undang yang dipinda itu, tidak mengetahui rang undang-undang itu sendiri. Umpamanya pihak-pihak yang diberi lesen untuk mengoperasikan, saya fokus soalan hiburan dahulu, soalan hiburan ini, tidak mengetahui pindaan ini, jadi saya mencadangkan supaya setiap orang yang mengoperasikan ataupun operasi mempunyai *outlet* ataupun kedai-kedai, tempat-tempat bar, karaoke dan sebagainya, mesti diberi satu kursus mengetahui rang undang-undang ini, sebagai prasyarat mengetahui syarat undang-undang di bawah mana mereka beroperasi. Jadi, supaya tidak menjadi satu dalih ataupun alasan kepada mereka ini tidak mengetahui sepenuhnya syarat rang undang-undang ini.

Saya berharap pihak kementerian boleh membuat satu inisiatif supaya pihak-pihak penguat kuasa dan sebagainya, umpama polis membuat kursus kepada semua *licence holders* ini nanti, supaya memperkenalkan kepada mereka syarat-syarat undang-undang yang ibu dan juga dengan pindaan yang baru kita perkenalkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, kalau kita lihat dalam pindaan ini, pindaan Seksyen 4 ini, ada satu kemasukan baru iaitu maksud subseksyen 2. "Bagi maksud subseksyen ini, jika hiburan disediakan di mana-mana tempat hiburan.....", *this is a very far-reaching amendment*, yang mana tuan punya penerima pajak, penyewa utama, penduduk, pengurus, pengikut mana-mana yang berkenaan sesuatu tempat hiburan, maka siapa sahaja punya tuan rumah dan sebagainya diguna sebagai satu tempat hiburan dan melakukan satu kesalahan, mereka juga akan didapati melakukan kesalahan yang sama.

Jadi, kalau saya punya kedai dan saya sewa kepada seseorang dan seseorang itu telah melakukan kesalahan, dengan sendirinya saya juga telah melakukan kesalahan juga di bawah rang undang-undang ini. Ini adalah satu kawalan yang amat baik dicadang oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya, kadang-kadang perkara ini berlaku menandatangani satu ketidakadilan kepada tuan punya kedai, tuan punya rumah yang diguna pakai oleh pihak operator.

Jadi, ini juga perlu diketahui apabila seseorang itu hendak meluluskan satu tempat, agensi ataupun badan tempatan, majlis tempatan hendak meluluskan satu tempat untuk diguna pakai sebagai satu premis hiburan, tuan tanah itu mesti diberitahu dahulu, tuan rumah kedai itu mesti diberitahu juga yang kedai dia ini disewa untuk ini, akan diguna sebagai tempat hiburan dan kalau dia melakukan kesalahan, penyewa melakukan kesalahan, tuan rumah juga akan didapati melakukan kesalahan. Kalau tidak, tuan rumah mendapat kesalahan, walaupun tidak secara langsung terlibat dengan kesalahan itu. Jadi, walaupun sebagai satu mekanisme, kawalan ini adalah baik, tetapi amat menyedihkan kalau ia memang daripada segi hakikatnya *innocent* dalam soalan tersebut.

Jadi, kalau kita melihat dalam soalan.... saya juga berbalik kepada pindaan ini iaitu akta ibu dipinda dalam Seksyen 4, "Tiada hiburan boleh diadakan" dengan perkataan, "Tiada seorang pun boleh mengadakan hiburan" dan apa maknanya hiburan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat, rujuk semula dalam rang undang-undang ibu, hiburan mengandungi 14 perenggan, apa yang dikatakan hiburan dan hiburan di dalam ini, saya lihat memasuki merangkumi semua unsur, yang pertama, unsur-unsur *entertainment*, dengan izin, iaitu umpamanya, sebagaimana yang semua rata-rata Ahli Yang Berhormat telah membahaskan persoalan, soalan bar, *nightclub*, karaoke dan pelbagai lagi, di mana benda-benda pelacuran, minum arak, berjudi, semuanya boleh berlaku, tetapi dalam istilah hiburan dalam akta ibu, termasuk benda-benda yang berunsur kebudayaan.

Umpamanya, kalau lakonan, aneka ragam dan menunjukkan, bahkan apa yang saya sebutkan tadi, kuntau, silat, tae kwon do dan sebagainya itu, kalau pertunjukan itu ditunjuk kepada ramai juga termasuk atau boleh dirangkumi dalam akta ini. Jadi, dengan sendirinya ia termasuklah dalam pindaan ini. Saya melihat kuasa untuk memberi lesen kepada mereka ini hanya diserahkan bulat-bulat kepada Datuk Bandar. Kuasa Datuk Bandar itu begitu besar sekali untuk mengeluarkan lesen, mengadakan *taekwondo* dan pantomim ataupun teater dan sebagainya yang bercorak budaya ini diserahkan juga dengan Datuk Bandar, dan yang lain lagi, yang mengadakan karaoke, *nightclub*, bar dan sebagainya pun diserahkan dengan Datuk Bandar juga.

Jadi, di bawah pindaan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya *entertainment* ini dibahagikan kepada dua. Satu bahagian dia, persoalan yang ada unsur-unsur ataupun ciri-ciri yang boleh sesuatu hiburan itu menarik kepada perkara-perkara yang negatif. Umpamanya, *nightclub*, bar, karaoke dan sebagainya boleh menarik kepada perkara yang negatif seperti pelacuranlah, minum araklah, berjudilah dan apa sahaja lagi perkara-perkara negatif lain yang boleh ditarik oleh hiburan ini, kuasa untuk memberi lesen janglah diserahkan bulat-bulat kepada Datuk Bandar.

Saya mencadangkan supaya Dato Bandar mewujudkan satu jawatankuasa, dan kelulusan lesen diletak di bawah satu jawatankuasa, yang mana mungkin orang politik ada masuk, Kementerian Belia dan Sukan masuk, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga masuk, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat masuk dalam jawatankuasa ini, untuk memikirkan dan meluluskan sama ada *entertainment outlets* ini boleh diberi kepada si anu yang memohon – si pemohon. Jadi, dalam keadaan sedemikian, kita boleh mengelakkan dua perkara.

Satu, tuduhan-tuduhan liar terhadap Dato Bandar yang meluluskan lesen-lesen yang tidak menentu. Yang kedua, mengelakkan Dato Bandar ada *temptation* memberi lesen kepada orang yang mungkin dianggap tidak sesuai menerima lesen. Jadi, jawatankuasa ini boleh mempertimbangkan secara teliti dan terperinci permohonan-permohonan mereka yang hendak *operate outlet* yang dianggap sebagai *entertainment per se* ini.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: [Bangun]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Satu lagi, iaitu hiburan di bawah undang-undang ini yang unsurnya semua kebudayaan. [*Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Sri Gading*] Baik, sila Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Batang Lumar. *Snooker* ini duduk di bawah perkara mana, hiburan atau sukan? *Snooker* ini dikatakan sebagai sukan tetapi ada unsur-unsur semasa dalam dia bertanding atau bermain itu, ada unsur-unsur perjudian. Ini berlaku di kawasan-kawasan perbandaran, Majlis-Majlis Daerah yang mengeluarkan lesen. Jadi, apabila kita lihat dalam *snooker* ini, ramai budak-budak muda yang terlibat. Kemudian dia menggunakan pusat-pusat ini, kadang-kadang sampai pukul empat pagi.

Jadi, siapakah yang hendak mengawal aktiviti ini? Hendak dikatakan hiburan, siapa yang akan mengeluarkan lesen hiburan? Kalau dikatakan sukan, siapakah yang akan mengeluarkan lesen? Jadi, pihak berkuasa mana yang bertanggungjawab? Kadang-kadang dia tolak-menolak, tolak-menolak tetapi kelangsungan *snooker* yang memberikan perkara-perkara negatif kepada budak-budak muda terus berlaku. Saya minta sedikit penjelasan Yang Berhormat bagi Batang Lumar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup yakin bahawa *snooker*, *billiards* dan sebagainya itu pun dimasukkan di bawah jagaan Majlis Kerajaan Tempatan, dan di bawah Akta Hiburan kalau di Wilayah Persekutuan ini pun boleh dimasukkan walaupun tidak secara khusus disebut *snooker* tetapi boleh dimasukkan di bawah perenggan Seksyen 2 (m) – “Apa-apa hiburan lain yang diisytiharkan oleh Menteri dari masa ke semasa melalui perintah dalam Warta”. Saya ingat memang *snooker* ini diletakkan di bawah perenggan Seksyen 2 (m) ini dan diberi kelulusan ataupun lesen oleh pihak Majlis Kerajaan Tempatan, dan begitu jugalah di Kuala Lumpur.

Memang, saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat Datuk sebut tadi, inilah yang saya sebutkan, di mana kadang-kadang ada satu perkara yang mana dia, satu, juga boleh dikatakan satu unsur sukan dan ada lagi dalam unsur sukan itu boleh diguna pakai menjadi benda-benda lain. Jadi dalam *snooker*, kalau *snooker per se* sendiri mungkin dia menjadi satu sukan. Tetapi orang main *snooker*, tidak cukup, tidak lengkap kalau dia tidak berlawan, tidak berjudi. Kalau tidak berjudi, lawan lain pun satu gelas *beer* ataupun satu gelas *stout* untuk dipertandingkan. Tetapi akhirnya, di tempat-tempat *snooker* di seluruh negara, kalau tidak kita lihat di negara ini, di Sarawak kita dapat lihat, di sini pun begitu juga, bahawa tempat *snooker* inilah banyak orang menghisap dadah, orang minum arak dan tempat perempuan cari langganan. Jadi memang inilah kenapa *gangster* pun boleh wujud dalam tempat-tempat permainan *snooker* ini kerana ada unsur perjudian berlaku. Jadi, adalah orang lain yang hendak *control* perjudian *snooker* ini.

Saya berharap cadangan saya tadi ialah supaya hiburan dalam konteks undang-undang ini dibahagi kepada dua. Satu, hiburan *per se* yang betul-betul hiburan, macam karaoke, *bar*, *nightclub* dan sebagainya itu, kalau hendak memberi lesen jangan diberi atau serah bulat-bulat kepada Datuk Bandar tetapi mestilah diluluskan oleh satu jawatankuasa yang salah seorang daripada ahlinya ialah Datuk Bandar. Mungkin kita boleh melantik pengerusinya daripada agensi-agensi lain, atau ahli-ahli politik pun boleh dilantik, semacam mana dalam badan-badan lain, dan ahlinya termasuklah orang daripada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, orang daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan sebagainya. Jadi, mereka boleh memberi satu *feedback* kepada badan-badan ini dan memantau pengeluaran lesen ini jauh lebih baik daripada seorang untuk memikirkannya sendiri.

Yang kedua, iaitu di mana hiburan di bawah undang-undang ini, makna umpamanya, sarkas, pameran binatang - pameran binatang pun - Tuan Yang di-Pertua, termasuk dalam istilah ‘hiburan’ dalam undang-undang ini. Dan pameran model, bahan bacaan, gambar, foto ataupun rupa patung, ini semua termasuk dalam takrif ‘hiburan’ ini.

Jadi, macam mana kita hendak membezakan penguatkuasaan undang-undang dalam persoalan benda yang ada unsur-unsur *education*, unsur-unsur budaya, unsur-unsur yang begitu baik dan dirangkum bersama dengan perkara-perkara yang negatif sebagai

karaoke, *nightclub*, *bar* dan sebagainya. Jadi, itulah saya hendak katakan supaya kita bahagikan kepada dua. Yang satu diluluskan oleh jawatankuasa dan yang satu lagi itu, yang berunsur budaya itu bolehlah diserahkan kepada Datuk Bandar atas budi bicaranya untuk memberi lesen untuk membolehkan seseorang itu menjalankan aktiviti-aktiviti. Aktiviti ini banyak: Pameran filem, sinematografi, wayang gambar, video dan pertunjukan boneka, macam wayang kulit dan sebagainya.

Jadi, kalau benda-benda yang tidak ada langsung unsur yang negatif atau tidak membawa unsur negatif, bolehlah diserahkan kepada Datuk Bandar, tetapi yang lain itu sepatutnya diletak di bawah tanggungjawab jawatankuasa. Jadi, dalam keadaan sedemikian barulah benar-benar boleh undang-undang yang ketat itu dimasukkan di bawah satu perundangan yang lain. Hiburan yang bercorak kebudayaan ini boleh memajukan dari segi budaya, dan *education* ini dalam satu kelompok yang lain. Jadi kita dapat undang-undangnya sendiri dan dia punya peruntukan yang kita laksanakan dalam undang-undang pun boleh dibuat berlainan sedikit, supaya tidak dalam kita menguatkuasakan undang-undang ini nanti akan menjejaskan prestasi kita dalam segi budaya yang tersebut di dalam garis panduan ini.

Dan juga dari segi pendidikan yang ada terangkum dalam soalan ini, umpamanya, persembahan muzik, nyanyian, tarian, gimnastik, pertunjukan seni mempertahankan diri, ini semua dimasukkan. Jadi, saya tidak melihat kenapa soalan ini dirangkum bersama dengan hiburan.

Ia memang hiburan. Ada orang suka melihat orang menari bogel tetapi ada orang yang suka melihat orang menari menggunakan pakaian yang indah-indah. Jadi ini juga kedua-duanya hiburan. Ada juga di kalangan kawan-kawan dalam PAS tadi jangan menengok hiburan, tidak perlu hiburan. Ini memang pembohong.

Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading memang cakap betul. Kalau lihat hiburan dalam undang-undang ini, merangkum semua sama ada yang baik dan yang tidak baik. Apa yang saya sebutkan di sini ialah membezakan yang mana buruk dan yang mana baik. Yang buruk itu kalau pelesenannya diserahkan kepada Jawatankuasa. Yang baik, budaya, *education* itu diserahkan kepada Datuk Bandar sendiri boleh meluluskan cara *administrative* sendiri.

Dalam keadaan sedemikian, kita baru teratur. Yang teruk dan negatif ini, ini undang-undang dia tetapi kalau orang main pangkah gasing ataupun main gimnastik terlebih masanya sedikit kita hendak menghukum sampai RM50,000, minta maaflah saya Tuan Yang di-Pertua. Saya belum boleh hendak menerima hakikat kerana ini adalah satu budaya yang amat murni di kalangan masyarakat Malaysia untuk meningkatkan lagi kebudayaan kita.

Itu sepatutnya kita membezakan, yang mana hiburan yang negatif dan yang mana satu hiburan yang mendatangkan positif impak kepada masyarakat. Jadi patut dibahagi dua. Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutkan soalan yang negatif tadi. Banyak kawan-kawan menyebut supaya membataskan sehingga pukul 12.00 malam, pukul 1.00 pagi, pukul 2.00 tidak boleh lagi menjual benda-benda seperti alkohol atau minuman alkohol.

Memang saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita jangan sebut pukul 12.00, pukul 1.00 Tuan Yang di-Pertua. Kalau di England, siapa yang pernah masuk ke pub di England, ia pada pukul 10.45 malam *the last call for alcohol drink* - dipanggil. Dia kata, *Okey, the last call* maknanya siapa orang yang hendak minum *the last drink* mesti *order* sebelum pukul 10.45 malam.

Kenapa di England boleh melakukan perkara ini, pukul 10.45 malam, kenapa kita hendak tunggu pukul 1.00 pagi? Walaupun saya mengetahui bahawa banyak orang-orang England itu dia habis kerja pukul 5.00 petang, budaya dia ialah budaya pub. Lepas pukul 5.00 petang itu dia tidak balik ke rumah, dia terus pergi ke pub dahulu. Sampai mabuk daripada pukul 5.00 sehingga pukul 10.45 malam, dia minum sampai mabuk, baru dia mabuk. Sebab itu dia mabuk tetapi kita Malaysia mungkin kita balik ke rumah, kita *relax* dahulu dan lepas itu mungkin barulah orang-orang ini pergi ke *nightclub* dan *bar* dan sampai pukul 10.45 malam sudah tidak boleh mabuk.

Ini juga tidak menjejaskan industri pelancong di England kerana dia sudah dibudayakan. Masa itu telah dibudayakan. Orang semua tahu, bila dia masuk dalam pub di England, dia tahu pukul 10.45 malam tidak boleh *order* lagi selepas itu. Jadi apa masalahnya? Saya tidak melihat perkara ini akan menjejaskan aktiviti pelancongan tetapi apa yang menjejaskan aktiviti pelancongan ialah apabila kita tidak ada menentukan masa-masa yang tertentu. Tidak membudayakan masa-masa itu, seperti masa ditentukan yang tidak boleh lagi *order* minuman-minuman beralkohol ini.

Kalau ini tidak berlaku, selepas itu kita tidak puas hati dihantar sekumpulan polis, merempuh tempat itu, tangkap orang tidak kira yang jahat ataupun yang baik, para pelancong pun kena semua, ini akan menjejaskan. Seorang pelancong kita tangkap, seluruh dunia nanti akan tahu kerana orang-orang Amerika, orang British ataupun orang Australia sudah kena tangkap. Nanti bila pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan buat aktiviti, buat promosi, buat macam-macam lagi pun negatif ini akan dikeluarkan juga kepada masyarakat kerana kita di Malaysia agen industri *entertainment* ini tidak membudayakan budaya yang mana undang-undang dia mesti diguna pakai dan penguatkuasaan mestilah tegas. Serbu dan dapat tangkap semua sekali ini akan menjejaskan imej negara juga.

Saya bukan menggalakkan minum arak, berjudi dan sebagainya. Tidak! Apa yang saya katakan di sini dalam kita melaksanakan apa-apa sahaja, kita mesti melihat keseluruhannya tindakan kita itu tidak akan mendatangkan kesan negatif kepada negara kita. Dalam keadaan sedemikian berlaku apa yang berlaku kepada Maslinda Ishak. Ini juga masalah-masalah sampingan yang mungkin berlaku.

Apabila hendak menggunakan orang untuk membuat serbuan pada satu-satu tempat umpamanya, orang itu mestilah mempunyai *briefing* atau taklimat yang mencukupi. Arahan yang terperinci. Apa perkara-perkara yang tidak boleh buat. Mereka yang tidak mempunyai latihan yang khusus, jangan disuruh untuk menyerbu tempat-tempat awam yang mana pihak polis yang mempunyai latihan yang khusus dan latihan yang sepenuh bolehlah digunapakai.

Kadang-kadang kita guna pakai orang-orang daripada RELA. RELA ini latihannya lain tetapi polis ini latihannya memakan masa sembilan bulan. Selepas itu ada beberapa kursus demi kursus lagi, latihan demi latihan, taklimat demi taklimat dan soalan undang-undang tetapi bila kita menggunakan orang RELA, menggunakan orang-orang daripada badan-badan lain yang tidak mempunyai latihan, apa yang berlaku kepada Maslinda Ishak akan berlaku lagi pada masa yang akan datang.

Kalau kita hendak membuat serbuan itu, kita kena memilih orang dahulu dan pilih orang jangan orang ini akan mencemarkan nama baik kerana perkara yang berlaku kepada Maslinda Ishak sememang tidak patut berlaku kepada sesiapa pun yang membuat pekerjaan kerana perbuatan itu adalah tidak baik walaupun kepada orang yang kita syaki sebagai telah melakukan kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara kita melihat dalam masa kita menguatkuasakan undang-undang ini tetapi dalam masa yang sama kita kena melihat industri lain juga, industri pelancongan dan sebagainya. Kita tidak boleh seperti saya mengatakan tidak boleh menutup semua *nightclub*, *bar*, karaoke dan sebagainya sehingga menjadikan Malaysia ini tidak ada benda yang macam itu lagi. Memang kita tidak boleh...

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Macam mana orang-orang yang bukan Islam dan sebagainya, mereka perlukan *entertainment* ini. Silalah Yang Berhormat.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta laluan daripada Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Saya tadi dengar bahawa Yang Berhormat mengatakan bahawa industri hiburan ini ada hubungkaitnya dengan pelancongan. Saya amat bersetuju dengan pandangan itu tetapi di negara kita ini, apabila kita sebut industri hiburan ini, ia lebih ke arah kita melihat dan semua orang dalam pemikirannya ia dekat sangat dengan maksiat. Dekat sangat dengan perbuatan-perbuatan yang tidak bermoral dan sebagainya seolah-olah aktiviti ataupun kegiatan hiburan ini kita

nampak sebagai satu pelindung atau *make-up* bagi melindungi kerja-kerja yang tidak sihat. Ini secara umum kita dapat melihat di negara kita.

Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Dato' yang begitu luas pengalaman di luar negara dan sebagainya, kita tengok kalau kita pergi ke luar negara di Spain, mereka membuat pertunjukan tarian Flamingo. Saya rasa itu hiburan tetapi kita di sini tidak ada satu jenis hiburan yang statusnya sampai sebegitu. Begitu juga Broadway di New York misalnya.

Kalau kita hendak masuk ke Broadway, kita terpaksa membayar RM400 duit kita Malaysia dan harga kemasukan itu begitu tinggi di mana mereka yang menjalankan industri hiburan mendapat keuntungan daripada *talent dan kemampuan*, keupayaan, budaya dan seni yang dapat mereka tunjukkan tetapi nampaknya di negara kita, perkara ini tenggelam. Yang timbulnya dalam industri hiburan yang begitu hampir dengan kerja-kerja maksiat.

Bagaimana dapat kita tukarkan supaya hiburan ini bukan sebagai sesuatu untuk kita melarikan diri daripada tabii-tabii yang baik pergi ke sana untuk melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral. Kalau dapat diwujudkan satu industri yang mungkin menunjukkan kebudayaan kita, kebudayaan Malaysia, yang pelancong boleh datang melihat dan membawa pendapatan yang begitu besar dan juga dengan itu memberikan peluang pekerjaan kepada mereka yang berkemampuan.

Makyong misalnya mempunyai *talent* yang tinggi yang hari ini saya nampak mereka tidak ada peluang untuk masuk dalam industri hiburan secara langsung walaupun kita ada akta, kalau kita lihat daripada segi positifnya. Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih soalan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Arau itu. Memang, tadi pun sudah saya sebutkan. Kita kena asingkan. Undang-undang ini dari mula sepatutnya kita telah mengasingkan yang mana satu keadaan hiburan kerana hiburan dalam undang-undang ini merangkumi semua sekali, makyong, pantomin, teater, wayang dan gambar seni foto pun masuk dalam ini Tuan Yang di-Pertua.

Itulah saya sebutkan awal-awal tadi bahawa kita sepatutnya mengasingkan yang mana karaoke, *nightclub*, *bar* dan sebagainya ini satu set undang-undang, satu set pengawalan, satu set ciri-ciri peruntukan undang-undang. Satu lagi yang ada kebanyakannya, unsur-unsur budaya sebagaimana Yang Berhormat sebut. Memang betul di England, ada satu cerita *theatre* iaitu '*Mouse Trap*' *running for 32 years*. Saya hendak tengok pun tidak dapat oleh kerana hendak *book* satu tahun sebelum tengok. Jadi, saya tidak bolehlah pergi ke England untuk tahun ini, selepas itu pergi lagi tahun hadapan hendak tengok sebab panjang sangat.

Jadi, masa di *Broadway* adalah peluang saya tengok macam *Les Miserables* dan sebagainya. Ini kerana dia punya *time frame* untuk *booking* itu pendek sedikit. Saya bersetuju dengan kata Yang Berhormat Datuk baru itu, saya ucap tahniah. Dua Datuk dalam satu bulan ini. Tuan Yang di-Pertua, ini memang rekod ini, memang rekod. Jadi, alhamdulillah, kita berterima kasih kepada pihak yang memberi dan tahniahlah kepada Yang Berhormat. Siapa buat rekod ini, susah hendak cari itu. Saya memang bersetuju bahawa apa-apa unsur yang menunjukkan budaya macam makyong, *theatre* dan sebagainya itu di bawah lain dan kita promosikan.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya berterima kasihlah Yang Berhormat ucapkan tahniah kepada saya. Ini, Pengerusi BBC kata tidak adillah saya seorang sahaja diberi ucapan tahniah. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk bagi Batang Lular yang juga menerima Panglima Jasa Negara. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya berterima kasih dengan Presiden Backbencher, saya dapat Datuk ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rekod sebagai rekod umum, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Presiden Backbencher dan mana-mana kawan yang sokong sebut nama saya supaya dapat Datuk itu. Jadi, siapa-siapa sahaja yang ada terlibat itu, saya berdoalah supaya dipanjangkan umur, dimudahkan rezeki. Kepada kawan-kawan

yang menyokong macam.....Okeylah Tuan Yang di-Pertua, saya pindah kepada ini, panjang sangat cerita saya ini.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pindah soalan yang disentuh juga oleh kawan-kawan iaitu penjualan arak, alkohol dan sebagainya di kedai-kedai. Yang masalah kita Tuan Yang di-Pertua, kita tidak membudayakan undang-undang. Inilah masalah kita yang besar. Hanya kita lihat, tiap-tiap kali hendak dapat lesen, saya ini sudah dapat lesen untuk jual arak. Semua benda alkohol saya sudah dapat lesen. Saya lihat syarat dekat belakang, saya tidak lihat lagi dah. Saya hanya lihat *dollar and cent*, ringgit dan sen. Saya akan dapat tidak kira siapa, tidak kira umur 18, tidak kira umur 16, tidak kira umur 20, siapa yang beli, bawa duit, kita jual sahaja. Tengok kiri, tengok kanan, tidak ada polis, tidak ada pegawai penguat kuasa, jual. Sebab, kita tidak membudayakan undang-undang itu dalam industri yang berkenaan. Inilah masalah yang terbesar dalam negara kita.

Jadi, saya Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat, sebelum orang dapat menjual arak, mendapat lesen hiburan, orang ini dikursus, kursus demi kursus untuk prasyarat sebelum dapat lesen. Apabila melakukan satu kesalahan, hari ini lakukan satu kesalahan, dapat kesalahan di mahkamah besok, minta maaf tidak ada tangguh-menangguh lagi, tarik balik lesen itu kerana etika tidak ikut. Barulah selepas itu kita boleh membudayakan undang-undang ini.

Kita kadang-kadang tidak hendak puji macam negeri orang putih ini. Tetapi, kalau kita pergi ke England, kalau lihat budak itu macam muda, suruh dia pergi beli bir umpamanya atau *cigarette* yang tidak boleh dijual kepada budak yang umur 18 tahun, suruh budak itu beli, memang dia tidak jual. Kalau di England, kalau kita bawa kredit kad ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kredit kad itu *diswap, reject*, dia *there and then*, Tuan Yang di-Pertua dengan izin, dia akan koyakkan kredit kad sebab kalau dia tidak tipu ini, dia akan tipu di sana. Itu pandangan mereka. Tetapi, kalau kita di sini, mungkin kita tarik parang. Jadi budaya tidak kena.

Orang dalam industri *is not a good player*, dengan izin. Jadi sepatutnya orang yang dalam industri ini mestilah membudayakan undang-undang itu sendiri. Orang-orang yang meminta lesen, orang-orang yang menjual arak, orang hendak buat karaoke dan sebagainya, semua diberi kursus sebagai prasyarat dan diberi amaran sekuat mungkin. Kalau *breach of the law*, dengan izin, *immediately* lesen dia ditarik balik, orang itu *blacklisted*, tidak boleh guna anak, guna isteri lagi sebagai *nominee* hendak minta lesen akan datang.

Ini kadang-kadang kita tidak mengambil tindakan. Kita hanya lihat okey, ada *premises*, sumber kewangan banyak, *bank guarantee* ada, orang profesional yang tukang nyanyi ada, semua ciri-ciri sudah cukup, *superficially* kita *approve* bagi lesen. Laksana, tidak laksana undang-undang, kita yang pening kepala cakap di sini. Jadi, ini satu masalah kita.

Jadi, saya berharap pihak kementerian supaya mengambil tindakan tegas, beri arahan dengan Datuk Bandar kalau sebelum undang-undang ini dipinda supaya Datuk Bandar mungkin menubuhkan jawatankuasa atau kelulusan *entertainment*. Kita mahu Datuk Bandar mewujudkan satu mekanisme yang lebih *transparent*, mekanisme yang lebih mirip kepada latihan, satu mekanisme yang boleh membudayakan undang-undang. Dengan itu, barulah masyarakat Malaysia itu dibawa ke arah menunjukkan undang-undang ini boleh digunapakai.

Ini kerana kita lihat Tuan Yang di-Pertua, di England pada zaman dahulu, sebelum peperangan dunia yang kedua, kalau orang hendak naik bas, kalau orang hendak bayar bil, kalau orang hendak pergi ke satu kedai tidak ada *queue*. Dia tidak tahu pun. Dia potong *queue* kiri kanan dahulu. Tetapi, apabila perang dunia yang kedua berlaku, oleh kerana barang-barang jualan itu semuanya *rationing*, dengan izin, jadi disuruh *queue*.

Jadi, *queue* itu selama peperangan itu dibudayakan. Selepas itu orang di England sampai sekarang kita nampak macam very *civilized*. Sebab *civilization* itu, walaupun pendek tetapi dibudayakan dengan begitu baik. Orang di kaunter itu tidak akan *entertain* kalau ada

orang lain yang potong *queue*. Tetapi kalau di sini, siapa yang kuat potong *queue*, dialah yang dapat sebab kita sendiri tidak membudayakan budaya yang baik, budaya yang indah.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya hanya hendak meminta penjelasan Yang Berhormat Datuk bagi Batang Lupar tentang orang England *civilized*. Saya harap Yang Berhormat dapat memberi penjelasan lanjut sebab saya bimbang jika kita ditinggalkan dengan persepsi bahawa orang England *civilized*, kita juga mengutuk bahawa Britain menyerang Iraq tanpa bukti yang cukup dan sebagainya. Jadi, dalam memberi ulasan tentang negara dan bangsa yang lain saya ingat, perlu ada sedikit pertimbangan yang menyeluruh supaya jangan sebagaimana yang biasa dituduh kepada kami, pembangkang ini lihat daripada satu sudut. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Itulah. Kita di Barisan Nasional Yang Berhormat, kadang-kadang kalau Yang Berhormat cakap yang baik, kita kata baik juga. Jangan jadi pembangkang punya mentaliti, benda yang baik kita buat pun, jahat juga. Jadi, kita tidak hendak buat. Begitu juga orang di Barat. Memang di England banyak budaya yang kita lihat yang *diapply* kepada mereka sendiri ataupun digunapakai oleh mereka sendiri, banyak kebaikan dia. Walaupun dalam masa yang sama, orang dalam *queue* umpamanya tadi saya sebut, dalam *queue*, ada Mat Saleh, ada orang hitam, ada orang putih, ada orang Jepun, ada orang Korea, ada orang Asia dalam *queue* itu, layanan dia kepada orang putih, mungkin lebih baik daripada layanan kepada orang yang warna kulit hitam ataupun warna kulit macam kita. Tetapi, itu sudah cerita lain Yang Berhormat. Itu cerita lain.

Yang saya sebut tadi *general application*, budaya itu yang dia guna pakai. Tetapi, bukan mengatakan bahawa persepsi orang putih ini, semua cerita dia baik. Kita ambil memang yang baik, baik juga, yang jahat itu jahat juga. Jangan kita jadi segelintir kawan-kawan Yang Berhormat, semua kerajaan buat itu, semua tidak baik. Walau bagaimana indah, baik kemajuan kerajaan buat, bagaimana cemerlang pentadbiran yang kerajaan buat, pun masih buruk juga kerana kita sudah pandang tidak ada benda baik lagi sudah. Mata kita itu, apa benda yang kita lihat semua jahat. Ini, tidak baik di sana, ini salah. Kita melihat yang baik itu baik juga, yang jahat itu, buat jahat.

Walaupun kadang-kadang orang macam Bush itu pun begitu jahat. Mungkin tidak ada manusia yang sejahat Presiden Bush, tetapi ada mungkin kalau di kalangan benda yang dia buat untuk masyarakat mereka, ada juga benda yang baik dia buat untuk masyarakat mereka. Jenis yang saya sebut di sini ialah untuk mengatakan kalau ada nilai yang baik, perbuatan yang baik, mesti kita guna pakai kerana *we don't look into one area* dalam dunia untuk mencari nilai-nilai yang murni. Kita lihat seluruh dunia untuk mengambil nilai yang murni dan kita boleh guna pakai.

Jadi, pokok pangkalnya Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada persoalan saya tadi, kita kena membudayakan undang-undang ini. Undang-undang yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan, sama ada dalam soalan *entertainment* ini ataupun apa juga, mestilah dibudayakan sebelum ia boleh menjadi satu ikutan menyeluruh untuk semua masyarakat. Kalau tidak, inilah masalahnya, kita hanya menunggu pihak polis sahaja, menunggu pihak berkuasa, tunggu tengok yang beruniform hendak tangkap, baru kita hendak *observe* undang-undang. Itulah kenapa kalau polis banyak dan sebagainya, barulah pemandu-pemandu bersikap baik, tunjuk di jalan raya baik, dekat *traffic light* baik, semua baik. Tetapi, *the moment the police* tidak ada, dengan izin, semua api merah ke mana, api kuning ke mana, api hijau ke mana, hentam rentas sahaja, kerana kita tidak membudayakan undang-undang ini.

Jadi kita kalau dalam satu-satu perkara ini, dalam soalan undang-undang ini, ada masyarakat yang tertentu. Masyarakat yang tertentu iaitu masyarakat mereka yang mahu memberi servis kepada *entertainment* ini, mesti dibudayakan. Macam mana membudayakan? Okey, dari mula-mula saya sebutkan tadi. Kalau si anu itu meminta lesen, kita bagikan kursus kepada mereka dahulu. Tidak banyak pekerjaan. Buat kursus, memper-kenalkan undang-undang, memperkenalkan pembudayaan undang-undang, lepas itu gunakan

undang-undang itu, kalau tidak ikut undang-undang itu, kita tarik balik, kalau tidak lulus kursus, tidak mahu *attend* kursus, jangan bagi lesen walaupun duit seguni. Jadi dengan sendirinya orang jangan ambil ringan persoalan menjaga kehendak undang-undang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi dalam persoalan hiburan ini. Kalau kita lihat karaoke umpamanya. Tadi Yang Berhormat bagi Arau kata karaoke, *nightclub* dan sebagainya. Kadang-kadang ada karaoke ini bukan benda yang negatif. Saya tidak melihat macam mana karaoke ini boleh menjadi satu perkara negatif, tetapi orang yang operator itu, ini soalan bukan budaya lagi, dia hendak cari, tengok duit sahaja ini, tengok duit sahaja. Karaoke sepatutnya tidak menjadi suatu benda yang negatif, itu tidak ubahlah orang lain yang hendak menyanyi. Karaoke ini boleh dibuat di rumah. Kita menyanyi di rumah, kalau salah di rumah, itu salah jugalah di tempat karaoke, premis karaoke.

Jadi kalau dia tidak salah di rumah, tidak salahlah dibuat di karaoke. Apa yang menjadi kesalahan ialah tempat karaoke inilah tempat orang mungkin hendak cari perempuan, tempat hendak beli perempuan, tempat GRO? GRO ke PRO?

Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: G.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: G? Ha, GRO beroperasi. Di sinilah GRO beroperasi. Bila beroperasi, GRO ini bertukarlah wajah yang mana karaoke ini telah bukan lagi tempat orang hendak belajar menyanyi, suka mendengar suara dia sendiri, tetapi untuk mencari perempuan jualan. Jadi untuk perempuan ini kata Datuk dari Saratok, mencari rezeki. Jadi ini yang sepatutnya tidak berlaku.

Saya tidak yakin Tuan Yang di-Pertua bahawa pihak polis, pihak bandar raya boleh menguatkuasakan undang-undang ini dengan begitu rupa mengelakkan mereka, yakni operator ini tidak menggunakan tempat ini sebagai tempat perempuan mencari rezeki, untuk lelaki memuaskan nafsu. Jadi melainkan orang yang terlibat dengan industri ini sendiri menjaga nama baik industri ini, menjaga nama baik institusi karaoke itu sendiri kalau dikatakan institusi, kalau tidak, inilah yang berlaku. Jadi walaupun mak yong ia pun boleh jadi macam itu. Jual tiket haram, jual *black market*, semua boleh jadi. Jadi kita ini, apa benda yang kita lihat boleh digunakan sebagai tempat berjudi, tempat minum arak, tempat jual perempuan, hah gunakanlah asal dapat duit.

Jadi inilah suatu kesedihan yang amat sangat, yang mungkin di luar bidang kuasa pihak polis, pihak penguasa yang lain untuk membanteraskannya melainkan industri itu sendiri terlibat sama untuk membantraskan keadaan ini dan untuk mengatasi masalah ini. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita tahun ini bercakap macam itu, tahun depan pun bercakap macam itu juga. Jadi saya berharap pihak kementerian supaya melihat semula undang-undang ini supaya apa yang saya sarankan tadi, kita bahagikan dua hiburan ini – hiburan *entertainment per se* dan hiburan yang ada unsur-unsur kebudayaan dan pendidikan.

Apa yang kita sedih sekali ialah.... Tadi Yang Berhormat bagi Arau, saya sebut Yang Berhormat bagi Arau juga menyebutkan umpamanya *broadway*, teater di situ dan bermacam-macam lagi. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, kalau orang Kuching hendak melihat teater, dia kena terbang ke Kuala Lumpur. Hendak tengok tiket di sini RM250, tiket kapal terbang pergi balik kalau *business class* RM700, kalau ekonomi RM500, tambah dua ratus lebih sudah hampir satu ribu.

Jadi macam mana kita hendak mempromosi melainkan kerajaan mengambil tindakan khusus tiap-tiap negeri diadakan teater, diadakan tempat-tempat yang begini – wayang kulit, mak yong dan latihan menyeluruh dibuat serta kita mempromosikan benda ini, baru kita tidak perlu menunjuk orang menyanyi lagu Siti Nurhaliza, kita boleh tunjukkan mak yong dalam *nightclub*, kita boleh tunjukkan mak yong dalam restoran, kita boleh tunjukkan *clean entertainment* ini di tempat-tempat makan, restoran dan sebagainya. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, kita akan boleh memesongkan pandangan dari melihat benda-benda yang lucah, benda-benda yang tidak elok kepada benda-benda yang ada ciri-ciri mempromosikan budaya. Dalam keadaan sedemikian, barulah kita boleh mengalihkan minda, mengalihkan arah tuju anak-anak kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit sahaja dalam soalan pindaan yang seterusnya iaitu dalam pindaan seksyen baru 14A ini - "Larangan mengenai penjualan minuman keras yang memabukkan kepada orang yang berumur di bawah dua puluh satu". Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini juga kawalan yang perlu dibuat. Tadi saya bercakap soalan karaoke, di sini soalan orang jual minuman keras. Kadang-kadang perkara ini berlaku.

Sebagai misalannya, di kawasan saya ada satu kampung. Kampung itu mempunyai 10,000 orang penduduk. Di antara yang 10,000 penduduk itu hanya ada tiga buah kedai Cina. Kaum Cina ini kurang daripada 10 orang penduduk dalam tiga kedai itu, jadi yang 10,000 itu seratus peratus orang Melayu Islam. 40% orang kampung Beladin itu Tuan Yang di-Pertua, semuanya sudah mengerjakan haji. Orang kampung itu banyak duit dengan menangkap ikan. Akan tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, majlis bagi lesen untuk jual arak di kedai ini untuk yang kurang daripada 10 orang ini. Jadi kepada siapa jual ini, saya hendak tanya? Bukan jual untuk kaum Cina atau kawan-kawan yang bukan Islam yang duduk sana, tetapi tempat itu juga bukan tempat persinggahan untuk orang-orang yang bukan Islam. Orang yang singgah di Beladin ini semuanya orang Melayu di sekitaran kampung berdekatan tetapi lesen diberi juga.

Jadi ini menunjukkan bahawa ada kepincangan dalam pihak-pihak yang berkuasa yang memberi lesen, mungkin berlaku juga di Wilayah Persekutuan, di mana satu-satu kawasan mungkin ada komunitinya hampir 90% orang Islam. Ada satu kedai hendak buka jual arak dan benda alkohol ataupun *outlet* untuk *nightclub* dan karaoke, kita luluskan juga di sana. Jadi ini ada satu kepincangan nampaknya, kita memang hendak mempromosikan perkara ini kepada orang bukan Islam, bukan kepada orang Islam. Jadi ini sepatutnya kita selaraskan. Inilah sebabnya saya cadangkan supaya badan yang meluluskan ini tidak sebulat-bulat diberi kepada Dato Bandar tetapi lantikkan jawatankuasa, supaya sepuluh orang dalam jawatankuasa itu boleh berfikir lebih bijak daripada yang satu orang sahaja yang memikirkan soalan ini, terutama sekali kalau daripada berapa kementerian masuk dalam satu jawatankuasa untuk melihat semula soalan kelulusan lesen ini.

Kalau kita lihat begitu dapatlah kita meluluskan lesen macam mana disebut Yang Berhormat kepada Sri Gading tadi mengatakan kalau tempat itu tempat komersial macam di Bukit Bintang dan sebagainya, hendak luluskan, luluslah, bagilah kerana banyak *tourists*, banyak orang yang melanggan di sana. Tetapi kalau tempat itu - saya tidak tahulah - kalau macam dahulu di Hulu Kelang, dekat kebanyakannya orang Islam, lulus juga dekat tempat perumahan itu tempat orang karaoke dan menyanyi sampai pukul 3 pagi. Betullah, memang orang tidak boleh turun kerja pun pagi, Datuk. Macamana hendak turun kerja?

Jadi Datuk sebelum saya menyambung, saya ucapkan tahniahlah Datuk sebab dapat PJN itu Datuk. Tahniah, sokongan daripada kita, kita berdoalah Datuk panjang umur murah rezeki, dapat cucu banyak-banyak.

Soalan kelulusan ini amat penting supaya kita melihat di mana tempat yang kita luluskan dan *premises* yang kita luluskan, pegawai penguat kuasa mesti melihat dahulu *premises* itu. Kalau *premises* umpamanya kita hendak luluskan satu *nightclub* yang *nightclub* itu nanti banyaklah orang berjoget, menyanyi macam-macam sampai berentak, memekik, melolong sampai pukul 2, pukul 3 pagi tetapi berdekatan dengan itu banyak penduduk-penduduk yang hendak tidur, ada anak, ada cucu. Jadi macamana dia orang ini hendak tidur? Pagi esok pukul 5.30 sudah bangun, orang Islam sudah bangun subuh yang bukan Islam hendak pergi kerja pun, bangun juga awal pagi.

Jadi tempat itulah orang tidak boleh tidur, bising sana, bising sini. Jadi sebabnya kelulusan *premises* itu tidak sesuai pada tempatnya, jadi kelulusan *premises* ini amat penting sekali. Jadi di dalam keadaan sedemikian kalau saya tuan punya kedai saya hendak sewa saya hendak dapat wang sahaja, lihat wang *Dollars and cents*, Ringgit *and cents*, kalau ada yang hendak sewa, saya bagi sahaja dia sewa, yang lain itu soalan *authority* yang berkenaan. Jadi di sini kita telah membudayakan fikiran "Tidak apalah. *It is not my responsibility tapi the responsibility is somebody else's*".

Kita tidak boleh. Sepatutnya masyarakat keseluruhannya mesti melihat dan bertanggungjawab kepada apa-apa sahaja perkara yang negatif sedemikian. Jadi bermula dengan kita sendiri untuk melaksanakan satu prasarana ataupun infrastruktur undang-

undang, infrastruktur *authority* pengeluar lesen dan sebagainya supaya perkara ini lesen tidak dikeluarkan kepada orang yang di tengah kelompok orang ramai kerana di sanalah tempat hendak dipromosikan, di tempat sana jugalah sibuk kerana kalau kita lihat dalam surat khabar banyak yang kompelin yang mengatakan apabila karaoke, kalau *next door* ada karaoke walau pun karaoke tidak boleh didengar, dia punya lagu tidak boleh didengar, tetapi riuh rendah keluar daripada karaoke itu lebih bising mengacau orang tidur di kiri kanan.

Sepatutnya tempat itu tidak boleh berlaku di sana sebenarnya. Orang awam yang duduk dekat sana hendak tidur, tidak kira *religious dherence* dan *cultural boundary* ini. Tidak kira sama ada Islam atau bukan Islam, dia hendak tidur juga pukul 1, pukul 12 itu. Jadi kita kena melihat. Dan kita di sini hanya bercakap sahaja, yang berkuasa di sini, undang-undang sudah bagi kepada Datuk Bandar dan Datuk Bandar mesti mendapat garis panduan yang khusus bahawa dia tidak sewenang-wenangnya boleh memberi lesen ini kepada pemohon berlandaskan apa yang dikatakan *human density* dia punya *market*. Semua ada di sana. *Market* memang ada, kadang-kadang ini kita boleh mempromosikan benda tidak suka, lepas itu sekali-sekala naik karaoke suka juga. Lepas suka-suka naik karaoke 5-6 kali, 10 kali, 200 kali, GRO masuk. Dahulu tengok GRO pakai seluar panjang, sekarang GRO sudah pakai kain, duduk sudah nampak bawah. Jadi kita kena buat mekanisma ini supaya kita sendiri tidak terkilan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju banyak pindaan yang telah diberi di sini tetapi apa yang kita lihat ialah pindaan-pindaan ini banyak memberi kuasa kepada pihak Datuk Bandar sebagai *authority* nampaknya - *the sole authority* - dan kuasa kepada pihak polis dan penguat kuasa, jadi kita melihat hanya mereka ini yang boleh bertindak.

Kalau mereka tidak mengerjakan pekerjaan mereka sebaik mungkin nescaya apa sahaja yang kita sebut di sini habislah, masuk dalam Hansard dan habis begitu sahaja. Jadi kalau kita hendak perkara ini berlaku kita kena perketatkan undang-undang. Kita perketatkan macam mana? Mekanismenya. Kalau hukum diperketatkan kita hendak tunggu penguatkuasaan, kalau tidak ada penguatkuasaan dia tidak sampai ke mahkamah. Kalau tidak sampai ke mahkamah, siapa pun tidak kena hukum.

Jadi kalau mekanisme diperketatkan, jadi kita telah mengongkong orang yang berkuasa macam Datuk Bandar, kita mengongkong pihak polis supaya menjalankan tugas sebaik mungkin dan menguatkuasakan undang-undang supaya undang-undang ini tidak menjadi satu *mockery* kepada Dewan ini dalam meluluskan undang-undang yang kita bawa ke sini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ucapan sedikit saya untuk menyokong undang-undang ini. Terima kasih

3.37 ptg.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Assalamualaikum Warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat petang. Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pindaan ke atas Akta Hiburan Wilayah Persekutuan 1992 yang telah dibincangkan dari pagi tadi dan banyak perkara yang telah disentuh oleh kawan-kawan oleh ahli-ahli Yang Berhormat dalam pindaan yang dibuat ini.

Saya ingin terus kepada spesifik pindaan-pindaan yang dibuat ini. Pertamanya tentang seksyen baru 14A yang juga telah disentuh dan saya ingin meminta pihak Kementerian pun menteri sendiri memberi perhatian kepada pindaan ini kerana sebagaimana yang disebut dan Pokok Sena juga ada menyebut tentang walaupun disebut di sini tentang larangan penjualan minuman keras yang memabukkan kepada orang-orang yang berumur di bawah 21 tahun tetapi tidak disebutkan langsung tentang pengharaman kepada orang-orang yang beragama Islam. Dan ini Menteri dan Kementerian perlu memberikan perhatian walaupun saya tahu ada enakmen Jabatan Agama Wilayah Persekutuan tetapi menjadi tuntutan dan tanggungjawab kerajaan meletakkan bahawa adalah haram bagi orang Islam tidak kira umur untuk terlibat dengan minuman keras ini sendiri. Itu yang pertama.

Yang keduanya di dalam enakmen ini perlu diletakkan juga tentang pekerja-pekerja di pusat-pusat hiburan yang boleh kita anggap sebagai melibatkan perkara-perkara ataupun aktiviti-aktiviti yang haram dari segi agama Islam. Sebagai contoh yang paling jelas ialah pekerja-pekerja sebagai *bartender* yang *serve* - dengan izin – minuman-minuman keras minuman-minuman keras di bar-bar dan juga memberikan minuman keras di bar-bar itu sendiri, kerajaan kena memperjelaskan hal ini bahawa adalah menjadi kesalahan dan haram dari segi Islam membenarkan ataupun kalau ada orang-orang Islam yang bekerja perlu di berikan notis atau di enakkan dalam peruntukan ini agar orang-orang Islam tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dan haram di sisi agama Islam ini sendiri.

Perkara-perkara ini perlu kita fahamkan kepada masyarakat bukan Islam kita. Bukan bermakna apa yang kita lakukan ini sebagai suatu tindakan yang ekstrem tetapi ini merupakan tanggungjawab agama kita. Saya melihat adalah suatu yang amat malang kalau kita pergi ke hotel-hotel, anak-anak muda yang *serve* minuman keras, wanita-wanita yang beragama Islam yang *serve* minuman keras dan sebagainya.

Ini bagi kita merupakan satu tanggungjawab yang besar, yang perlu sama-sama kita ambil perhatian supaya anak-anak muda kita tidak terlibat dengan kancah-kancah yang haram dan kemaksiatan ini, dengan kita tidak mengambil perhatian kepada perkara-perkara yang sedemikian ini.

Begitu juga

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang minta penjelasan. Sila, Yang Berhormat bagi Marang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa di sana terdapat perkara-perkara dalam perlembagaan yang perlu dijelaskan? Kalau perlu dipinda maka dipinda. Sebagai contoh, Islam adalah agama Persekutuan. Dalam masa yang sama, penganut-penganut agama lain adalah bebas menganut dan beramal dengan ajaran agama mereka.

Memang Islam menghormati kebebasan kepada penganut agama lain. Yang menjadi masalah ialah orang Islam sendiri seolah-olah tidak bebas dalam menganut agama mereka dalam perkara yang berkait dengan hiburan terdapat kecelaruan. Sebagai contoh, lesen judi, lesen minuman keras diberi oleh Kerajaan Pusat di bawah Kementerian Kewangan dan ada yang diberi oleh kementerian yang lain. Sedangkan kebenaran premis adalah bidang kuasa kerajaan negeri.

Apabila kerajaan negeri menutup premis perjudian kepada semua kaum kerana ia diharamkan oleh penganut agama lain dan membenarkan orang-orang yang bukan Islam sahaja, ada pun orang Islam tidak dibenarkan dalam perkara arak. Bidang kuasa negeri adalah premis, sedangkan Kerajaan Pusat boleh memberi lesen dalam perkara perjudian dan arak itu sendiri.

Di sini terdapat kecelaruan dan percanggahan yang sangat ketara yang patut dibetulkan oleh Kerajaan Pusat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih, Yang Amat Berhormat bagi Marang. Inilah yang saya sebutkan tadi. Pihak kerajaan perlu memperjelaskan tentang kedudukan yang sebenarnya enakmen yang kita buat, kalau dalam konteks wilayah ini, kita perlu memperjelaskan kedudukan yang sebenarnya khususnya demi kepentingan umat Islam di negara ini tanpa kita rasa segan ataupun malu dengan masyarakat bukan Islam. Kita boleh mendidik kepada masyarakat bukan Islam bahawa sesungguhnya ini dilarang oleh Islam tentang minuman keras, judi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tadi tentang – sebagai contoh yang cukup jelas disebut oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, tentang pusat-pusat hiburan ini sendiri. Contohnya, di Selangor, lebih daripada 700 pusat hiburan dan 78% daripada pusat hiburan ini beroperasi tanpa lesen. Ini kalau kita ambil dari segi statistik, ini adalah suatu yang amat menggerunkan. *78 percent*, dengan izin, beroperasi tanpa lesen.

Persoalannya, *the question mark, why?* Kenapa ini boleh berlaku dalam suasana apa yang sekarang ini cukup hebat? Pemanterasan, yang disebut sebagai pemanterasan VCD lucah dan sebagainya tetapi kita tidak pergi kepada *roots of the problem*.

Saya ingin berkongsi rasa kasihan saya kepada PBT yang sekarang ini menjadi kambing hitam. Walaupun ada kelemahan mereka, walaupun ada kekurangan PBT-PBT tetapi seolah-olah kerajaan menjadikan PBT ini sebagai kambing hitam, sedangkan persoalan dengan izin, *the roots of the problem*, kita tidak cungkil.

Kenapa ini boleh berlaku? Pusat-pusat hiburan yang haram, VCD, gejala pelacuran, pusat video dan sebagainya. *The roots of the problem* adalah masalah rasuah yang ada di negara kita. Rasuah yang berlaku bukan hanya di kalangan kudu dalam PBT itu sahaja tetapi rasuah yang berlaku adalah juga di kalangan mereka yang sepatutnya menjalankan tugas dan tuntutan.

Sebahagian, segelintir daripada kalangan pihak polis sendiri yang terlibat dalam rasuah. Mereka di dalam PBT sendiri, mungkin orang-orang politik sendiri, mungkin mereka yang berada di dalam mana-mana majlis-majlis perbandaran, dalam DBKL sendiri yang terlibat dengan rasuah, yang menerima rasuah. Ini yang boleh, yang membawa ataupun menggalakkan kepada bercambahnya pusat-pusat maksiat, pusat-pusat hiburan dan juga pusat-pusat judi yang ada di negara kita.

Jadi, pindaan yang dibuat ini, kalau kita melihat kepada pindaan Seksyen 16, kuasa yang diberikan kepada Dato Bandar, kepada mana-mana pegawai polis dan sebagainya, kita perlu melihat tentang keseluruhannya dari segi apa yang dibawa oleh kerajaan sekarang untuk pemanterasan secara besar-besaran. Kenapa ia berlaku? Salah guna kuasa. Kenapa berlakunya kebocoran rahsia, kalau penguasa ataupun mereka-mereka yang mempunyai kuasa untuk pergi ke pusat-pusat hiburan ini, bila sampai di sana tidak mendapat apa-apa kerana berlakunya kebocoran rahsia.

Kenapa perlakunya kebocoran rahsia? Kerana adanya unsur-unsur rasuah yang berleluasa di setengah-setengah kalangan mereka yang diberikan kuasa.

Jadi, saya ingin melahirkan kebimbangan saya. Saya berkongsi sedikit tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Batang Lular tadi. Tentang kuasa yang ada pada Dato Bandar dalam menentukan lesen-lesen, pusat-pusat perjudian, dalam juga menentukan – kalau kita ambil kepada pindaan, kepada Fasal 3, seksyen baru 9 (a), di mana untuk memindahkan lesen itu hanya dengan kuasa Dato Bandar. Ini perlu kepada penelitian yang lebih mendalam.

Perlu bukan sahaja kepada Dato Bandar melihat aspek ini tetapi mungkin satu jawatankuasa yang khusus melihat dari segi melulus ataupun tidak meluluskan sesuatu pusat-pusat hiburan, sesuatu pusat-pusat yang boleh membawa kepada gejala kehancuran di dalam masyarakat kita.

Begitu juga tentang lokasi pusat hiburan. Tadi telah disebut sedikit. Saya ingin menekankan kembali secara khusus apa yang telah, sedang dan terus berlaku di Bangsar. Ini merupakan sesuatu yang kita rasa teramat malu kalau kita merupakan masyarakat Islam di Bangsar. Maknanya lokasi masjid begitu hampir dengan pusat-pusat hiburan di Bangsar, pubnya, pusat hiburan dan sebagainya. Habis sahaja azan, terus berkumandang muzik-muzik dan juga hiburan-hiburan yang seolah-olah tidak menghormati langsung pusat ibadat ataupun masjid yang begitu hampir dengan pusat-pusat hiburan itu sendiri.

Jadi, ini juga perlu diperbetulkan. Bagaimana kita hendak perbetulkan keadaan ini, sedangkan suasana di Bangsar itu lebih rancak daripada apa yang ada sekarang? Malahan, minta maaf, Menteri sendiri hadir ataupun merasmikan sebuah diskotek di Bangsar baru-baru ini, dalam suasana masyarakat dan rintihan umat Islam di Bangsar melihat bahawa persoalan ini adalah suatu persoalan yang telah disebut berkali-kali tentang gejala maksiat yang berlaku di Bangsar itu sendiri...

Tuan Haji Ismail bin Noh: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih. Apakah Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bersetuju dengan pandangan saya bahawa Kerajaan Pusat sebenarnya tidak melihat. Bukan melihat di sudut halal, haramnya tetapi lebih banyak melihat kepada sudut kewangannya, sebab itulah tindakan membasmi cetak rompak ini bukan dilihat kepada halal, haramnya kerana di sana banyak video-video lucah yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat rasmi yang membayar hasil kepada kerajaan. Cuma yang mereka rampas ini kerana tidak bayar hasil kepada kerajaan. Kalau mereka bayar hasil kepada kerajaan, barangkali mereka tidak akan rampas.

Jadi, apa yang saya suka sebutkan di sini bahawa kerajaan tidak mementingkan masalah haramkah ia, ataupun halalkah ia, asalkan dapat wang, itu yang halalnya. Apakah pandangan Yang Berhormat? Sekian.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih, Yang Berhormat. itu yang saya sebutkan tadi. Sebagai contoh, di Bangsar, yang mengelilingi Masjid Bangsar ada lebih kurang 30 premis-premis hiburan, *entertainment premises* yang sekarang ini menjadi, apa yang disebut oleh Menteri berkenaan sebagai *tourist spots*, tempat yang begitu digemari oleh pelancong-pelancong.

Tanpa kita mengambil kira sensitiviti umat Islam yang berkobar-kobar. Kalau kita pergi ke masjid Bangsar, bercakap dengan ahli masjid dan juga mereka yang biasa dengan masjid di Bangsar, mereka akan boleh menceritakan pelbagai perkara yang berlaku, pelbagai perlakuan yang begitu buruk berlaku di kalangan anak-anak muda terutamanya yang melakukan pelbagai perkara yang buruk, yang bertentangan dengan ajaran agama kita sendiri.

Dalam hal inilah Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita tidak perlu lagi malu kepada masyarakat bukan Islam dalam kita menyatakan sikap kita, pernyataan agama kita bahawa ini adalah haram, ini adalah bertentangan. Kita tidak perlu malu kepada masyarakat orang Cina, masyarakat orang India seolah-olah kalau kita nyatakan sedemikian kita ketinggalan zaman, kita tidak bersama-sama dengan arus perubahan. Pada hal ini merupakan satu-satunya tuntutan yang ada dari segi agama kita sendiri bahawa arak itu adalah haram di sisi agama Islam. Kalau dari segi agama kamu membenarkan boleh untuk kamu tetapi kami orang Islam adalah haram, judi itu juga adalah haram bagi kami orang Islam, kalau agama kamu membenarkan tidak mengapa, agama kamu. Kita perlu menyatakan dengan jelas tentang pernyataan-pernyataan yang sedemikian ini.

Begitu juga dalam pindaan ini saya ingin mendapat penjelasan di mana letaknya dari segi kedudukan apa yang disebut sebagai *private clubs* ataupun kelab-kelab persendirian yang ada arak, ada *entertainment* dan boleh dikatakan bertemu setiap malam dalam program-program di *private clubs* ini yang biasanya dikunjungi ataupun dimiliki oleh VIP ataupun VVIP yang menganjurkan pelbagai aktiviti di *private clubs* ini. Jadi di mana kedudukan mereka dari segi pindaan-pindaan yang sedang kita laksanakan ataupun yang sedang kita perbincangkan pada hari yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhirnya saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa tentang kedudukan yang ada, perubahan-perubahan yang kita lakukan dalam enakmen ini tidak akan menjadi suatu yang berkesan selagi kita tidak melihat kepada *the root of the problem* sebagaimana yang saya sebutkan tadi, di mana perlu kita melihat secara menyeluruh kedudukan yang ada dalam konteks perubahan-perubahan yang sekarang ini kita begitu sibuk tentang apa yang disebut sebagai pembanterasannya gejala maksiat di seluruh Malaysia, VCD, pelacuran, pusat-pusat hiburan dan sebagainya.

Jadi, kita perlu melihat secara keseluruhan dalam hal ini dan inilah masa dan peluang bagi kita masyarakat Malaysia untuk kita memperjelaskan kepada generasi yang akan datang tentang perubahan-perubahan yang boleh kita lakukan secara drastik. Walaupun kita hidup dalam suasana kepelbagaian bangsa dan agama tetapi Islam tetap menjadi agama yang menjadi tuntutan kepada majoriti umat Islam di Malaysia ini dan kita perlu memperjelaskan kepada seluruh masyarakat Malaysia bahawa tuntutan agama itu mengatasi segala-galanya dalam kehidupan dan amalan kita dan juga hubungan sosial yang ada di negara kita ini sendiri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya beri Batang Lupar dahulu.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Sipitang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta maaf Yang Berhormat bagi Sipitang, selepas itu Peringat.

3.54 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun silap pandang - Sipitang. Terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk sama-sama membahaskan untuk meminda Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 iaitu meminda akta ibu Akta 493.

Tuan Yang di-Pertua, semua negara di dunia ini dan manusia di dunia ini perlukan hiburan termasuklah juga di Kuala Lumpur dan di Malaysia ini amnya. Namun demikian, hiburan diadakan mengikut kategori-kategorinya. Kalau kita lihat negara-negara Islam yang dikatakan mengamalkan undang-undang Islam sekali pun ada hiburan. Kalau kita lihat di Arab Saudi pun ada hiburan, di Emiriyah Arab Bersatu pun ada hiburan. Hiburan ini bergantung kepada budaya dan juga keadaan negara tersebut. Jikalau di Arab Saudi hiburan mungkin memukul gendang dengan tarian lelaki berjubah, boleh juga dikategorikan sebagai hiburan.

Begitu juga dengan di Emiriyah Arab Bersatu daripada tarian memakai pedang sehingga tarian separuh bogel iaitu *belly dance* yang masih ada sehingga hari ini kalau sesiapa yang ke Dubai untuk mengikuti Safari, salah satu agenda ialah melihat tarian *belly* yang separuh bogel tetapi tidak pula dihebohkan terutama sekali rakan-rakan daripada PAS itu sebagai tajuk utama yang diperbahaskan.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Batang Lupar tadi bahawa kita perlu menilai semula jenis hiburan seperti yang saya katakan tadi bahawa manusia ini perlu hiburan. Kita perlu membuat pengelasan mengenai dengan hiburan ini, definisi hiburan ini secara mendalam, apakah kategori-kategori sama ada ia dikategorikan sebagai hiburan ringan dan juga hiburan yang berat ataupun kita kategorikan sebagai kumpulan hiburan untuk orang dewasa ataupun hiburan untuk remaja dan kanak-kanak.

Begitu juga dengan kategori hiburan yang boleh digunakan ataupun untuk pelancong atau pelawat dan hiburan untuk orang-orang tempatan. Begitu juga dengan saranan Yang Berhormat bagi Batang Lupar tadi apakah hiburan itu yang menjuruskan ke arah hiburan yang hampir kepada perkara-perkara maksiat ataupun yang menjauhi atau tidak ada kena mengena dengan maksiat misalnya hiburan dalam bentuk sukan dan sebagainya.

Namun demikian, sebagai negara yang berbilang kaum di Malaysia ini kita telah menerima kewujudan agama Islam sebagai agama rasmi tetapi kita juga menerima agama-agama lain. Begitu juga dengan kewujudan suku kaum Melayu tetapi kita juga menerima suku kaum Cina, India, Kadazandusun, Murut dan juga Dayak, Iban Orang Ulu dan sebagainya yang mempunyai ciri-ciri hiburan yang tersendiri. Perkara ini saya ingat tidak boleh dipersoalkan. Ini adalah keadaan semasa, kita tidak boleh lari dari perkara keadaan ini. Orang-orang Islam di Malaysia ini seharusnya menerima keadaan ini.

Saya setuju dengan beberapa pandangan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga tadi, bahawa kita mesti menekankan bahawa kewujudan agama Islam di Malaysia ini adalah penting untuk menjaga agama itu sendiri tetapi yang sedihnya ada orang-orang tertentu yang menggunakan agama untuk kepentingan sendiri bukan untuk menjaga agama itu sendiri. Dalam agama Islam, agama tidak salah, agama Islam adalah agama yang suci tetapi kadang-kadang ada orang tertentu menggunakan agama itu untuk kepentingan sendiri sehingga orang itu adalah manusia, agama itu adalah agama, pegangan, tetapi manusia itu sendiri telah menyelewengkan agama itu sehingga terlihat bahawa agama Islam itu kotor, agama Islam itu rosak oleh kerana pembawaan orang-orang tertentu yang menyalahgunakan agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi bahawa Kuala Lumpur perlu ada peraturan-peraturan seperti yang ada sekarang ini dan memberi kuasa kepada Datuk Bandar untuk menyelia, menyelenggarakan dan juga memastikan bahawa akta hiburan ini mengikut peraturan-peraturan yang ada. Saya rasa sudah sampai masanya untuk kita melihat secara dekat untuk meneliti kepada premis-premis hiburan ini mengikut kategori-kategori tertentu tadi sama ada kita meluluskan atau tidak meluluskan, sama ada kita bersetuju atau tidak setuju dengan pusat-pusat hiburan ini, bergantung kepada tempat dan keadaan.

Kalau masa dahulu hiburan.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri. Larut, Larut. Sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sipitang. Saya menyokong saranan Yang Berhormat bagi Sipitang. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, gambaran Yang Berhormat, jika boleh diberi sedikit, negara mana agak Yang Berhormat boleh dijadikan contoh tentang corak hiburan yang tidak bercanggah dengan agama Islam? Morocco mungkin ataupun negara-negara Arab yang lain, yang pernah Yang Berhormat lawati. Saya minta sedikit penjelasan. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Pada hari ini saya tidak melihat satu negara pun menjadi contoh untuk menguatkuasakan undang-undang hiburan. Saya tidak nampak satu negara pun yang boleh kita ikuti. Kita mesti berdiri pada landasan kita sendiri kerana adalah sifat manusia bahawa manusia itu perlukan hiburan. Kita tidak boleh menghalang sesuatu kaum atau sesuatu komuniti itu untuk berhibur mengikut keperluan-keperluan kebudayaan ataupun suku kaum mereka.

Walaupun pada hari ini ada hiburan-hiburan berbentuk universal, yang banyak kita terima dan hiburan yang direka oleh Barat ataupun Eropah, tetapi kita juga boleh membudayakan atau meuniversalkan hiburan-hiburan yang berasal dari negara kita. Ini tidak mustahil dan hari ini sedikit sebanyak kita telah berjaya membudayakan ataupun meuniversalkan budaya ataupun hiburan daripada negara kita.

Kalau saya katakan tadi, contoh di Arab Saudi, memang secara diam-diam, saya pasti ada hiburan yang tidak dibenarkan oleh peraturan-peraturan mereka. Saya tahu, ada hiburan-hiburan yang dibuat dalam sunyi. Begitu juga dengan di Emirates, ada juga hiburan yang dibuat dalam sunyi.

Apa yang penting bagi kita ialah saya katakan tadi, kita mesti mengkategorikan hiburan ini. Yang pertama sekali, untuk siapa kita mengadakan hiburan ini. Kalau kita mengatakan bahawa hiburan ini adalah untuk orang-orang bukan beragama Islam, kita berikan. Saya setuju sangat dengan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi bahawa orang-orang beragama Islam tidak dibenarkan menghadiri ataupun memasuki pusat hiburan tertentu. Sedikit sebanyak kita telah berjaya untuk membataskan hiburan ini kepada orang-orang yang dibolehkan dan orang yang tidak dibolehkan, walaupun tidak 100% berjaya.

Saya ingat tohmahan ataupun tuduhan kepada kerajaan oleh Pembangkang yang mengatakan bahawa Malaysia ini tidak mengamalkan dasar itu, saya ingat itu tidak betul. Kita telah membuatnya. Tetapi kita tidak boleh membuat secara mendadak. Kita tidak boleh membuat secara mengejut. Kita mesti membuat perkara ini secara berperingkat-peringkat. Apa yang dikehendaki oleh Pembangkang, barangkali mereka ada agenda tersendiri. Mungkin secara mendadak, dapat sokongan politik dan secara beransur-ansur itu tidak mendapat sokongan yang hebat kerana ada unsur-unsur ekstremisme ataupun secara ekstrem yang boleh....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Larut berdiri lagi, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya bagi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sipitang. Kalau begitu, adakah Yang Berhormat setuju supaya Kerajaan PAS di Kelantan dan Terengganu menjadi satu *role model*. Sewaktu mereka memerintah, tutup semua pusat hiburan di sana. Kita hendak tengok apakah ini benar-benar berlandaskan dengan apa yang mereka cakap. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya belum sampai ke tahap itu. Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut tetapi oleh kerana dia sentuh, saya ingat Kerajaan PAS juga gagal untuk membanteras maksiat ataupun bentuk-bentuk hiburan. Walaupun mereka sibuk di negeri Kelantan dan Terengganu tidak ada hiburan, tetapi kalau di pusat sempadan, imigresen di Golok, kalau ada rekod, berapa orang Kelantan yang menyeberang ke Golok setiap hari.

Saya ingat orang yang paling banyak menyeberang ke Golok adalah orang Kelantan. Di Kelantan tidak dibenarkan apa-apa hiburan, tetapi mereka lebih rakus dengan hiburan yang ada di Golok. Begitu juga dengan sempadan-sempadan lain. Ini kalau ada rekod, saya....

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya ingin tahu. Begitu juga dengan...

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya minta penjelasan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya belum habis lagi. Saya habiskan sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi jalan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Begitu juga dengan di Arab Saudi. Di Arab Saudi, orang-orang Arab...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, dia belum bagi jalan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Orang-orang Arab di Arab Saudi tidak boleh membuat apa-apa hiburan, tetapi apabila mereka sampai ke Amerika atau England, mereka lebih rakus daripada orang-orang England sendiri. Begitu juga dengan negara-negara jiran.

Jadi, saya tidaklah menuduh semua pemimpin - tidak ataupun suka kepada maksiat, tetapi kita mahu bahawa perkara ini mestilah realistik, mestilah dengan tujuan dan dengan keikhlasan untuk membanteras maksiat. Bukan kita main lepas cakap sahaja dan melihat keburukan orang lain, keburukan kita, kita tidak nampak.

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya bagi peluang kepada dia. *[Menunjuk ke arah Yang Berhormat bagi Pasir Mas]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih. Bila saya mendengar bahawa yang mengunjungi Sungai Golok itu terdiri daripada orang Kelantan, saya rasa ini satu tuduhan yang melulu. Kalau kita boleh buat *spot-checks* di imigresen, kita dapat melihat bahawa yang datang itu bukan orang Kelantan tetapi luar dari Kelantan.

Yang Berhormat boleh pergi ke Rantau Panjang dan dapatkan maklumat daripada imigresen. Itu lebih baik daripada membuat tuduhan melulu di sini. Saya dari Pasir Mas, saya tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Dan saya tengok nombor kereta pun, saya reti. Saya boleh tunjuk sorang-sorang di sini. *[Disampuk]*

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya tidak menuduh Yang Berhormat, tetapi saya pernah tinggal dan duduk di Kelantan. "Ambo pun orang Kelantan, boleh kecek Kelantan". Kita tahu macam mana. Tetapi saya melihat Yang Berhormat bercakap bohong. Yang Berhormat mesti mengakui kerana saya juga pernah ke situ, dan melihat yang menyeberang ke situ ialah orang Kelantan, yang membawa kita ke Golok pun orang Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tidak payahlah *deny*. Saya tidak bercakap di sini bahawa kita tidak tahu. Yang penting ialah kita tahu masalah yang wujud dan yang penting kita sama-sama sebagai pemimpin, sebagai kerajaan, pihak Pembangkang ataupun Barisan Nasional, cuba membanteras gejala-gejala buruk ini. Ini yang kita mahu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Kita bukan bercakap soal "Ah, ini lesen daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Terengganu dan Kelantan tidak ada saham, tidak ada ambil bahagian". Saya ingat itu tidak betul.

Apa yang saya katakan tadi, saya balik semula kepada masalah tadi ialah kita perlu melihat perkara ini secara bijaksana, secara yang profesional. Kita mesti mengklasifikasikan sama ada hiburan itu adalah untuk orang tempatan atau pelawat ataupun juga kepada orang-orang bukan Islam dan orang Islam, kategorikan. Kalau hiburan itu disukai oleh pelawat dan kita tahu pelawat-pelawat atau pelancong-pelancong adalah punca atau sumber pendapatan negara dan apabila mereka datang ke Malaysia ini, mereka perlukan hiburan, kita memberi kebenaran mengikut dasar-dasar yang tertentu, garis-garis panduan yang tertentu supaya mereka boleh berhibur mengikut cara mereka.

Masalah kita di sini ialah kadang-kadang kita tidak peka kepada keadaan. Kita mahu pelancong datang, tetapi kita mahu paksa pelancong mengikut hiburan yang kita ada. Kita mahu mereka datang ke Malaysia ini. Mereka senang datang ke Malaysia ini tetapi kita juga mesti ada peraturan. Saya setuju, peraturan mesti ada. Contohnya, jikalau tempat-tempat hiburan itu khas untuk pelancong sahaja – jelas di sana, "Khas Untuk Pelancong Sahaja". Operator, Dewan Bandaraya mestilah menetapkan yang masuk ke situ mestilah pelancong sahaja. Tetapi dalam masa yang sama, yang menyedihkan kita, bila kita ada *signboard* besar "Untuk Pelancong Sahaja", yang orang tempatan pun masuk.

Kalau kita kata "Untuk Orang-orang Bukan Islam Sahaja", yang orang Islam pun masuk. Ini masalahnya. Dan kadang-kadang kalau kita kata, kanak-kanak 18 tahun ke bawah tidak dibenarkan masuk, orang 14 tahun masuk ke dalam. Operator itu tidak *strict*. Pegawai pelaksana pula tidak *strict* untuk mengambil tindakan. Ini masalah kita, bukan soal hiburan itu boleh atau tidak.

Saya katakan kita perlu hiburan untuk memenuhi keperluan-keperluan tertentu untuk kita berada dalam arus pembangunan globalisasi, kita perlu universal tetapi kita mesti ada peraturan-peraturan. Negara Barat, Denmark, England, Amerika, mereka *strict*.

Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Larut tadi, mereka ada budaya. Saya setuju dengan pandangan itu, tetapi negara yang contoh itu belum ada. Kita mesti ada.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat. Ya, sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun PAS Kelantan dan Terengganu ibarat ketam hendak mengajar anak berjalan ataupun ibarat seperti mengajar anak kencing berdiri, dia pun kencing berdiri. Masalahnya ialah tentang mencegah maksiat ini.

Yang Berhormat mengatakan bahawa terang-terang Kerajaan PAS di Kelantan dan Terengganu gagal. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan langkah-langkah baru-baru ini yang diambil oleh Majlis Bandaraya Ipoh untuk mencegah maksiat di kalangan masyarakat, walaupun pada zahirnya adalah membabitkan para remaja. Minta sedikit pandangan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju bahawa kita perlu ada peraturan yang ketat dan jikalau orang itu tidak dibolehkan, tidaklah. Kalau mengikut peraturan tidak boleh, tidak bolehlah.

Kalau kita kata tidak boleh masuk, tidak bolehlah! Janganlah! Masalah kita ini, yang tidak boleh pun tidak apalah. Contohnya seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi, di Selangor ada lebih 70% pusat-pusat hiburan yang tanpa lesen. Mengapa ini berlaku?

Kalau kita kata, kalau tidak ada lesen, tutup, tutuplah. Tidak payah beri, sehingga dia memohon lesen mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan. Bagaimana ini boleh berlaku?

Ini perlu kita lihat, perlu kita perjelaskan. Kita tidak mahu rakyat marah kepada kerajaan oleh kerana perbuatan orang-orang tertentu. Menteri-menteri telah berusaha, contohnya, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berusaha untuk membanteras VCD lucah dan sebagainya, tetapi pegawai-pegawai di peringkat pelaksana lambat, ataupun seolah-olah tidak begitu serius dalam melaksanakan tanggungjawab ini. Masih lagi berbolak-balik dan sebagainya, masih ada lagi unsur-unsur dalaman mungkin agenda-agenda yang tertentu dengan rasuah dan sebagainya.

Kalau sudah menteri kata, kerajaan kata, kita kena hapuskan VCD, hapuskanlah. Tidak payahlah sampai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarahkan baru kita hendak berhabisan menghapuskan, sehingga ada keluar ahli pramugari yang melampau, ada orang-orang yang terlibat dalam VCD lucah barulah kita hendak banteras VCD lucah. Sepatutnya daripada dahulu lagi! Ini kesungguhan kita, bukan sahaja menteri tetapi pegawai-pegawai pelaksana. Ini yang penting.

Oleh itu, kita perlu melihat semua akta yang ada ini, kita sudah meluluskan banyak akta. Memang baik tujuannya, ialah untuk kebaikan rakyat supaya rakyat menyokong kerajaan dan kerajaan boleh memberi khidmat yang terbaik untuk rakyat. Bukan macam pembangkang, yang kerajaan buat baik pun, dia kata ini kesalahan kerajaan. Kerajaan Persekutuan punya salah. Contohnya tadi, Kerajaan Persekutuan beri lesen, beri lesen jual minuman keras ataupun lesen judi, kerajaan negeri cuma memberi tempat, jadi ada percanggahan di situ. Kita perlu luluskan ini, kerana ada orang yang layak mendapat, tetapi kita mestilah dengan mengikut peraturan-peraturan.

Yang pertama sekali, saya ingin memberitahu di sini, Tuan Yang di-Pertua, kita ada banyak akta, tetapi sebelum akta-akta itu diluluskan di sini ataupun dibuat, kerajaan ataupun kementerian mestilah juga melihat sama ada akta yang kita luluskan ini boleh kita laksanakan atau tidak. Kalau kita laksanakan, boleh kita kuatkuasakan atau tidak. Kita banyak akta yang lulus, tetapi kita tidak boleh laksanakan, kita tidak boleh kuatkuasakan. Kalau kita kuatkuasakan pula, kita tidak bersedia untuk menguatkuasakan. Pentingnya

penguatkuasaan ini adalah sebagai satu peraturan yang menyeluruh, penguatkuasaan yang menyeluruh, bukan penguatkuasaan yang terpilih.

Sebab itu, pembangkang selalu mengatakan tindakan undang-undang adalah secara terpilih, secara terpilih, ataupun rakyat melihat bahawa orang-orang tertentu sahaja diambil tindakan sedangkan orang lain terlepas, tetapi masalahnya ialah bukan kita tidak mahu mengambil tindakan kepada semua tetapi oleh kerana kita ada kekurangan dari segi penguatkuasaan. Oleh itu, sebelum peraturan ini dibuat perlulah dibincang, sama ada pegawai penguatkuasaan cukup atau tidak. Kakitangan yang melaksanakan tanggungjawab untuk melaksanakan penguatkuasaan ini cukup latihan atau tidak? *Personnel* yang menjayakan program ini cukup atau tidak? Peralatan dan juga kemudahan cukup atau tidak?

Perkara ini perkara yang serius, penting. Kalau kita tidak cukup penguatkuasaan, pegawai tidak cukup, kerajaan dituduh, akan mengambil tindakan terpilih, kita tidak serius. Ada orang yang diambil tindakan dan beratus-ratus lagi yang terlepas, memang ada yang terlepas, tidak semua juga 100% yang diambil tindakan. Tetapi keseluruhannya kita mestilah bersedia.

Kemudian kita tidak boleh mengambil tindakan secara berkala ataupun bermusim. Sepatutnya perkara ini, peraturan ini diambil tindakan sepanjang masa. Ini kadang-kadang kalau kita ada kempen, barulah ada tindakan, tidak ada kempen, diam. Sampai benda itu melarat begitu serius, begitu merosakkan masyarakat, begitu membahayakan kumpulan-kumpulan remaja dan sebagainya, barulah kita mengambil tindakan, kalau tidak ada saranan kita diam dan kita tidak serius. Sepatutnya kita, pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan, yang ditugaskan mestilah mengambil tindakan sepanjang masa.

Kemudian, sikap pegawai dan juga orang-orang yang diberi tanggungjawab ini, kita janganlah mementingkan diri sendiri, dalam melaksanakan tanggungjawab ini, membantu Dewan Bandaraya ataupun Datuk Bandar, kita mestilah mengambil sikap bahawa saya bertugas ini adalah untuk kepentingan negara saya, untuk kepentingan rakyat saya, untuk kepentingan orang-orang saya, orang-orang Malaysia. Itu yang penting. Tetapi kalau pegawai penguatkuasa memikirkan ini kerja susah, saya tidak dapat apa-apa, berapa habuan yang saya perlu dapat, kita akan rosak. Sebaik mana rang undang-undang yang kita ada pun, kita akan tewas, kita akan kecewa dengan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek yang paling penting sekali, menyeluruh sama ada negara itu negara Islamkah, negara bukan Islamkah, sama ada itu pembangkang ataupun kerajaan yang memerintah ialah soal pentingnya kesedaran diri dan juga pendidikan. Di negara Barat soal hiburan ini pelbagai daripada A sampai Z, apa sahaja jenis hiburan. Tetapi mereka mempunyai tahap pendidikan kesedaran yang tinggi, mereka mempunyai budaya mematuhi undang-undang yang tinggi, dan inilah sepatutnya kita ikuti.

Negara kita harus menuju ke arah pematuhan undang-undang dan juga pentingnya kesedaran atas dasar kualiti pendidikan yang tinggi. Contohnya, kalau di Kelantan dikatakan bahawa Kelantan tidak ada pusat hiburan, maka tidak ada karaoke, tetapi orang Kelantan berkaraoke di Kuala Lumpur, pergi ke *nightclub* di Golok. Ertinya Kerajaan Kelantan juga gagal mendidik rakyatnya untuk berkelakuan baik. Yang disalahkan ialah Kuala Lumpur, Kerajaan Persekutuan, tetapi sepatutnya kita semua, bukan sahaja Kerajaan Kelantan memberi pendidikan yang secukupnya kepada rakyat kita supaya rakyat kita - sama ada dia berada di Malaysia ataupun berada di Manila ataupun di Bangkok - mereka akan menjauhi pusat-pusat hiburan maksiat ini, yang orang Islam, berdasarkan kepada moral, agama dan tanggungjawab kepada diri sendiri.

Kalau dia hendak buat secara peribadi, itu terpulang kepada dialah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Apa lagi Kubang Kerian, saya sudah puji Kerajaan PAS ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, dia hendak minta penjelasan. Boleh beri? Ya, sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit penjelasan. Saya tengok *Malay Mail* dalam tiga hari yang lepas, ada satu rencana, seorang menteri sedang berdancing dengan Mas Idayu, tarian "golek", di satu *function* untuk mengutip derma, bagi tujuan untuk didermakan kepada Tabung Kemanusiaan.

Satu, buat di Kuala Lumpur, kemudian buat di Sandakan. Menteri naik kemudian menari sekali dengan budak-budak lain, tarian dangdut. Jadi adakah Yang Berhormat sedar perkara ini dan apakah ulasan ataupun nasihat Ahli Yang Berhormat kepada menteri yang berkenaan?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan sahaja melihat Menteri menari, Timbalan Perdana Menteri menari pun saya ada tengok. Itu peribadi sahajalah, beliau ada penilaian sendiri, pandangan sendiri, sebab itu kadang-kadang kita tidak boleh memaksa secara mendadak, tidak boleh mempunyai pandangan yang begitu serong kepada perkara-perkara sebegini.

Kita memberi pendidikan, kita memberi pandangan, manusia ini akan berubah mengikut masa, sedangkan orang-orang pencuri pun kalau kita didik dengan baik, kalau kita beri pendidikan secara yang teratur, ia akan menjadi baik.

Soal menteri menari ataupun berdangdut ataupun joget itu, itu adalah atas peribadi beliau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada dua orang yang berdiri, hendak beri jalan kepada siapa?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Kota Bharu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, dia hendak minta penjelasan. Bagi? Ya sila.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Dalam jawapan kepada soalan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi, Yang Berhormat bagi Sipitang mengatakan ada, bukan sahaja Menteri tetapi termasuk juga Timbalan Menteri ada

Tuan Muhamad bin Mustafa: Timbalan Perdana Menteri [*Memperbetulkan kenyataan*]

Tuan Ramli bin Ibrahim:...Timbalan Perdana Menteri ada menari. Menteri-menteri ini dalam konteks masyarakat kita adalah pemimpin yang seharusnya menjadi *role model* kepada generasi muda yang kita akan bangunkan pada masa akan datang. Kalau ini pandangan Yang Berhormat bagi Sipitang, konon ini adalah masalah peribadi, adakah ini ... Menteri menari, Timbalan Perdana Menteri menari dan berjoget di hadapan *public* begini, adakah ini yang menjadi cita-cita bagi Barisan Nasional menjadi model bagi pembentukan generasi muda pada masa akan datang? Saya minta Yang Berhormat bagi Sipitang cuba ketepikan sedikit sentimen pembakar PAS. Cuba jawab dengan betul, jangan cuba bermain politik dalam Dewan ini.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Bukan Timbalan Perdana Menteri yang sekarang, Timbalan Perdana Menteri yang dahululah. Yang sekarang ini cukup baik, teratur, sebagai model kepada kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan kepada yang lain Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya tidak menerima pandangan itu sebagai sesuatu yang negatif, memang sesuatu yang positif tetapi ada juga menteri yang apakah menari itu salah? Ada juga menteri yang boleh menari joget dan sebagainya di majlis-majlis tertentu sebagai kebudayaan seperti zapin, joget dan sebagainya. Saya rasa perkara ini tidak perlu dilihat begitu serong. Itu saya katakan tadi, ia adalah mengikut budaya masing-masing tetapi memanglah, kalau Tok Guru mengikut peribadi dia, Tok Guru di Kelantan berjoget, barangkali memang banyakkah masalah tetapi kalau di Sabah ...

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Jimmy Lim Donald: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada lagi yang berdiri Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:.....di Sarawak bahawa tarian joget ataupun sumazau, itu perkara biasa yang kita buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Sri Aman salah seorang.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya bagi Sarawak. Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, Yang Berhormat bagi Sri Aman, ya.

Tuan Jimmy Lim Donald: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Sipitang. Setujukah atau tidak kalau kita mengatakan Perdana Menteri itu, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-Menteri Malaysia adalah menteri untuk seluruh rakyat di Malaysia iaitu untuk kaum Melayu, Cina, Iban, Kadazandusun dan sebagainya dan apabila mereka datang ke rumah panjang Orang Iban di Sarawak ataupun Kampung Bidayuh, bila ada Gawai di Sarawak ataupun *Harvest Festival* di Sabah, apabila dijemput berjoget, tidak sentuh badan, tidak menyentuh lain, apa salahnya? Itu menunjukkan mereka mesra dengan rakyat dan dapat diterima oleh semua rakyat dan ini saya rasa dapat mewujudkan semangat kekitaan untuk rakyat Malaysia dan juga mewujudkan satu bangsa Malaysia. Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Sipitang?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sri Aman. Kita jangan melihat perkara ini begitu serong, begitu sempit sehingga kita melihat bahawa seseorang itu, kalau buat perkara yang dianggap oleh mereka sendiri negatif, saya tidak melihat. Contohnya, apa bezanya orang-orang PAS melihat di televisyen orang menari joget dengan kalau Yang Berhormat sendiri menari joget di pentas? Tidak ada beza.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat, cukuplah ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Jadi ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Mmm ... cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Jadi ini yang kita katakan *role model* ...soal *role model* bagaimana perlakuan kita ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Masuk perkara yang lain, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:...sebagai pemimpin saya setuju kita mestilah menunjukkan kriteria-kriteria sebagai pemimpin - orang yang baik, yang dihormati tetapi dalam masa yang sama, kita juga tidak salah mengikut budaya-budaya yang dibenarkan...

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya bagi. Penghabisan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat bagi Sipitang, terima kasih banyak. Saya merujuk kepada akhbar *The Malay Mail - Friday*, hari Jumaat Jun 13, 2003, gambar berwarna *[Menunjukkan keratan akhbar][Disampuk]* Gambar warna seorang menteri – Menteri Pembangunan Usahawan, dengan Setiausaha Politikanya. Setiausaha Politikanya duduk di sebelah, Tuan Yang di-Pertua, bertepuk tangan, tolong bagi stimulus, rangsangan, sedang menari dangdut. Untuk pengetahuan Yang Berhormat yang bertanya tadi, ini bukan

Gawai, ini bukan tarian kebudayaan kaum, ini dangdut ... apa orang panggil pop dangdut. *Dancing* ini begitu mengasyikkanlah. Saya pun terliur tengok Menteri menari dengan Mas Mayuni pakai seluar pendek. Tidak mengapalah, okaylah tetapi di belakang itu ada gambar lambang UMNO, ada lambang UMNO sebagai *back drop* nya dan dianjurkan oleh Puteri UMNO.

Jadi, sekali tadi Yang Berhormat sebut bahawa orang PAS pergi buat hiburan di luar negeri tetapi itu belum ada bukti, cakap kosong. Dan Yang Berhormat cakap mengenai kegagalan kita beri pendidikan. Saya hendak tanya Yang Berhormat tentang ini, adakah ini satu pendidikan yang diberikan oleh pemimpin UMNO? Dan bukan sekali..., ada menari di lain-lain tempat juga, ada dalam laporan ini. Saya diberi tahu, selepas menari ini, dia oranglah, mungkin tidak terlibat dengan menteri-menteri ini, dia orang ada *function* lain yang lebih istimewa. Jadi, Yang Berhormat, saya rasa baiklah baca dahulu surat khabar ini sebelum pergi lebih jauh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Tidak payah jawablah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Jacob: Terima kasih. Saya ingat tuduhan untuk *function* lain itu saya ingat minta ditarik baliklah. Tidak sesuai dituduh di sini kerana Yang Berhormat pun tidak nampak, tidak ada bukti tetapi orang Kelantan pergi ke Golok saya ada bukti [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri perbahasan saya ini, saya mengatakan tadi bahawa pendidikan itu penting. Kita mestilah memberitahu kepada masyarakat kita seperti juga masyarakat di Barat, yang baik itu kita ikut. Sebab peraturan-peraturan ini kita perlu ikuti. Kalaulah peraturan itu mengatakan bahawa orang-orang dewasa sahaja yang boleh memasuki pusat hiburan, kita hadkan kepada orang-orang dewasa tetapi pada hari ini, kepincangan kita ialah kita gagal dalam menguatkuasakan undang-undang ini.

Undang-undang kita baik. Pusat hiburan itu perlu dan saya tidak melihat bahawa ia perlu dihalang begitu serius sehingga melihat bahawa negara kita ini langsung tidak ada hiburan kerana negara kita ialah negara berbilang agama, berbilang kaum dan juga kita menjadi pusat kunjungan pelawat-pelawat tetapi apa yang perlu ialah pendidikan, penguatkuasaan perlu. Kepada mereka yang telah pun melanggar peraturan ini dan menyalahi undang-undang, kita mesti beri pengajaran yang serius. Mungkin bagi pertama kali kita boleh beri amaran tetapi kalau amaran itu tidak diendahkan, tindakan yang serius untuk menutup, menarik lesen, denda yang hebat dan sebagainya, hendaklah diambil supaya perkara ini menjadi teratur.

Oleh itu kita semua, pemimpin politik, orang-orang pembangkang, jangan lagi menuduh bahawa kita tidak melaksanakan peraturan tetapi kita semua mesti sama-sama menjaga kebaikan, nama baik rakyat kita. Untuk rakyat melihat bahawa negara ini mempunyai peraturan yang baik, kita mesti laksanakan peraturan. Negara kita akan menuju ke arah negara maju tahun 2020. Oleh itu kita perlu daripada hari ini memperketatkan dan memastikan bahawa Akta yang kita buat ini dilaksanakan dengan baik, cukup pegawai penguatkuasa dan tindakan-tindakan mengikut yang telah diluluskan. Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Muhamad bin Mustafa: [*Bangun*]

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Peringat, saya sudah janji tadi. Yang Berhormat bagi Peringat. [*Disampuk*] Tidak, saya jemput Yang Berhormat bagi Peringat untuk berucap. Ya, ya.

4.30 ptg.

Tuan Muhamad bin Mustafa [Peringat]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut serta membahar rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992.

Pada pandangan saya, isu hiburan itu satu perkara. Kemudian isu industri hiburan itu juga satu perkara yang lain pula. Hiburan memang diperlukan untuk meringankan beban emosi, beban kerja dan berbagai-bagai alasan lagi untuk berhibur. Tetapi hiburan yang bagaimana? Apa jenisnya? Itu perlu ditentukan oleh suatu dasar negara kita ini ataupun undang-undang di negara kita ini supaya hiburan itu benar-benar membawa kebaikan kepada rakyat dan negara.

Hiburan ada yang positif dan ada yang negatif. Hiburan ada yang sederhana dan ada yang melampau. Hiburan ada yang dari dalam negeri dan ada dari luar negara. Hiburan ada yang halal dan ada yang haram bagi orang-orang Islam. Hiburan ada yang bertamadun dan ada yang tidak bertamadun. Hiburan ada yang sederhana dan ada yang ekstrem. Tetapi nampaknya akta yang kita bahaskan pada hari ini, rang undang-undang yang dibentangkan ini tidak mempunyai sebarang definisi dasar dan garis panduan yang jelas tentang perkara yang saya sebutkan tadi.

Apakah jenis hiburan sebenar yang kita hendak kawalkan ini? Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat sebelum saya, golongan agama selalu dilabelkan sebagai golongan ekstrem dan golongan melampau apabila melakukan sesuatu tindakan yang tidak disukai oleh kerajaan walaupun tindakan-tindakan itu kadang-kadang masih lagi dalam batas agama. Tetapi golongan-golongan yang melampau dalam bidang ini jarang disebut sebagai golongan ekstremis atau pun golongan melampau ataupun sebagainya. Walau bagaimanapun, kita jelas kelihatan bahawa sikap melampau dan ekstrem dalam hiburan ini memang terdapat di negara kita sekarang ini.

Rakyat Malaysia amnya dan para belia khasnya merupakan aset negara yang paling mahal. Paling mahal untuk dimusnah dan dihancurkan oleh pusat-pusat hiburan dan gejala-gejala sosial yang lahir dari pusat-pusat ini. Sekarang hiburan telah menjadi satu industri yang mengexploitasi kanak-kanak, belia, remaja dan juga orang-orang dewasa di mana hiburan ini atau pusat-pusat hiburan ini bukan sahaja membekalkan produk-produk hiburan untuk memenuhi keperluan masyarakat atau keperluan golongan-golongan tertentu tetapi sekali gus berniat jahat atau membekalkan perkara-perkara yang tidak sihat di mana pemodal-pemodal mencari keuntungan di sebaliknya dengan menggunakan alasan hiburan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan mesyuarat*]

Apa yang paling membimbangkan kita ialah apakah kerajaan telah membuat satu kajian terperinci. Siapakah sebenarnya di sebalik industri-industri hiburan yang negatif ini dan apakah niat mereka. Saya bimbang mereka yang berada di sebalik industri hiburan yang negatif ini adalah makhluk-makhluk perosak yang boleh merosakkan kebahagiaan rakyat negara ini dan boleh menjahanamkan kualiti hidup rakyat ini dan boleh merosakkan lagi tamadun yang kita bina ini.

Industri

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Tuan Muhamad bin Mustafa: Silakan.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Ahli Yang Berhormat bagi Peringat. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit dari Ahli Yang Berhormat bagi Peringat mengenai hiburan yang dikaitkan dengan kaum belia pada hari ini. Kita lihat bahawa hiburan ini dapat mencorakkan kehidupan dan masa depan masyarakat negara kita terutama sekali kaum belia tetapi pihak-pihak tertentu yang mengambil kesempatan sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi, keuntungan yang lebih penting daripada mencorakkan masa depan belia dan juga masyarakat di negara kita.

Saya ingin mengambil contoh umpamanya kita telah melihat anak-anak muda kita begitu terpesong dan menyeleweng umpamanya dengan lagu-lagu rock pada suatu masa dahulu, *heavy metal* umpamanya, sampai peringkat anak-anak muda kita telah bertukar daripada menyembah Tuhan bertukar kepada menyembah syaitan. Adakah pihak kerajaan mengambil berat di atas segala pengajaran ini dan mengalih pandangan-pandangan belia kita mengubah corak hidup pandangan-pandangan belia kita dari segi mendapatkan hiburan yang sesuai. Umpamanya dengan menumpukan lagu-lagu nasyid yang juga

merupakan hiburan tetapi mungkin lebih meringankan ataupun mencorakkan masa depan belia yang lebih baik.

Jadi saya minta pandangan sedikit Yang Berhormat mengenai kes *heavy metal* dahulu yang pernah berlaku di negara kita yang mana orang sanggup membakar sejadah, membakar Al-Quran dan sebagainya. Ini adalah berpunca daripada suatu hiburan yang salah. Saya minta penjelasan.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih sahabat saya Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Itulah di antara hiburan yang perlu kita kawal dan perlu kita beri perhatian bukan sahaja kepada apa yang berlaku tetapi juga punca yang boleh mencetuskan hiburan itu. Sudah pasti ianya bukan berlaku secara kebetulan. Ia mempunyai akar umbinya. Dia mempunyai pokoknya dan mempunyai sebab musababnya yang akhirnya membawa ke situ.

Saya juga berasa hairan kenapa kerajaan hanya ingin membasmi gejala-gejala sosial dan memang kita hormati suara kerajaan untuk membasmi gejala-gejala sosial. Tetapi di waktu yang sama, semacam kerajaan tidak begitu serius untuk membasmi punca dan sebab-sebab, faktor-faktor yang boleh membawa kepada gejala sosial itu khususnya di kalangan belia. Kita tidak boleh kata itu soal peribadi sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang tadi.

Kalau kita boleh menjadikan itu sebagai alasan, maka rakyat kita akan membuat alasan itu - "ini soal peribadi saya". Orang lain pula dia akan membuat alasan "ini soal peribadi saya, ikut sayalah". Jadi kalau menggunakan alasan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang tadi, rosaklah negara kita ini. Kita tidak boleh menjadikan alasan peribadi itu sebagai satu alasan yang mutlak kerana kita mempunyai undang-undang. Kita mempunyai negara dan negara juga harus bertanggungjawab bukan sahaja kepada rakyat negara ini tetapi kepada Allah S.W.T. yang menjadi tuan punya kerajaan yang memerintah langit dan bumi ini.

Allah S.W.T. yang menjadi Tuhan kepada semua manusia. Kita kena bertanggungjawab kepada ini, selain daripada tanggungjawab kita kepada rakyat. Kalau kita hanya bertanggungjawab kepada rakyat sahaja, segala-galanya adalah berkiblat kepada rakyat, tidak berkiblat kepada Allah S.W.T., tidak melihat masa depan akhirat, syurga dan neraka yang menunggu kita, jadi tidak sampai ke mana kita. Kita boleh mencari bermacam-macam alasan. Oleh kerana itu, saya berharap kepada kerajaan supaya bertanggungjawab nombor satu sekali kepada Allah S.W.T. dan seterusnya kepada harapan rakyat dan amanah rakyat yang dipertanggungjawabkan kepada kerajaan.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Yang Berhormat bagi Peringat. Saya bersetuju dengan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi. Apakah pandangan Yang Berhormat kalau saya nyatakan di sini, di mana kerajaan sebenarnya tidak ada dasar kebudayaan yang tulen, dasar yang konkrit yang boleh membina satu keperibadian umat Malaysia yang boleh diterima oleh agama, yang boleh diterima oleh adat, yang boleh diterima oleh akal fikiran yang waras.

Saya nampak bahawa dasar yang kerajaan ikuti iaitu orang Kelantan kata, "asal jupa ajo. Tidak kiro mari mana pun asal jupo. Hok telanje pun dikiro hiburan jugak" Kerana tidak ada asas dia dan tidak mempunyai asas ilmiah kepada hiburan yang hendak dikemukakan kepada masyarakat. Akhir sekali yang menjadi mangsanya ialah remaja kita. Jadi, remaja yang kita lihat sekarang ini, keruntuhan akhlak dan pelbagai lagi gejala yang berlaku sekarang hasil daripada kerajaan tidak dapat mengemukakan suatu dasar hiburan yang dapat membina remaja itu sendiri. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Memang soal dasar adalah merupakan soal yang paling penting sekali, kerana tanpa dasar kita akan hanyut dan kita akan tidak sampai ke mana, walaupun kita menggunakan wang negara yang banyak. Saya menyokong penuh saranan yang dikemukakan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Pokok Sena agar negara kita mempunyai dasar hiburan yang jelas dan tegas serta penguatkuasaan yang serius dan berterusan. Insya-Allah, pada masa yang akan datang, kita hendak tengok satu dasar ini dikemukakan di Dewan ini supaya kita benar-benar serius, bukan sekadar meminda Akta

Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992, tetapi suatu dasar yang menyeluruh di mana masalah ini bukan sahaja di Kuala Lumpur, tetapi di seluruh negara. Ancaman ini bukan sahaja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, tetapi ancaman di seluruh negara yang harus kita mempunyai tanggungjawab bersama.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Peringat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan dasar negara tentang hiburan. Nampaknya, di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak kerajaan atau pembangkang, pandangan berkenaan dengan hiburan ini, setengahnya seakan-akan sama tetapi seorang dua daripada pihak kerajaan, nampaknya mempunyai sikap bahawa sebagaimana Yang Berhormat bagi Peringat sebut tadi, bebas untuk individu kerana kita ini pelbagai agama, pelbagai kaum.

Tetapi, kalau kita lihat dan saya pohon pandangan Yang Berhormat bagi Peringat, apa yang berlaku baru-baru ini di Ipoh, saya fikir melibatkan pegawai penguat kuasa Dewan Bandaraya Ipoh dituduh menangkap sepasang anak muda mungkin, yang mengikut laporan awalnya berpegang tangan tetapi, mengikut laporan daripada pihak pegawai penguat kuasa yang terlibat, lebih daripada berpegang tangan di khalayak ramai, maka kita dibawa kepada suatu perbahasan, sama ada kerajaan menjadi, dengan izin, *moral guidance*, penjaga budi pekerti, perangai baik buruk rakyatnya ataupun bukan tugas kerajaan untuk menjadi dengan izin, *moral guidance* kepada rakyatnya dan seolah-olah gambaran yang diberikan sehingga menakutkan Menteri Besar Perak untuk mengambil tindakan, oleh kerana itu kita membatalkan dan membekukan apa-apa tindakan. Begitu takut Yang Berhormat Menteri Besar Perak. Tetapi, apabila kita dengar pandangan-pandangan kemudiannya, saya fikir kalau tidak silap, Ahli Exco Negeri Perak yang bertanggungjawab tentang penjagaan tempat-tempat awam seperti taman-taman rekreasi kerajaan yang berkebetulan bukan orang Melayu, bukan orang Islam, tetapi orang keturunan Cina mengatakan bahawa ini benda yang baik, "mengambil tindakan terhadap orang-orang yang tidak berperangai dan menunjukkan sifat kelakuan yang tidak baik di khalayak ramai adalah perkara yang patut dilakukan oleh kerajaan", kata Ahli Yang Berhormat Exco yang bukan daripada UMNO ini - MCA saya fikir. Ini MCA baru Tuan Yang di-Pertua, yang mengatakan bahawa kalau ikut agama Buddha pun dia kata, kalau orang betul-betul faham agama Buddha.....
[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tumpat buat ucapankah?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Untuk memohon penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Peringat tentang soal budi pekerti dan dasar serta sikap kerajaan. Maka, Ahli Exco dari Perak ini mengatakan bahawa kalau kita ikut agama Buddha pun dia kata akan menyokong, bahawa adalah tugas kerajaan untuk menghalang perangai yang tidak senonoh di khalayak ramai. Bukan itu sahaja, kita dengar contoh Yang Berhormat bagi Peringat tadi, didengar daripada ahli-ahli penyokong kerajaan. Yang Berhormat bagi Sri Gading bagi contoh, dikata bandar Jakarta, bandar Manila, bandar Bangkok, Hadyai dibandingkan, tetapi beliau tidak sebut dan ini juga saya hendak kaitkan dengan Yang Berhormat bagi Sipitang yang mengatakan bahawa kemajuan ini mesti diikuti dengan hiburan yang pelbagai bentuk ini. Kenapa kita tidak ambil contoh Singapura, yang mana kerajaannya menjaga.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa panjanglah.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Seminit lagi Yang Berhormat. Bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini bukan minta penjelasan. Ambil kesempatan berucap.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Haa....

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak apalah. Bagi.....[Menyampuk]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Untuk mengisikan masa kerana memberi peluang kepada ahli-ahli UMNO yang terpaksa pergi untuk memuja dan memuji pemimpin-pemimpin mereka di hari-hari terakhir kepimpinan mereka di Kuala Lumpur. [Ketawa]

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Masih menyampuk]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Jadi, yang tidak dibandingkan ialah Singapura, yang mana kerajaannya menjaga dan cuba menjaga mengikut tahap-tahap yang tertentu, mengikut piawai-piawai yang tertentu sampai membuang *chewing-gum*, dengan izin, pun dianggap satu perbuatan yang tidak baik. Kencing dalam lif pun ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Jadi, itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah panjang lebarlah, cukuplah.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Yang saya hendak tunjukkan dan minta perhatian dan penjelasan Yang Berhormat bagi Peringat ialah bahawa tidak semudah itu untuk kita mengatakan bahawa kerajaan ini tidak ada kuasa tentang hal ehwal budi pekerti rakyatnya, ataupun kalau yang menjaga hal ehwal budi pekerti rakyat itu mesti kerajaan yang Islam, yang Kelantan dan Terengganu sahaja. Tetapi tidak. Contoh-contoh antarabangsa menunjukkan di England, Yang Berhormat bagi Batang Lupa sudah tentu tahu dengan *parknya*, taman-taman riadah hiburannya, taman-taman di mana orang-orang boleh berjalan, jogging. Ada undang-undang *parknya*, *park rules*, dengan izin, yang mengatakan tidak boleh berbogel, tidak boleh berkelakuan tidak senonoh, bercium secara ghairah di khalayak ramai dan sebagainya..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang siapa yang berucap?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Jadi, saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Peringat tentang pandangan ini. *[Tepuk]*

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat bagi Tumpat. Saya menyokong apa yang diungkapkan oleh Yang Berhormat tadi, di mana kerajaan adalah bertanggungjawab penuh *[Disampuk]*

Tuan Thong Fah Chong: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ipoh Timur bangun.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Sekejap, sekejap. Selepas jawab yang ini dahulu. Di mana, kerajaan bertanggungjawab secara langsung terhadap keperibadian rakyatnya dan bukan sahaja dari segi agama, tetapi juga contoh-contoh tamadun yang tinggi di dunia hari ini. Apatah lagi kalau dilihat dari sudut Islam, lagilah di mana kenyataan yang dibuat oleh Nabi Muhammad s.a.w sendiri dengan mengatakan *[Membaca sepotong Hadis]* yang bermaksud, "Setiap dari kalangan kamu adalah pengawal dan kamu akan ditanya dan dipertanggungjawabkan oleh Allah terhadap apa yang dilakukan oleh rakyatnya", dan juga amaran daripada Rasulullah *[Membaca sepotong Hadis]* yang bermaksud, "Orang yang paling teruk kena azab di akhirat nanti ialah pemimpin yang menyeleweng, pemimpin yang tidak bertanggungjawab terhadap rakyatnya".

Sebenarnya, kita perlu sedar bahawa dalam sebuah negara ini, kita bagaikan berada dalam sebuah kapal, di mana jika ada seorang sahaja yang menebuk kapal itu, dan apabila kapal itu bocor dan masuk air, apabila kapal itu tenggelam, bukan hanya yang bertanggungjawab menebuk kapal itu sahaja tenggelam, tetapi juga seluruh orang yang berada dalam kapal itu akan turut tenggelam. Samalah juga dengan apa yang berlaku di negara kita sekarang ini. Apabila berlaku sesuatu yang tidak baik, apabila datangnya bala daripada Allah s.w.t, datangnya hukuman daripada Tuhan, bukan sahaja orang yang bertanggungjawab, penjenayah itu sahaja yang kena, tetapi seluruh rakyat dan kerajaan juga akan kena. Inilah perkara yang sangat menakutkan kita.

Sebenarnya, kita perlu mempunyai satu sistem nilai baik buruk yakni sistem nilai-nilai murni yang tetap dan mantap yang menjadikan rakyat Malaysia mempunyai jati diri, yang membezakan kita dengan orang lain, khususnya dari segi hiburan, kebudayaan dan sebagainya.

Kita tidak perlu membuat alasan berdasarkan negara-negara Islam sebab saya dengar tadi banyak kawan-kawan kita, teman-teman kita Yang Berhormat, membuat contoh Arab Saudi, Emiriyah Arab Bersatu dan negara-negara Islam yang lain. Perkara yang negatif tetap negatif, perkara yang buruk tetap buruk walaupun di mana berlaku perkara itu dan tidak perlu kita mencontohinya dan tidak perlu juga kita menjadikannya hujah untuk kita amalkan di Malaysia, dengan alasan tidak apa kita amalkan perkara ini kerana negara Arab pun amalkan juga. Itu satu hujah yang tidak betul. Sudah banyak kali diperkatakan hujah ini dalam Dewan ini.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit Buntar bangun.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Saya bagi kepada Yang Berhormat ini dahulu. [Ditujukan kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak minat lagi.

Tuan Thong Fah Chong: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, berminat ya?

Tuan Thong Fah Chong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Peringat mengenai keterangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat mengenai Ipoh kerana dia bercakap *holding hands* atau pegang tangan, kena saman. Itu perbuatan bukan macam itu. Keterangan bukan *holding hands*, yang lain saya ingat ini yang Tumpat cakap *moral guidance* bukan kerajaan, patut ia bukan kerajaan Perak, bukan Exco, tetapi Yang Berhormat menyeleweng rakyat lagi pasal *holding hands* di Ipoh patut saya janji, saya *promise*, tidak ada masalah ini. Yang ada pandangan ini pun disebutkan di CNN itu, kita saman atau apa, bukan *holding hands*, tidak ada masalah ini. Yang menjadi masalah, Yang Berhormat bagi Tumpat hendak menyeleweng rakyat sahaja untuk diri sendiri dan untuk pembangkang, tetapi ini bukan. Ini sudah diterangkan kepada Dato Bandar. Kalau pandangan Exco, pandangan kerajaan - dengan izin - *is never a moral guidance as far as morality is concerned*. Terima kasih.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Saya rasa perkara itu Yang Berhormat telah menjawab sendiri di mana undang-undang itu memang digubalkan oleh Dewan Undangan Perak sendiri. Dan apa yang berlaku itu hanya penguatkuasaannya dan kita tetap menyokong apa sahaja tindakan yang diambil oleh PBT atau pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk bertindak tegas bagi mempertahankan nilai-nilai murni yang menjadi dasar negara kita sekarang ini.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Peringat. Saya hendak kaitkan sedikit hiburan ini dengan kekuatan daya tahan, daya juang manusia, terutamanya dalam *nation-building* kita di dalam Malaysia kita ini. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, rata-ratanya kita menghadapi masalah yang besar, yang semakin meruncing, semakin meruncing, semakin meruncing.

Masalahnya ialah masalah kehilangan daya tahan dan daya juang rakyat Malaysia bukan sahaja di kalangan orang tua, bukan sahaja di kalangan kanak-kanak sekolah, malah hampir mencakupi seluruh rakyat Malaysia. Ambil daya juang di bidang sektor guna tenaga. Anak-anak kita tidak ada daya juang hendak bersaing dengan orang Indonesia. Ambil peniaga-peniaga yang ada di Chow Kit Road, datangnya orang Indonesia, ke tepi peniaga-peniaga Melayu. Pergi ke tepi! Bahkan peniaga-peniaga Cina pun ke tepi kerana orang-orang Cina sendiri sudah larut daya juangnya kerana, saya hendak sebutkan satu, sebab yang dibuat oleh kerajaan UMNO dan Barisan Nasional....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak berucap atau hendak minta penjelasan?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tidak, tidak, tidak. Bukan, bukan, bukan, baru. Saya tidak sampai pun setengah minit, Tuan Yang di-Pertua kata berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini memang tanggungjawab saya kawal masa.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Ya, saya tidak sampai pun setengah minit. Takkan berucap ada orang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalankah atau hendak berucap?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tidak, tidak, saya.... Ini soalan. Ini soalan. Hendak menuju ke situ adalah *preamblenya*, takkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sebab saya tanya.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Apa itu hiburan? Takkanlah begitu.... Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk.

Bila saya sebut tentang daya juang tadi, tentang kepentingan ini, ia dua *poles*, ada dua pola. Daya juang dibina oleh kekuatan manusia daripada lahiriahnya, batiniahnya dan juga kekuatan keunggulan emosi dan keseluruhan *make-up* manusia seutuhnya. Itu boleh bantu daya juang. Akan tetapi hiburan ini salah satu kajian dunia, kajian di mana-mana pun Datuk lihat bahawa yang akan meruntuhkan daya juang, daya kekuatan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya hendak ganggu sedikit.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Ya, Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab saya nampak Peringat pun tidak dengar apa yang disampaikan oleh Parit Buntar, jadi macam mana nanti hendak boleh jawab?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Dia catat itu satu per satu, "dan" pun dia catat, "tetapi" pun dia catat.

Beberapa Ahli Dewan: *[Ketawa]*

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya pendekkan. Saya pendekkan sahaja. Ertinya, apa yang saya dapati sekarang ini dan saya terasa. Saya ada anak, anak saya terasa, dan diri saya sendiri pun terasa. Apa dia yang saya terasa? Penghakisannya daya juang, daya tahan ini. Apa yang menghakis ialah suatu budaya. Budaya namanya ialah budaya kenafsuan, budaya kesyahwatan dan budaya kepeleseran. Di belakangnya ialah UMNO dan Barisan Nasional.

Saya hendak kaitkan ini dengan *elections*. Bila rakyat hilang daya juang, bila rakyat hilang daya tahan, bila rakyat tidak ada daya tuju dalam hidup dia, biasanya dia memilih parti yang tidak ada daya tuju.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Parti yang tidak ada daya tuju ialah UMNO dan Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kesemua ini saya nampak tidak ada berkaitan dengan hiburan.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Eh, mengapa tidak berkaitan? Ini *nation-building*, Yang Berhormat. *Nation-building!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita sekarang sedang bincangkan pindaan. Dan sebagaimana....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tak, ia ada kaitannya dengan masyarakat kita....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebagai mana yang tercatat dalam Peraturan Mesyuarat, saya

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Minta maaflah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:.....Saya mintalah Yang Berhormat rujuk Peraturan Mesyuarat 36(1).

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Setengah minit lagi, setengah minit. Dan sebab itu saya menganggapkan bila rakyat ini ada daya tuju, bila rakyat ini ada daya juang, bila anak rakyat negara kita ini ada daya kebolehan, maka dia akan memilih parti yang ada daya kebolehan, yang ada daya tuju dan daya juang. Parti itu ialah parti yang di sini ini [*Menunjukkan ke arah tempat duduk parti pembangkang*]. Oleh sebab itu saya hendak minta komen Yang Berhormat, soalan saya ini.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sebenarnya rakyat Malaysia sudah hilang daya juang? Dan ini merupakan satu krisis yang besar dan krisis ini bertambah meruncing pada tahun-tahun dan abad-abad yang akan datang akibat daripada sikap liberalisme yang tidak ter*define* yang digunakan oleh UMNO dan Barisan Nasional untuk memimpin rakyat negara ini. Terima kasih.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih sahabat saya. Memang saya setuju dengan sahabat saya dari Parit Buntar tadi. Memang hiburan yang negatif, hiburan yang tidak bertamadun adalah merupakan hiburan yang boleh merosakkan pembangunan bangsa kita dan sudah pasti ianya akan membunuh daya tahan, daya juang dan daya saing rakyat negara ini. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab secara langsung kerajaan supaya ia menjaga pembunuh dan orang yang dibunuh.

Keselamatan negara adalah sangat-sangat penting di mana krisis yang berlaku dalam negara kita sekarang ini perlu diberi perhatian serius secara seimbang, bukan sahaja krisis ekonomi tetapi juga krisis kemanusiaan. Bukan sahaja penyalahgunaan dadah, tetapi juga penyalahgunaan kemanusiaan itu sendiri akibat daripada dorongan-dorongan hiburan yang tidak sihat atau akibat daripada nafsu-nafsu manusia yang berada, pemodal-pemodal yang berada di sebalik industri hiburan yang ditaja di negara kita sekarang ini.

Ini bukan bererti saya memerangi atau memusuhi semua hiburan. Daripada awal lagi saya katakan hiburan-hiburan yang murni, hiburan-hiburan yang bertamadun, hiburan-hiburan yang membawa kebaikan, hiburan-hiburan yang tidak bertentangan dengan agama Islam bagi orang Islam, itu tidak ada masalah. Terpulang kepada agama dan budaya masing-masing, tetapi hiburan yang membawa kerosakan kepada bangsa dan negara kita tidak boleh kita kompromi sama sekali dan kita mesti anggap ini merupakan satu krisis yang boleh menghancurkan dan memusnahkan negara kita.

Suka juga ingin merujuk kepada seksyen baru 14(a) yang banyak juga disebut oleh teman-teman yang bercakap sebelum saya tadi mengenai larangan mengenai penjualan minuman keras yang memabukkan kepada orang yang berumur di bawah 21 tahun. Satu perkara yang saya hendak sebut disini bahawa kenapa kerajaan mengambil sikap *double standard* di antara dadah dengan arak. Walaupun barangkali mempunyai alasan-alasan tersendiri tetapi kalau kita lihat dari sudut kerosakan. Kalau kita lihat dari sudut bahaya baik dari segi apa sekalipun memang kalau kita tengok dari sudut dan pandangan Islam dadah adalah termasuk dalam senarai arak kerana dadah adalah perkara yang memabukkan. Pasal apa dadah diharamkan oleh Islam dan diharamkan oleh undang-undang negara kita kerana ia membawa kerosakan dan boleh merosakkan rakyat di negara ini .

Oleh yang demikian kita harus melihat penjualan minuman keras ini secara serius, yang pertama sekali dari sudut agama, kerana negara kita ini adalah negara yang bertunjang kepada ajaran agama di mana Islam adalah merupakan agama rasmi dan agama-agama lain diberi kebebasan untuk diamalkan. Apa ertinya kita beragama kalau kita tidak mengikut ajaran agama. Apa ertinya agama rasmi negara kalau agama rasmi negara itu tidak mempunyai peranan dan tidak mempunyai fungsi dalam masalah ini dan saya ingin tahu dan meminta penjelasan daripada kerajaan adakah akta baru ini dirujuk kepada Majlis Fatwa atau kepada JAKIM, khususnya yang melibatkan rakyat yang beragama Islam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini bukan akta baru. Kita bincang pindaan ke atas akta yang sedia ada.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Peringat mengenai seksyen baru 14(a) ini, larangan mengenai penjualan minuman keras yang memabukkan. Mengikut pandangan Yang Berhormat bagi Peringat adakah tidak aneh, adakah ia tidak merupakan sesuatu yang aneh dan pelik, kita melarang orang meminum minuman keras sedangkan negara kita mempunyai kilang-kilang arak, industri arak dan sekali gus juga membenarkan iklan-iklan dibuat dalam akhbar-akhbar termasuk juga di tepi-tepi jalan? Adakah ia tidak merupakan suatu perkara yang *contradictory*, yang bercanggah antara larangan dengan galakan dan iklan ini menggalakan, undang-undang melarang? Apakah ini tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan generasi muda kita yang baru mengenali kenyataan hidup di negara Malaysia ini, lebih-lebih lagi apabila Perdana Menteri sendiri mengatakan ini adalah sebuah negara Islam? Minta pandangan Yang Berhormat bagi Peringat dalam soal ini.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Suka saya memperingatkan di sini bahawa kita mesti beragama Islam dan bernegara Islam sebagaimana yang dikehendaki oleh Allahu Taala itu sendiri bukan sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak-pihak yang tertentu. Jadi memang sangat banyak perkara yang mendukacitakan kita di mana kerajaan melakukan sesuatu yang *contradict* dan berlawanan sesama sendiri.

Di satu segi nampak kerajaan ini memang cinta kepada kebenaran, cinta kepada kebaikan, cinta kepada kemurnian, pembangunan, kemajuan, tamadun yang murni tetapi di waktu yang sama kerajaan juga melakukan perkara-perkara yang boleh meruntuhkan nilai-nilai murni tadi. Sebagai contoh yang diberikan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Dan mungkin juga melihat sesuatu yang aneh, merokok katakanlah, memang ditulis dikotak rokok amaran Kerajaan Malaysia "*Merokok merbahayakan kesihatan*". Kalau merokok itu sudah merbahaya, maaf Yang Berhormat bagi Sri Gading, mengapa kita tidak mengambil tindakan yang tegas kerana ianya merbahaya.

Sebagaimana bahayanya dadah maka kita mengambil tindakan yang tegas terhadapnya. Tanpa menafikan kebijaksanaan dalam tindakan-tindakan itu dan memang tindakan harus menggunakan kebijaksanaan.

Oleh yang demikian, kita juga harus mengkaji kenapa rakyat kita sebenarnya menjadi rakyat yang semacam penagih hiburan. Apa sebenar di sebalik itu. Seolah-olah, walaupun tidak semua rakyat Malaysia ini telah terjebak dengan satu budaya yang sangat merbahaya dan terpaksa kerajaan membuat pindaan undang-undang untuk mengawal gejala ini kerana dilihat sebagai suatu gejala yang sangat merbahaya tetapi sebenarnya, apakah punca yang boleh mencetuskan wabak ini yang menjadikan rakyat negara ini begitu sekali mabuk hiburan.

Sekarang kita nampak, hiburan bukan lagi untuk sekadar membawa kebahagiaan diri sendiri ataupun untuk menghilangkan penat lelah ataupun hiburan kerana melayani fitrah manusia atau proses psikologi semulajadi. Nampaknya tidak ke situ lagi tetapi berhibur lebih daripada itu dan sudah bersifat ekstrem dan melampau sehingga kerajaan terpaksa meminda undang-undang kerana bahayanya suasana ini untuk mengawal keadaan dan menjaga keselamatan negara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya suka tanyalah, adakah kesemua ini berkaitan dengan cadangan pindaan yang sedang kita bincangkan?

Tuan Muhamad bin Mustafa: Sudah pastinya. Saya tidak akan berucap tanpa kaitan dengan rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya yakin jauh sangat daripada pindaan, kalau boleh Yang Berhormat tumpukan masa ke atas pindaan.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Ucapan saya itu adalah merujuk kepada seksyen baru 14 (a), mungkin adalah sedikit ungkapan-ungkapan, contoh-contoh dan selitan-selitan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Ada minat? Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Datuk, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Peringat. Kelantan sebuah negeri Melayu yang kaya dengan kebudayaan. Kebudayaan merangkap hiburan. Saya kagum dengan orang-orang Kelantan ini, tebal dia punya kebudayaan. Dikir barat ini macam mana, sampai ke pagi. Saya tidak tahu di bawah pemerintahan Kerajaan PAS, dikir barat, tarian makyong, wayang kulit, ini masih tebal di negeri Kelantan.

Jadi bagaimana Kerajaan PAS di Kelantan hendak melayan ketagihan ini. Yang Berhormat bagi Peringat kata rakyat ketagih dengan hiburan dan rakyat Kelantan ketagih ini. Macam mana Kerajaan PAS Kelantan menangani ketagihan rakyat Kelantan yang kaya dengan kebudayaan merangkap hiburan, sampai ke pagi. Sampai ke pagi! Tidak taulah apa kerjanya selepas itu.

Saya minta sedikit pandangan daripada sahabat saya, Yang terhormat bagi Peringat cuba jawab, macam mana? Itu diharamkan oleh Islam atau diharamkan oleh Islam ataupun masuk dalam kategori harus ataupun makruh, saya tidak tahu. Macam mana? Macam mana agak-agak hukum ini?

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih, sahabat saya daripada Sri Gading yang juga banyak memberi cadangan kepada kerajaan. Cuma tinggal lagi, bagaimana *response* kerajaan terhadap cadangan Sri Gading yang di dalam ucapannya itu, cuba kita tengoklah.

Berkenaan dengan istilah 'kebudayaan', mengikut ilmu yang saya belajar di universiti dahulu, kebudayaan bukannya bermakna hiburan. Istilah kebudayaan itu adalah bukan hanya hiburan. Adalah terlalu silap kalau Yang Berhormat bagi Sri Gading menganggap kebudayaan itu adalah hiburan. Kalau itulah yang menjadi pegangan kepada kerajaan maka definisi itu harus merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka supaya mendefinisikan semula, apa dia erti dan istilah kebudayaan yang sebenar.

Kebudayaan adalah luas, seluas kehidupan manusia itu sendiri, termasuklah di bidang intelektual, tamadun, ekonomi, politik, sosial dan seterusnya. Itu adalah soal kebudayaan. Hiburan ini bukan hanya hiburan adalah kebudayaan. Hiburan adalah sebahagian daripada kebudayaan. Saya rasa Yang Berhormat sudah faham. Saya rasa dia faham, cuma biasanya begitulah.

Kalau sebut kebudayaan, maka yang sinonim biasanya ialah hiburan, tari-menari. Jadi, itulah barangkali yang dibuat oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Pada halnya, kebudayaan itu luas termasuklah keilmuan dan sebagainya.

Di negeri Kelantan, kalau Yang Berhormat boleh bertandang ke negeri Kelantan dan kalau boleh buat satu kajian bagaimana Kerajaan Negeri Kelantan menangani isu hiburan. Soal minat manusia kepada hiburan ini memang tidak dapat dinafikan. Itu fitrah manusia. Sebab itulah daripada awal lagi saya tidak menafikan bahawa kita hendak membunuh hiburan. Tidak. Islam pun bukan agama hendak membunuh tamadun hiburan. Sebab itulah dalam Islam ada kawalan, ada hiburan yang dibenarkan, ada hiburan yang bertamadun, yang bermoral, yang mengikut tata susila kemanusiaan dan sebagainya. Itu tidak ada masalah, tidak ada masalah.

Kita pun tidak hendak kritik yang itu dan kita boleh terima. Yang menjadi masalah sekarang ini ialah hiburan yang tidak bermoral, hiburan yang tidak bertamadun. Ini yang menjadi masalah. Alhamdulillah, Kerajaan Negeri Kelantan telah pun membuat satu enakmen berkenaan dengan hiburan di Kelantan dan telah membuat satu kajian yang menyeluruh tentang warisan hiburan di Kelantan. Mana yang baik, mana yang tidak baik, mana yang boleh kita baiki, mana yang boleh kita bina dan mana yang kita boleh murnikan dia. Bukan semua Kerajaan Kelantan membunuh hiburan.

Oleh sebab itulah saya persilakan Yang Berhormat bagi Sri Gading, pergi tidur rumah saya pun tidak apa. Kita boleh bincang soal dasar Kerajaan Negeri Kelantan, soal dasar Kerajaan Negeri Kelantan tentang hiburan. Adalah terlalu silap kalau kita menganggap Kerajaan Kelantan dan Terengganu membunuh hiburan dan sebagainya. Tidak.

Dalam ajaran Islam sendiri pun memang tidak menafikan soal hiburan sebab itu soal fitrah. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Di negara kita sekarang, rakyatnya berbilang bangsa dan budaya, agama dan memang kita telah mempunyai satu dasar yang baik, saling hormat menghormati di antara satu sama lain. Kita bukan sahaja meminta orang-orang Islam menghormati orang-orang yang bukan Islam tetapi di waktu yang sama saya juga yakin, teman-teman kita yang bukan Islam pun boleh memahami perasaan dan juga tuntutan agama rakyat yang beragama Islam di negara ini.

Marilah kita sama-sama bersatu dalam perkara yang disepakati dan kita saling hormat menghormati dalam perkara-perkara yang berbeza. Kalau itulah boleh kita jadikan satu dasar, ia merupakan satu perkara yang sangat baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Peringat. Saya lama mengikut perjalanan parti PAS ini kerana PAS memang berlawanan dengan UMNO ini. Jadi, orang UMNO ikuti perkembangan, perjalanan yang dibuat oleh PAS dan saya rasa orang PAS pun menengok UMNO ini dia punya perjalanan, perkembangan dan sebagainya. Itu memang biasalah.

Dahulu, itu sebab saya tengok nada pemimpin PAS ini sudah berubah, tukar 360 *degree*. Berputar sekali

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Hiburan Wilayah Persekutuan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, ini masuk hiburan, Tuan Yang di-Pertua. Pasal saya hendak *respond*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita perlu bincangkan masalah hiburan di Kuala Lumpur, tidak payah pergi Kota Bharu, pergi Kelantan. Tidak perlu. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sahabat saya Yang Berhormat bagi Peringat pun dia bawa macam-macam. Jadi, saya hendak mencelah sahajalah. Sahajalah Tuan Yang di-Pertua, petang-petang. 360 *degrees*.

Dahulu, saya ingat lagi, waktu PAS menjadi pembangkang di negeri Terengganu, bekas Menteri Besar Barisan Nasional UMNO Terengganu, ditunjal, ditunjuk oleh pemimpin-pemimpin PAS yang waktu itu menjadi pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu. "*Inta pas Azhar, inta berkuasa dekat negeri, jadi Menteri Besar, kenapa inta halal arak dijual di negeri Terengganu.*" Oh ho, ho, ho... *[Disampuk]*

Waktu itu, *[Ketawa]* sekarang PAS sudah memerintah Terengganu, dia kata arak boleh dijual kepada orang bukan Islam. Oh, ho, ho... tukar. Dahulu tunjal muka orang, sekarang apa kurangnya. Yang menjadi pemimpin pun pas Azhar juga tetapi kenapa pula nampaknya fatwa sudah bertukar, sekarang boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan buat ceramah, ya!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kepada orang bukan Islam. Dahulu pun bekas Menteri Besar UMNO menjawab, arak yang dihalalkan dijual di negeri Terengganu ialah untuk bukan orang Islam tetapi jawapan itu tidak mahu dipakai oleh pemimpin-pemimpin PAS di Terengganu waktu jadi pembangkang. Sudah jadi kerajaan, boleh pula!

Ini yang saya nampak. Nampak nada sudah berputar 360 *degrees*. Saya tidak faham, saya minta Yang Berhormat sahabat saya Peringat tolong fahamkan saya, macam mana benda ini boleh berputar 360 *degrees*.

Terima kasih Yang Berhormat bagi Peringat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Lepas ini saya tanya lagi Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih, sahabat saya daripada Sri Gading. Yang haram, tetap haram; yang halal tetap halal.

Beberapa Ahli: Setuju!

Tuan Muhamad bin Mustafa: Dasar adalah tetap dasar. Walau bagaimanapun, soal penjualan arak ini ada batas-batasnya yang telah ditetapkan dalam kitab-kitab fikah. Itu jelas. Ianya sudah dipelajari. Kalau kita mengkaji tamadun-tamadun Islam di seluruh dunia di mana Islam telah memerintah dunia selama 500 tahun, penjualan arak ini memang berlaku tetapi dikawal. Dikawal dengan undang-undang yang rapi.

Barangkalilah, ini saya tidak pasti, sebab saya tidak terlibat dengan Kerajaan Barisan Nasional pada masa itu – barangkali Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah Terengganu pada masa itu tidak ada undang-undang ini, di mana penjualan arak itu bebas. Itu yang menjadi masalah di mana dari segi penguatkuasaannya memang arak ini begitu bebas sekali. Itu yang menjadi masalah. Walaupun dari segi undang-undang yang tertulis, tidak dibenarkan kepada orang-orang bukan Islam tetapi apa yang berlaku tidak seperti apa yang dilesenkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Tuan Muhamad bin Mustafa: Banyak, Tuan Yang di-Pertua. Kalau ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, memang saya tidak hadkan masa tetapi saya hanya mintalah kalau boleh kita balik kepada tajuk kita.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Ha, ini tajuklah. Pasal Yang Berhormat bagi Sri Gading bawa ke Terengganu sekejap. Jadi, beginilah, maknanya yang sekarang ini alhamdulillah, undang-undang penjualan arak ini jelas di Terengganu dan di Kelantan. Sepatutnya Yang Berhormat bagi Sri Gading terima kasihlah. Kalau di Johor macam mana? *[Ketawa]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun hendak bertanya sebab dia lupa dia juga ada kerajaan. Jadi nampaknya cara dia bercakap itu kerajaan kita sahaja yang salah. Tadi dia membangkitkan mengenai penjualan arak.

Sekarang saya hendak bertanya Yang Berhormat pula mengenai pajak gadai ini yang PAS kata sekarang ini kita marah mengamalkan riba dan sebagainya. Kalau betul-betul Kerajaan Negeri Terengganu ini bersih daripada riba dan arak ini, saya hendak bertanya, mengapa sekarang ini banyak pajak gadai-pajak gadai telah diluluskan oleh kerajaan negeri yang berbentuk konvensional yang masih lagi mengamalkan riba.

Di Kuala Terengganu bayaran lesen sebulan RM45,999.000, Pajak Gadai Ban Lee, di Kuala Terengganu dua, bayaran lesennya RM39,999.000, Pajak Gadai Ong Giaw Chee, kemudian di Kemaman pun ada juga, bayaran lesennya RM28,888.000 Pajak Gadai Yen Lee. Di Dungun pun ada juga, bayaran lesennya RM8,888.000 Pajak Gadai Seng Lee, di Kuala Berang bayaran lesennya RM5,555.000, Pajak Gadai Ken Lee. Jadi duit-duit pajak gadai yang dapat duit secara haram dari segi Islam ini, mana Kerajaan Negeri Terengganu buat ini. Jadi jangan lupa, PAS juga sudah ada kerajaan, jangan dok tengok Barisan Nasional. PAS dia bercakap lain sebelum dapat, bila sudah dapat, semua halal belaka, bila dia memerintah.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Macam mana Tuan Yang di-Pertua, patut saya jawab kah soalan ini atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:Terpulang kepada Yang Berhormat.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Sebab soalan itu tidak ada kena mengena dengan rang undang-undang ini. Hendak jawab itu boleh tetapi nanti menyimpang pula.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Memang lah tidak ada kena mengena tetapi hendak memberitahu. Jangan bila hendak bercakap syok bercakap mulut sahaja. Jangan tunjuk orang di depan, tiga jari dekat belakang silap tidak mahu ingat, kerana mungkin ada hikmah juga bila PAS menang di Terengganu dan Kelantan, jadi kita boleh tengok macam mana kerajaan yang mendakwa mengikut Islam ini betul atau tidak betul dilaksanakan cara Islam hanya cakap sahaja tetapi selam sahaja banyaknya.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Tetapi di waktu yang sama Yang Berhormat juga jangan tengok PAS sahaja, kena tengok diri sendiri sama. Kerajaan Malaysia pun apa kurangnya. Jadi kalau ada keinsafan itu marilah kita sama-sama bersatu dalam perkara yang disepakati dan saling hormat-menghormati dalam perkara yang...*[Dewan bising]* Dan bersatu itu mestilah berdasarkan kepada Al-Quran dan sunah, berdasar kepada kata putus yang telah dibuat oleh Allah dan Rasul. Kalau kita boleh bersatu di situ maka tidak ada masalah..

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Marilah masuk Barisan Nasional

Tuan Muhamad bin Mustafa: Tidak semestinya masuk Barisan Nasional? Bersatu ini boleh di mana-mana dan sekarang ini yang menjadi masalah kita dengan Barisan Nasional ini kerana dia banyak melanggar dasar-dasar agama. Itu yang menjadi masalah. Yang baik-baik semua kita sokong, kita setuju, tidak ada masalah tetapi yang kita tidak setuju ini ialah perkara-perkara yang bercanggah dengan agama. Oleh kerana itu menjadi tanggungjawab kami menegur kerajaan setakat yang kami mampu supaya kami juga apabila ditanya oleh Allah S.W.T nanti kami, sudah ada jawapan. Kami sudah tegur kerajaan di Parlimen tetapi Kerajaan Malaysia tidak mendengar, itu terpulangnya.

Beberapa Ahli: Boleh

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Saya tertarik tadi, saya malas hendak campur tangan tetapi bila menyebut pasal hukum, pasal perintah Allah S.W.T, bila mati esok ditanya oleh Allah itu semua orang sudah faham.

Saya hendak bertanya besok apa Menteri Besar Terengganu hendak jawab dengan Allah S.W.T ini yang lesen-lesen pajak gadai secara konvensional diluluskan oleh kerajaan negeri ini. Macam mana Yang Berhormat hendak menolong besok ini, Menteri Besar Terengganu bila ditanya oleh Allah S.W.T ini bercakap mengenai Islam tetapi meluluskan juga perkara-perkara, lesen-lesen bertentangan dengan hukum Allah S.W.T. Itu yang kita hendak beritahu. Bermakna kita kena terima bahawa kita ini berbilang kaum. Mana dia boleh buat, biarlah dia buat, bukannya kita hendak suruh orang Islam minum arak. Jadi, Yang Berhormat kena bercakap dalam konteks negara seluruhnya sebagai rakyat Malaysia berbilang kaum, berbilang bangsa.

Di Terengganu berapa persen sahaja bukan Melayu, pun ada juga arak, ada juga pajak gadai tidak mengikut Islam. Sedangkan kita sudah ada pajak gadai secara Islam, mengapa tidak mahu diikuti. Itu sahaja yang saya hendak maksudkan. Jadi, kita kena terima hakikat. Saya bersetuju, kalau betul-betul kerana Allah kerana berjuang kita memang akan bersama-sama tetapi kita juga kena memahami bahawa negara kita berbilang kaum. Itu yang saya hendak maksudkan. Jangan dok bercakap bantai kita sahaja. Terengganu dan Kelantan juga dua kali lima kerana dasarnya terpaksa menerima hakikat bahawa ini untuk orang bukan Islam. Terima kasih.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Memang kalau Yang Berhormat ada kesedaran itu insya-Allah ada kebaikannya. Jadi kalau Yang Berhormat sudah sampai sedar akhirat, sedar ada Tuhan, sedar ada syurga, neraka, sedar adanya pahala dan dosa dalam politik dan sebagainya, itu merupakan satu perubahan baru insya-Allah.

Kita doakan semoga kesedaran itu berterusan dan insya-Allah ada kebaikannya. Apa yang paling penting bagi kita ialah sebagaimana yang saya katakan tadi, kita hidup dalam sebuah negara yang berbilang kaum dan kita saling hormat menghormati tentang dasar agama masing-masing. Kalaulah sekiranya arak ini dibenarkan oleh agama itu, itu terpulang kepada agama masing-masinglah.

Bagi orang Islam yang memang dasarnya sangat jelas, jadi kita kena minta kawan-kawan kita daripada agama lain juga harus menghormatinya. Insya-Allah dengan adanya dasar hormat menghormati ini maka kita boleh bekerjasama dan negara kita menjadi matlamat terakhir untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara kita. Oleh kerana seksyen baru 14 ini saya rasa perlu diberi hak kepada orang Islam. Saya rasa bagi saudara kita yang bukan Islam barangkali tidak ada masalah tetapi bagi kita orang beragama Islam, barangkali yang menteri pun ada di sini, ada sedikit masalah. Apabila larangan penjualan arak ini terikat dengan usia dan umur dan undang-undang ini juga akan dilaksanakan kepada orang Islam.

Barangkali bagi orang yang bukan Islam tidak ada masalah. Bagi kita orang Islam maka dia ada masalah, larangan mengenai penjualan minuman keras yang memabukkan pada orang yang berumur di bawah 21 tahun dengan tidak memberi satu penjelasan, orang yang berumur ini orang Islam kah atau bukan Islam. Jikalau bukan Islam tidak ada masalah tetapi kalau orang Islam macam mana?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Orang Islam tidak minum arak.

Tuan Muhamad bin Mustafa: 12% orang Melayu minum arak di Malaysia sekarang ini. Ini yang menjadi masalah. 12% peminum arak adalah daripada orang Islam.

Seorang Ahli: Tangkap sahaja.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Walaupun ada undang-undang tetapi undang-undang ini diceroboh. Ini yang masalah, tetapi kalau lah sekiranya undang-undang ini terikat dengan umur..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bangun.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Boleh?

Tuan Muhamad bin Mustafa: Boleh.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Saya tertarik bila Yang Berhormat berkata mentafsirkan akta ini masyarakat Islam dan bukan Islam. Ini akta hiburan kemudian kita ada pula enakmen dan enakmen jenayah syariah di Wilayah Persekutuan, di negeri Selangor. Itu jelas ada mengatakan bahawa orang Islam yang minum arak akan merupakan satu kesalahan. Tengok undang-undang yang lain, jadi tidak boleh dalam satu undang-undang kita memasukkan bermacam-macam [*Ketawa*]. Yang Berhormat bagi Kota Bharu bagi, tolong ajar pasal undang-undang sedikit. Terima kasih.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Tetapi bukan begitu pertanyaannya. Sekarang ini dalam perbincangan, itu pandangan saya. Ya, sebagai seorang Islam, janganlah undang-undang itu berdasarkan kepada umur seolah-olah orang yang berumur di bawah 21 tahun tidak bersalah, seolah-olahnya begitu.

Sedangkan umur akhil baligh pun kalau kita tengok dari segi undang-undang Islam memang bawah daripada 20 tahun. Jadi, maknanya kalau kita tengok perkara ini walaupun kita ada undang-undang yang lain tetapi undang-undang ini juga akan melibatkan orang-orang Islam.

Bagaimana kalau sekiranya orang Islam itu masuk menceroboh undang-undang ini di mana usianya belum sampai ke situ. Apakah kerajaan tidak bertanggungjawab? Dia juga adalah bertanggungjawab, walau bagaimanapun saya berharap supaya pihak kerajaan memberi pertimbangan. Ya, silakan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Peringat. Saya hendak bertanya dan meminta penjelasan sedikit bersabit dengan yang dibangkitkan oleh Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri yang buta undang-undang sekejap tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Masa sudah cukup. Setiausaha Parlimen kita buta undang-undang. Saya ingat dia kena belajar banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tentang rang undang-undang pajak gadai semua itu, itu di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik-baik, kalau semua ikut, kalau tadi semua teguran saya diterima, semua mematuhi Peraturan Mesyuarat, benda ini tidak berlaku.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak betulkan satu sahaja. Kalau sudah di bawah penguat kuasa tempatan, memanglah jelas itu di bawah kerajaan negeri, itu pun tidak faham, sama macam Menteri Besar Terengganu, tidak faham soalan yang ditanya. Kuasa Kerajaan Negeri pun dia tidak boleh hendak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baik, sebab kita ada Usul. Ahli Yang Berhormat bagi Peringat, sila sambung besok.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita ada Usul, saya minta Yang Berhormat Menteri mengemukakan Usul Penangguhan.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

SPR – TUMPUAN TUGAS

5.31 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin menggesa SPR berhenti membuang masa, wang ringgit, tenaga ke atas perkara-perkara kurang penting dan remeh-temeh sahaja seperti menubuh pasukan pemantau, kain rentang, sepanduk, poster dalam kempen pilihan raya, sebaliknya menumpukan perhatian ke atas tugas utama menurut Perlembagaan Negara untuk menjalankan pilihan raya yang bebas, adil dan bersih.

Baru-baru ini SPR menjemput wakil-wakil parti pembangkang untuk membincangkan cadangan SPR iaitu:-

- (i) penubuhan pasukan pemantau kempen pilihan raya;
- (ii) Aku Janji calon;
- (iii) Aku Janji parti politik;
- (iv) pendaftaran parti politik dengan SPR sebelum bertanding.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat perkara-perkara tersebut sebagai remeh-temeh dan kurang penting. Calon-calon dan parti politik tidak perlu membuat Aku Janji kerana perkara-perkara yang dibutirkan dalam Aku Janji sudah pun dibutirkan dalam Seksyen 26 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan semua parti politik telah didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan.

Sebaliknya, SPR hendaklah menumpukan kerja-kerja utama:

- (i) membatalkan menghapuskan 2.8 juta pengundi hantu dari Daftar Pengundi dalam operasi pembersihan enam bulan melibatkan kerjasama semua parti politik, seperti mana yang diakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang mana mereka mempunyai bukti wujudnya sekurang-kurangnya 2.8 juta pengundi hantu;
- (ii) gerakan pendaftaran pengundi besar-besaran untuk mendaftar lebih kurang 1.5 juta rakyat yang layak tetapi belum mendaftar. Dalam era teknologi maklumat ini mengapa seseorang pengundi yang layak tidak boleh mendaftar dalam tempoh sebulan sebelum pilihan raya, sedangkan di New Zealand seseorang pengundi boleh mengundi selepas mendaftar 24 jam sebelum hari mengundi;
- (iii) memastikan pilihan raya yang bersih, adil dan bebas termasuk proses undi pos;
- (iv) menghapuskan liputan media yang tidak adil, berat sebelah semasa tempoh berkempen supaya terbitan tidak beretika seperti dalam Pilihan Raya Umum 1999 dihentikan;
- (v) menghapuskan politik wang tidak sahaja calon tetapi parti politik dan perbelanjaan pilihan raya yang berlebihan;
- (vi) mencegah penyalahgunaan dana dan sumber kerajaan;
- (vii) mewujudkan kod etika tentang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh kerajaan sementara selepas Parlimen dibubarkan; dan
- (viii) pelaksanaan Aku Janji SPR sendiri termasuk Pengerusi dan kakitangannya.

Saya berpendapat, inilah cara mengembalikan keyakinan awam ke atas integriti dan kebebasan SPR supaya ia berjalan secara profesional dan proses pilihan raya berjalan secara sah.

Tuan Yang di-Pertua, lapan perkara yang saya sebutkan tadi adalah kelemahan-kelemahan SPR selama ini dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini supaya diperbetulkan, tetapi SPR dan kerajaan mengambil sikap memekakkan telinga.

Perubahan paradigma baru SPR untuk menerima pandangan dan teguran parti-parti politik sejak akhir-akhir ini adalah sesuatu yang baik dan dialu-alukan, tetapi biarlah sikap terbuka SPR ini benar-benar ikhlas dan jujur, bukan sekadar sandiwara sahaja.

Sebuah SPR yang berwibawa adalah mereka yang berhak melakukan sesuatu mengatasi keputusan kerajaan. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

5.35 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, tujuan utama SPR mengadakan perjumpaan dengan parti-parti politik, adalah untuk berbincang

dan mendapatkan pandangan serta maklum balas dari pemimpin-pemimpin parti yang terlibat berhubung dengan isu-isu penting berkaitan pilihan raya.

Fokus pertemuan SPR dengan parti-parti politik pada 21 dan 22 Mei 2003 lalu, adalah kerana SPR berpendapat mungkin perlu calon-calon yang hendak bertanding dalam pilihan raya dikenakan syarat supaya menandatangani Aku Janji agar semua yang bertanding akan mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan berkempen yang ditetapkan.

Ini adalah kerana setiap kali pilihan raya diadakan, baik pilihan raya umum ataupun pilihan raya kecil, umumnya banyak yang melanggar peraturan dan tata susila berkempen, akibatnya suasana berkempen menjadi tegang dan tidak terkawal.

Matlamat SPR untuk melihat satu pilihan raya yang bersih tidak tercapai semata-mata kerana terdapat calon-calon dan penyokong-penyokong yang tidak menghormati peraturan serta tatasusila berkempen.

Oleh yang demikian, SPR mencadangkan untuk mewajibkan calon-calon menandatangani Aku Janji supaya keadaan menjadi lebih tenang, bersih dan terkawal.

Walau bagaimanapun, setakat ini, cadangan tersebut masih belum menjadi rasmi dan apabila ia dikemukakan perlulah diteliti terlebih dahulu, perkara-perkara yang sampingan, termasuk di dalam hujah Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang telah membangkitkan isu 2.8 juta pengundi yang beliau anggap sebagai pengundi hantu.

Berhubung dengan 2.8 juta nama-nama pengundi berkenaan, SPR telah pun memberi penjelasan kepada umum bahawa tidak semua nama dari 2.8 juta yang boleh dianggap sebagai pengundi hantu. 90% daripada jumlah itu adalah terdiri dari pengundi-pengundi yang sah di sisi undang-undang.

Hanya alamat mereka sahaja yang berbeza, atau berlainan dengan alamat dalam kad pengenalan yang berkenaan. SPR tidak boleh membersihkan nama-nama mereka sesuka hati kerana mereka sebenarnya mendaftar mengikut alamat yang mereka isytihar di dalam borang permohonan semasa mendaftar sebagai alamat tempat bermastautin atau *constructive residential address*, dengan izin.

Mengikut undang-undang yang lama, mereka yang mendaftar ketika itu, tidak diwajibkan mendaftar mengikut alamat di dalam kad pengenalan. Oleh itu, mereka mengisytiharkan di dalam borang satu alamat yang mereka anggap sebagai tempat boleh bermastautin ketika itu.

Mengikut undang-undang pendaftaran ketika itu, mereka adalah pengundi yang sah, SPR tidak boleh memindahkan nama-nama mereka itu ke tempat lain, selagi mereka tidak membuat permohonan pertukaran alamat ke tempat lain.

Walau bagaimanapun, SPR tetap berusaha untuk membersihkan pengundi-pengundi berkenaan yang terbukti memberikan alamat palsu yang mereka tiada hubungan atau kepentingan dengan alamat berkenaan.

Perkara ini dapat dibuat jika parti-parti politik membantu SPR untuk memberi makluman balas secara mengenal pasti sesiapa pengundi yang menyamar itu. Tanpa kerjasama dari parti-parti politik, adalah sukar untuk SPR mengenal pasti mereka ini, kerana SPR tidak mempunyai tenaga yang cukup untuk membuat siasatan setiap pengundi berkenaan di seluruh negara.

SPR juga tidak mahu membuat tindakan tanpa bukti kerana terdapat banyak di kalangan 2.8 juta pengundi itu yang berpindah tempat kediaman dan menukar alamat kad pengenalan tetapi tidak melaporkan kepada SPR.

Berhubung dengan gerakan pendaftaran pemilih warganegara yang layak mendaftar tetapi tidak mendaftar, SPR telah mengadakan berbagai-bagai kempen untuk menarik 1.5 juta bakal pemilih untuk mendaftar seperti menghebahkan melalui media masa

elektronik, surat khabar, taklimat, penerangan, penghantaran *brochure*, pemasangan kain rentang dan lain-lain.

Di samping itu, SPR telah menyediakan kemudahan mendaftar sepanjang tahun melalui Sistem Pendaftaran Pemilih Sepanjang Tahun atau SPPST yang bermula mulai 16 Julai 2002. Melalui sistem pendaftaran ini, SPR telah melantik Pos Malaysia Berhad sebagai kaunter pendaftaran pemilih di seluruh negara. Buat masa ini sebanyak 649 Pejabat Pos Berkomputer yang telah membuka kaunter SPPST untuk pendaftaran pemilih.

Pihak Pos Malaysia Berhad telah mengadakan kemudahan tambahan di ibu pejabat pos negeri di seluruh Malaysia dengan membuka kaunter khas pada setiap hari Sabtu, minggu ketiga. SPR juga telah mengadakan kemudahan pendaftaran pemilih melalui kaunter di Ibu Pejabat SPR, Pejabat PPN dan Unit Bergerak SPR di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan mempercepatkan pengesahan daftar pemilih, SPR mengambil tindakan membuat pengesahan setiap tiga bulan sekali. Ini sejajar dengan peraturan yang ada sekarang di mana pendaftaran pemilih akan disahkan berdasarkan suku tahun. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh SPR untuk menggalakkan mereka yang layak mendaftar sebagai pemilih tetapi tanggungjawab ini terletak kepada individu berkenaan.

Dengan yang demikian Ahli-ahli Yang Berhormat perlu memainkan peranan penting khususnya Yang Berhormat bagi Bukit Bintang untuk menggalakkan warganegara yang layak dan belum mendaftar untuk mendaftar sebagai pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan proses pengundian, sukacita dimaklumkan bahawa proses pengundian di Malaysia telah pun diperakukan sebagai sistem yang bertanggungjawab dan telus. Proses pengundian disaksikan oleh wakil-wakil parti politik sebagai mana diperuntukkan di dalam undang-undang dan peraturan pilihan raya. Begitu juga dengan sistem pengundian pos di mana semasa kertas undi dikeluarkan, wakil-wakil calon dibenarkan untuk menyaksikan proses pengeluaran dan pengedaran kertas undi.

Beberapa saranan lain yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat seperti menghapuskan liputan berita media yang tidak adil, politik wang, penyalahgunaan kuasa, kod etika tentang boleh atau tidak boleh, kerajaan sementara, semuanya ini telah dikawal oleh undang-undang dan peraturan yang sedia ada. Sesiapa sahaja tidak berpuas hati dan mempunyai bukti yang cukup terhadap apa jua tuduhan pelanggaran undang-undang atau rasuah boleh membuat laporan kepada pihak berkuasa bagi kes-kes yang berkaitan dengan pelanggaran undang-undang pilihan raya atau akta kesalahan pilihan raya.

Yang Berhormat jika tidak bersetuju atas sesuatu keputusan pilihan raya atau mempunyai bukti berlakunya penyelewengan kuasa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:.....rasuah, atau pelanggaran undang-undang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:..... boleh membuat petisyen pilihan raya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada satu minit lagi.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya Yang Berhormat bagi Bukit Bintang yang mencadangkan supaya Pengerusi, pegawai-pegawai dan kakitangan SPR menandatangani Aku janji, cadangan ini adalah tahyul oleh kerana SPR tidak bertanding dalam pilihan raya. Yang bertanding ialah Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Ahli bagi Bukit Bintang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila Yang Berhormat bagi Parit.

MEMPERKASAKAN PENDIDIKAN AGAMA

5.43 ptg.

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat [Parit]: *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *Walaikum salam.*

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bimbang dengan gejala kerosakan akhlak anak-anak kita sekarang yang jika tidak dicegah dari awal akan mengakibatkan rosak generasi akan datang. Tajuknya ialah *Memperkasakan Pendidikan Agama*.

Gejala kerosakan ini tidak dapat tidak, ada berkaitan dengan sistem sekolah kebangsaan. Mereka yang ditangkap pecah amanah dalam Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan KWSP, penyamun dan perompak ini adalah hasil daripada sistem pendidikan kebangsaan yang mereka lalui [*Tepuk*].

Gejala kerosakan remaja kita ini amat mencemaskan. Menurut akhbar *Berita Harian* terbitan 11 Oktober 2002, melaporkan bahawa kajian bersama Kementerian Kesihatan, Universiti Malaya dan sebuah syarikat swasta terhadap remaja berumur di antara 15 hingga 21 tahun pada tahun 2000 mendapati 13% daripada mereka mempunyai pengalaman melakukan hubungan seks. Hasil kajian penyakit dan kesihatan nasional kedua pada tahun 1996 pula mendapati 1.8% responden di sekolah menengah mendakwa pernah melakukan hubungan seks.

Dalam kajian itu juga menunjukkan 63.2% mengadakan hubungan lain jenis, 20% mempunyai pengalaman mengadakan hubungan sejenis dan 9.4% pula mengaku melakukan hubungan seks dengan pelacur. Statistik-statistik yang baru dipaparkan ini hanya merupakan secebis kerosakan remaja yang kita ketahui. Yang tidak kita ketahui, *subhanallah*.

Sekolah kebangsaan yang sepatutnya menerapkan nilai-nilai murni dalam kurikulum bersepadunya telah gagal dalam menghasilkan remaja yang berakhlak mulia, bertatasusila dan beradab sebagai manusia. Kalau tidak, tak akan ada kejadian kes di mana polis merekodkan kenyataan seorang wanita yang mendakwa dirogol oleh anaknya yang berusia 15 tahun di Lubuk Merbau, Kuala Kangsar pada bulan Jun 2002 yang lalu.

Sistem pendidikan kebangsaan yang ada belum tentu dapat membina benteng dan ketahanan yang kukuh di kalangan para remaja kita untuk berhadapan dengan kemasukan pengaruh negatif dari luar dan dalam malah dalam era globalisasi ini, jika tidak kuat pendidikan agamanya dan pembinaan tatasusila dan adab yang tinggi, remaja kita akan mudah terjebak dalam gejala sosial.

Kebimbangan ibu bapa terhadap gejala sosial inilah yang menyebabkan ada ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah agama rakyat. Sistem Pendidikan Kebangsaan belum tentu menjamin anak-anak menerima pendidikan agama yang mencukupi. Memang tidak dinafikan bahawa ilmu fardu kifayah amat penting terutamanya untuk kemajuan umat Islam. Namun demikian, adakah sistem pendidikan kebangsaan menjamin dapat memberikan pendidikan dan ilmu fardu ain kepada anak-anak kita sedangkan ilmu-ilmu fardu ain merupakan asas yang wajib dimiliki oleh setiap anak-anak kita.

Tidakkah tuan-tuan membaca di mana Ibnu Sina yang dianggap Bapa Perubatan Moden dan tokoh tersohor di dunia Barat mempunyai ilmu fardu ain yang mantap. Ibnu Sina telah menghafaz Al-Quran ketika berumur 10 tahun. Kalau di sekolah kebangsaan baru Darjah 4. Kejayaan dunia Islam melahirkan ketokohan Ibnu Sina adalah bukti kejayaan sistem pendidikan Islam yang dilaluinya.

Kalaulah Ibnu Sina hidup di zaman sekarang dan belajar dalam sistem pendidikan kebangsaan yang ada di negara kita, sudah tentu Ibnu Sina tidak menjadi hebat seperti dahulu [*Tepuk*]

Justeru saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia memperkasakan lagi pendidikan agama di sekolah kebangsaan dengan menambahkan lagi waktu pengajaran dan pembelajaran agama. Menambahkan ilmu-ilmu agama yang perlu dipelajari. Mewajibkan pelajar sekurang-kurangnya lulus Pendidikan Islam. Mengadakan pendidikan agama merentas kurikulum atau mengislamisasi ilmu.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat saudara saya Yang Berhormat bagi Parit kerana kepekaan dan keprihatinan beliau terhadap masalah gejala sosial yang timbul dan seterusnya mencadangkan agar kerajaan memperkasakan pendidikan agama.

Saya bersetuju dan turut merasa bimbang dengan gejala keruntuhan akhlak masa kini, terutamanya apabila kata-kata lucah dan maki hamun digunakan dengan berleluasa oleh anggota pembangkang dalam beberapa pilihan raya kecil dan pilihan raya umum yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya proses mendidik bermula sejak seseorang bayi itu lahir dan ianya diasuh dari sejak buaian lagi oleh ibu dan seluruh anggota keluarga. Hanya selepas berumur 7 tahun seorang anak itu akan mula bersekolah. Oleh itu, anggapan bahawa pendidikan akhlak hanya berlaku di sekolah adalah tidak benar.

Kita terima hujah dan cara pemikiran Yang Berhormat bagi Parit, tetapi saya ingin membetulkan generalisasi yang dibuat oleh Yang Berhormat berdasarkan beberapa insiden sahaja. Setelah mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat, saya dapat simpulkan bahawa beliau terkeliru dengan hujah-hujahnya sendiri. Yang Berhormat telah memberikan bukti-bukti yang longgar dan dakwaan beliau penuh dengan prejudis.

Saya amat kesal dengan dakwaan melulu Ahli Yang Berhormat bahawa kes-kes pecah amanah, penyamun dan perompak adalah hasil daripada Sistem Pendidikan Kebangsaan. Barangkali Ahli Yang Berhormat terlupa atau sengaja lupa berapa ramaikah lulusan hasil Sistem Pendidikan Kebangsaan pada hari ini menjadi tenaga penting membangunkan negara sehingga tersohor ke seluruh dunia sebagai model negara Islam yang menjadi rujukan ketika ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ini termasuklah para cendekiawan, ilmuwan, golongan profesional, pemimpin, ahli-ahli politik yang sebahagiannya terdapat dalam Dewan yang mulia ini termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri daripada anggota parti pembangkang. Janganlah Ahli Yang Berhormat membuat rumusan sehinggakan nila yang setitik itu merosakkan susu selautan. Saya berharap Ahli Yang Berhormat berhati-hatilah membuat dakwaan kerana tanpa bukti yang kukuh akan menjerat diri sendiri.

Saya juga tertarik dengan data-data yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai gejala kerosakan moral remaja. Bukanlah menjadi hasrat saya untuk menyangkal kajian tersebut, tetapi adalah tidak adil Ahli Yang Berhormat mengambil kesempatan daripada kajian tersebut untuk kepentingan politik sendiri dengan menuduh segala-galanya berpunca dari sekolah kebangsaan. Ahli Yang Berhormat telah gagal membuktikan secara konkrit bahawa golongan yang terlibat benar-benar terdiri daripada mereka yang melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, nanti sekejap. Sungguhpun Pokok Sena bangun tetapi saya hendak minta dia duduk. Peraturan Mesyuarat 17(4), sila baca.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedar bahawa pendidikan formal di sekolah amat penting dalam mencorakkan generasi

akan datang dan membentuk jati diri golongan muda khususnya. Lupakan Ahli Yang Berhormat yang dahulunya pernah menjadi pendidik bahawa selain daripada sistem pendidikan formal, sikap dan perlakuan seseorang individu juga dipengaruhi oleh pengalaman yang dibentuk melalui pendidikan *informal* dan *non-formal*. Oleh itu, semua pihak termasuklah ibu bapa, komuniti setempat, badan-badan bukan kerajaan (NGO), semua agensi kerajaan dan juga pemimpin-pemimpin politik termasuklah Ahli Yang Berhormat dari Parit sendiri adalah sama-sama bertanggungjawab membentuk bangsa yang berakhlak dan menjadi contoh kepada generasi muda.

Sebenarnya, berapa lamakah jangka masa seseorang pelajar berada di sekolah jika dibandingkan di luar? Sebagai seorang yang pernah menjadi pendidik dalam bidang pendidikan agama, saya rasa Ahli Yang Berhormat ada jawapannya. Justeru, saya berharap sama-samalah kita berlapang dada dalam menangani masalah ini bersama-sama kerana ia menentukan masa depan negara dan bukannya masa depan politik PAS yang sempit.

Sebenarnya Sistem Pendidikan Kebangsaan menyediakan pendidikan secara menyeluruh. Semua mata pelajaran diajar adalah untuk membentuk akhlak yang menyentuh aspek emosi, rohani, jasmani dan intelek sejajar dengan falsafah pendidikan kebangsaan. Pada masa yang sama saya memang amat bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa pendidikan agama yang kukuh sahaja dapat membina ketahanan diri para remaja daripada terpengaruh gejala-gejala negatif.

Namun, saya berasa kesal sekali Ahli Yang Berhormat mendakwa seolah-olah kerajaan dan Kementerian Pendidikan lepas tangan dalam memperkukuhkan pendidikan agama. Sebagai bukti, Kementerian Pendidikan telah menyediakan Kurikulum Pendidikan Islam yang wajib dipelajari oleh semua murid Islam di sekolah rendah dan menengah. Pendidikan Islam adalah pelajaran teras bermula daripada Tahun Satu sekolah rendah sehinggalah Tingkatan Lima sekolah menengah. Kita juga melaksanakan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Malah Pendidikan Islam merupakan elemen yang dimasukkan dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, pengajaran Pendidikan Islam tidak hanya tertumpu kepada peperiksaan bertulis sahaja tetapi juga aspek amali. Murid sekolah rendah dan menengah diwajibkan menjalani Ujian Penilaian Amali Fardu Ain (PAFA). Kementerian Pendidikan juga telah beberapa kali membuat semakan Kurikulum Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah. Kaedah pengajaran dan pembelajaran juga telah dipertingkatkan daripada segi pengetahuan, penghayatan dan amalan. Ini adalah untuk mengelakkan tumpuan pengajaran mata pelajaran ini kepada peperiksaan semata-mata.

Apa yang disarankan oleh Yang Berhormat sebenarnya telah, sedang dan terus dijalankan oleh Kementerian Pendidikan. Penekanan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan ialah melahirkan pelajar yang dapat menguasai pelbagai bidang ilmu termasuklah fardu ain dan fardu kifayah. Malah kerajaan amat komited dalam perkara ini dengan menubuhkan jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tan Sri Murad Mohd. Nor baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar ketokohan Ibnu Sina lahir dari sistem pendidikan Islam di zaman kegemilangan Islam lampau, tetapi apakah Sekolah Agama Rakyat yang dianggap oleh Yang Berhormat melaksanakan sistem pendidikan Islam mampu melahirkan Ibnu Sina? Malah jika Ibnu Sina hidup di kalangan kita pada hari ini, apakah beliau akan memilih Sekolah Agama Rakyat yang sememangnya daif daripada segi kemudahan untuk belajar Sains ditambah pula dengan guru-guru yang tidak berkelayakan.

Barangkali beliau akan lebih tertarik belajar di sekolah menengah kebangsaan agama yang disediakan oleh kerajaan yang memberikan pendidikan akademik dan agama secara menyeluruh dan bersepadu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:serta seimbang antara fardu ain dan fardu kifayah.

Kesimpulannya, mintalah Yang Berhormat daripada pihak PAS jangan membuat tuduhan melulu terhadap Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu, kita di Kementerian Pendidikan sudah pun berusaha dan kita tidak akan melepaskan tanggungjawab ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selesailah Ucapan-ucapan Penangguhan. Maka Majlis Mesyuarat ditangguhkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.00 petang.